

FPP BizNewz

June - November 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Endometriosis

Sejauh Mana Kesedaran Anda?

Personal Shopper

What You Need To Know

Sustainable Packaging in eCommerce

A Few Solutions to Protect the Planet

Type text here

How To Teach Your Children To Pack Their Backpacks For Travel? An Easy Guide

A Short Vacay in Hat Yai

My Sister, My Best Friend

Kredit Mikro di Malaysia

H0BI



Publication Date
8 November 2022

Photo by Matt Chambers on Unsplash

EDITORIAL CHIEF'S NOTE

Team

Chief Editor

Dr Ahmad Suffian Mohd Zahari

Managing Editor

Nik Noor Afizah Azlan

Secretary

Hani Sakina Mohamad Yusof

Layout & Graphic Editor

Nur Azwan Mohamad Azmin

Publicity

Suhaily Maizan Abdul Manaf

Website

Nurul Ulfa Abdul Aziz

Editors - Malay & English

Azian Abd Ghani

Fathiyah Ismail

Haslenna Hamdan

Nurul Syuhada Baharuddin

Suzila Mat Salleh

Najah Lukman

Hani Sakina Mohd Yusof

Nur Syikri Harun

To all BizNewz writer and readers

On behalf of the managing editor and all editors of BizNewz, I am glad to present the June - November, Issue 2, 2022. We are very proud to present to you some talents that we have among our very own academicians, who have put their heart and mind on their topics of interest, sharing their thought with us. In this issue, we are honoured to have with us a few authors from neighbouring country, also sharing their thought with us.

BizNewz is now getting recognized for national level up. This is a promising sign for future growth. We could reach this stage through the constant support of hardworking editors and intellectual generosity of the contributors from various faculties and departments. One of the objectives of BizNewz is to encourage publication from different streams of research that helps to enrich further the discourse on academic purposes.

I hope the Universiti Teknologi MARA (UiTM) academic staff and the Faculty of Business and Management (FBM) members will always be cheerful and exuberant, ever eager to contribute to the BizNewz. As usual, thanks are extended to the contributors who are willing to write on BizNewz.

May we all have divine pleasure from Allah.

See you again in the next issue.



Editorial

Chief's Note

eISSN 2600-9811

TABLE OF CONTENT

ii	Editorial
ii	Chief's Note
1	Beach Clean Up
3	Masyarakat Etnik Melayu Rawa
8	Seroja
11	Daun Pisang Elemen Estetika Pembungkusan
13	My Sister, My Best Friend
15	Personal Shopper: What You Need To Know
18	Sorotan Mengenai Prestasi Pekerja Dengan Kepimpinan Bertransformasi, Persekitaran Kerja, Dan Kecerdasan Emosi
23	Literasi Kewangan Mengenai Pengurusan Portfolio Digital Di Malaysia
27	Sustainable Packaging in eCommerce: A Few Solutions to Protect the Planet
31	Endometriosis: Sejauh Mana Kesedaran Anda?
33	The Environmental Issues Of Transport In Malaysia
37	COD
40	Prestasi Perkhidmatan Inovatif Dalam Kalangan Penjawat Awam: Satu Sorotan Awal
45	Hobi Boleh Elak Stress

48	Capital Asset Pricing Model (CAPM)
50	Kenaikan Harga Barang di Malaysia
53	Employees Assimilation and Socialization Tactics in Organization
60	Aplikasi Nisbah PE dalam Penilaian Syarikat
62	Di Ambang Krisis Ekonomi: Apakah Persiapan Kita
65	Kredit Mikro di Malaysia
69	Jual Salam
71	Nak Jadi Entrepreneur?
75	Hobi Saya Adalah...
77	Nukilan Lagu Buat Puteriku
80	Aku, Dia dan NICU
83	Dugaan
85	A Short Vacay in Hat Yai, Thailand
89	Menyelusuri Sungai Kelantan ke Pulau Suri
91	Victoria Bridge
93	Percutian di Dusun Rimbun Agro Farmstay
97	Kupasan Filem Instant Family
99	Rekreasi Bumbung Raja, Hulu Dungun, Terengganu
103	Siri 2: Inspirasi Yang Tak Pernah Mati
107	Pendekar Dan Srikandi Merdeka Plogging
109	How To Teach Your Children To Pack Their Backpacks For Travel? An Easy Guide

112	Jejak Pengalaman Penasihat Projek Pelajar OPEM Versi ODL
114	Coretan Karista Di UiTM Terengganu
115	Resipi Kuah Lodeh Versi Mek Kelate
117	Karnival Jualan KARiSTA 2022
119	Majlis 'Sulaman Kasih Sanjungan Budi'
121	Seloka Dikir Timor FPP
123	Program TAsmi' TAhfiz Al-Quran
126	ENT300: General Guidelines for Operational Plan
129	Cost Benefits Analysis In Government Project Appraisal

BEACH Clean Up

Noorazlina Ahmad dan Najah Lukman

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Perbandaran Dungun, Pejabat Tanah Dungun, Geng Plastik Ija (GPI), Kumpulan SIG 3rd HAND, Program Siswa Sihat (di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia) dan masyarakat setempat.

UiTM Cawangan Terengganu secara tidak langsung dapat mempromosikan program berbentuk khidmat komuniti dan mampu menyebarkan aura positif dalam kerja-kerja kesukarelawan kepada peserta dan masyarakat setempat. Seterusnya mampu mempromosikan negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang bersih dan bebas sampah satu hari nanti. Aktiviti ini selari dengan seruan dari Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar yang inginkan negeri Terengganu maju berkat dan sejahtera. Ianya juga mencapai beberapa objektif di bawah Sustainable Development

Pada 28 Jun 2022 yang lalu, satu program khidmat komuniti membersihkan pantai di sepanjang persisiran pantai Dungun telah berjaya dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu bersama Universitas Islam Sultan Agong, Indonesia (UNISSULA). Program ini juga melibatkan kerjasama dengan Majlis

Goal iaitu nombor 11, 13 dan 14.

Program kolaborasi ini melibatkan warga UiTM (37 orang pensyarah dan 69 orang pelajar), 4 dosen dan 30 pelajar UNISSULA, Semarang, Indonesia, 133 orang peserta dari Geng Plastik Ija (GPI) Terengganu, dan 46 peserta orang awam. Program yang julung kali diadakan ini juga mendapat kerjasama dari pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Batu 7. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peserta Beach Clean Up adalah seramai 320 orang yang membersihkan pantai Dungun secara serentak dari Pantai Teluk Gadung ke Kuala Dungun pada petang 28hb Jun 2022 dan berjaya mengumpulkan sejumlah 692 kg sampah serta 25 kg barang kitar semula berbentuk plastik.

Sebanyak lima checkpoint telah dibuka bagi mengagihkan bilangan peserta secara sama rata dalam aktiviti pembersihan ini. Sampah yang boleh dikitar semula diasingkan dan dijual kepada syarikat kitar semula Awie Metal Sdn Bhd yang beroperasi di Dungun. Hasil jualan sampah kitar semula ini disumbangkan kepada kelab GPI. Kelab GPI dalam program ini bertindak sebagai peneraju dan pelaksana program yang memberi sokongan dalam menyediakan plastik sampah, sarung tangan dan air mineral kepada peserta. Pada hari berkenaan juga, program bertambah meriah dan bersemangat apabila pengerusi GPI, Encik Zulkifli Sarji turut hadir bersama-sama menjalankan aktiviti plogging berkenaan bersama peserta.

Sebanyak 193 pek makanan telah diagihkan kepada sebahagian peserta Beach Clean Up yang telah ditempah daripada Pokcik (Orang Kelainan Upaya) bagi menyokong perniagaan beliau yang secara tidak

langsung membangunkan ekonomi tempatan di bandar Dungun.

UiTM Cawangan Terengganu merasa bertanggungjawab untuk melindungi dan menjaga alam sekitar kerana kami percaya usaha yang sedikit jika dilakukan secara berterusan dan bersungguh-sungguh, mampu membawa perubahan yang besar kepada alam sekitar.

MASYARAKAT ETNIK MELAYU RAWA

Oleh:

Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Suhaily Maizan Abdul Manaf, Fathiyah Ismail, Salwani Affandi, Nur Azwani Mohamad Azmin, Nik Noor Afizah Azlan, Sholehah Abdullah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

***"Riringgiek Tebang Jo Olang
Tebang Mombubuong ko Udaro
Dari Sungei Soriak ko Gunuang Molintang
Tosobuik Luhak Tanah Rao"***

Pantun dialek Rao diatas menceritakan kekuasaan Masyarakat Rao suatu ketika dahulu di tanah Sumatera Barat. Masyarakat Rao berasal dari sebuah daerah kecil Rao, Mapat Tunggul, Daerah Pasaman, Sumatera Barat, Indonesia. Daerah kecil Rao merupakan wilayah rantau minang dan menjadi sebahagian dari kerajaan Pagaruyung sejak abad ke-16. Namun di Malaysia, etnik Rao lebih dikenali dengan panggilan Rawa. Penggunaan istilah Rawa di Malaysia dipercayai bermula daripada Haji Abdullah Noordin al-Rawi yang mengasaskan syarikat percetakan dan penerbitan Persama Press pada tahun 1921 di Lebuh Aceh, Pulau Pinang. Perkataan "ar-Rawi" digunakan dibelakang nama bagi menunjukkan asal-usul seseorang, mengikut kepada cara orang Arab yang meletakkan nama tempat dimana berasalnya seseorang itu di hujung nama mereka. Perkataan "ar-Rawi" bermaksud dibangsakan kepada "Rao" tetapi lama-kelamaan sebutannya bertukar menjadi "ar-Rawa" merujuk asal daripada daerah "Rao", di Sumatera. Menurut Prof Dr HM Bukhari Lubis (Universiti Pendidikan Sultan Idris) dan Afriadi Sanusi (Universiti Malaya), sebagaimana yang ditulis di dalam buku Bingkisan Sejarah Raub Rao Dan Pagaruyung: Pertaliannya Dengan Raub Dan Pahang, melayu Rao ini ditakrif sebagai beragama Islam, bermastautin di Rao, berasal dari keluarga Rao melalui hubungan darah atau persemendaan tanpa batas sempadan, berbahasa Rao dan mengamalkan adat budaya Rao. Dikatakan juga mereka ini masih dalam lingkungan suku Minang dan mengamalkan Adat Perpatih. Sungguhpun begitu, terdapat juga sumber lain yang mengatakan bahawa masyarakat Rao bukan berasal dari Pagaruyung atau Minangkabau kerana terdapat bukti-bukti tinggalan sejarah yang menunjukkan Rao adalah

negeri tertua jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Sumatera. Dikatakan mereka ini berasal dari suku bangsa Lubu yang akhirnya berkembang menjadi orang melayu. Suku ini datang ke Rao pada abad ke-6 dan mengamalkan sistem kasta yang kemudiannya berubah menjadi suku. Dikatakan orang Mandailing di Sumatera Utara juga berasal dari bangsa Lubu yang sama seperti Rao.

Dewi, S. F., Saifullah, S., & Yulika, F. (2020) pula di dalam buku mereka Serba Serbi Perantau Rao (Rawa) Malaysia, mencatat penghijrahan masyarakat Rao ke tanah melayu bermula seawal abad ke-5 lagi. Namun terdapat juga penulisan yang dirujuk berkenaan penghijrahan ini yang merekodkan kedatangan mereka bermula pada abad ke-15 ketika era perdagangan bebas zaman Kesultanan Melayu Melaka. Aktiviti perdagangan ini menjadi faktor penggalak kepada orang Rao untuk merantau, berdagang dan seterusnya bermastautin di sini.

Setelah berhijrah ke Tanah Melayu, mereka membawa haluan masing-masing dan meneruskan kehidupan sebagai pedagang, petani dan pelombong. Ada yang menetap di Selangor, Perak, Kedah, dan Pahang. Sumber dari Zaffuan Hj. Manap (2019) merekodkan penghijrahan masyarakat Rao bermula pada 1773 hingga 1848 ke Negeri Sembilan, 1857 hingga 1863 ke Pahang, 1867 hingga 1873 ke Selangor dan turut terdapat sebilangan yang membuka penempatan di Kelantan. Namun, perpindahan besar-besaran mereka bermula setelah daerah Rao ditakluk oleh Belanda pada 1833 dan meletusnya perang Padri. Kehadiran mereka ke tanah melayu membawa bersama budaya dan adat resam tradisi yang masih diamalkan sehingga kini serta kekal sebagai identiti unik masyarakat ini. Secara fizikalnya,

penampilan mereka tidak banyak berbeza dengan Melayu Malaysia, cuma bahasa pertuturannya berbeza iaitu seakan-akan Minang.

Masyarakat Rao sejak di tanah asalnya Sumatera sememangnya terkenal sebagai pedagang, oleh itu perhijrahan mereka banyak dipengaruhi faktor ekonomi selain dari faktor peperangan. Kerancangan aktiviti perlombongan emas di abad ke-17 Masihi dan bijih timah di abad ke-18 juga turut mendorong sebahagian besar pelombong Rao ke Tanah Melayu melalui negeri-negeri selat. Kepentingan ekonomi dipercayai mendorong kepada pembukaan penempatan mereka di kawasan yang luas peluang perniagaan serta kaya dengan sumber alam semulajadi seperti emas, timah dan hasil hutan. Ini juga merupakan salah satu sebab kepada dominasi penempatan mereka ditemukan dikawasan yang suatu ketika dahulu terkenal dengan hasil perlombongan bijih, emas dan pertanian seperti di Raub yang terkenal dengan aktiviti perlombongan emas. Malah dikatakan nama daerah Raub itu sendiri berasal dari perkataan Rao yang lama kelamaan disebut sebagai Raub. Walaupun begitu, terdapat juga sumber lain yang merekodkan daerah Raub mendapat nama dari aktiviti 'meraub' atau mengaut emas di tebing sungai Raub. Manakala di Perak, penempatan mereka bertumpu di daerah dan kawasan yang dibuka berikutan aktiviti melombong dan pertanian seperti di Kampar, Gopeng, Temoh, Tapah, Selama dan sebahagiannya di Tanjong Malim. Manakala di Selangor pula, masyarakat ini dominan di Hulu Selangor seperti di kawasan Kalumpang. Terdapat juga sebilangan masyarakat Rao yang bermastautin di kelantan, khususnya jajahan Pasir Mas, yang dikatakan berhijrah ke negeri Cik Siti Wan Kembang

melalui Pahang.

Selain faktor ekonomi dan pertanian, faktor geografi dan sosial juga menyumbang kepada penghijrahan dan pemilihan penempatan masyarakat ini. Mereka dikatakan mencari kawasan muka bumi yang mirip dengan tempat asal mereka dan daerah yang telah ada ramai suku bangsa mereka. Lokasi yang dipilih agak tersorok di sebelah hulu dan selamat dari ancaman musuh seperti di Hulu Pahang dan Hulu Selangor.

Warisan budaya kesenian, makanan dan adat Masyarakat Rao telah mewarnai kepelbagaian etnik di Malaysia. Selain budaya yang unik, sumbangan tokoh-tokoh ilmuan dari kalangan masyarakat Rao, seperti Hj. Yusof Rawa misalnya dan pahlawan pejuang kemerdekaan berketurunan Rao seperti Mat kilau juga turut tercatat dalam lembaran sejarah negara. Ringkasnya, dari mana pun asal mereka, masyarakat Rao di Malaysia pada hari ini telah berasimilasi dengan budaya setempat dengan baik di samping masih mengekalkan tradisi asal dari seberang.

Rujukan:

Abdul Hamid, F. & Jalani, H, (2018), Haji Yusof Rawa dan Penerbitan Majalah al-Islah (1970-1974), Jurnal Usuluddin 46(2): 147-166

Abdullah, S., & Fathil, F. (2021), Revisit the History of Early Settlements in Pulau Pinang: The Contributions and Legacies of Rawa People. *Intellectual Discourse*, 29(2).

Dewi, S. F., Saifullah, S., & Yulika, F. (2020), *Serba Serbi Perantau Rao (Rawa) di Malaysia*, Gre Publishing, Ikatan Penerbit Indonesia, Yogyakarta, Indonesia.

Fathil, F., Sulong, W. S. W., & Manaf, N. F. A. (2018), Rawa Migration to The Malay Peninsula in the 19th Century: The Case of Pahang, Perak, And Selangor. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 27-50.

Manap, Z. (2019), Bingkisan Sejarah Raub Rao Dan Pagaruyung: Pertaliannya Dengan Raub Dan Pahang, Pusat Warisan Intelektual Negeri Pahang, 2019-04-26 00:45:01

Misteri Etnik: Melayu Rawa - Part 1 (2010), <http://laman-seri.blogspot.com/2010/08/misteri-etnik-melayu-rawa-part-1.html>

Panitia Teromba Keturunan Rawa Setanah Melayu https://terombarawa.blogspot-com.translate.goog/2008/12/sejarah-rawa-di-tanah-melayu.html?_x_tr_sch=http&_x_tr_sl=ms&_x_tr_tl=en&_x_tr_hl=en&_x_tr_pto=sc

Rosdi, N. M. (2017). Kesenian Warisan Islam Dan Budaya Pahang. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(1), 74-102.

PEMBELIAN DALAM TALIAN

Suzila Mat Salleh, Noor Malinjasari Ali, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Ruzaidah A Rashid, Hasmida Mohd Noor dan Raslina Mohamed Nor
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
Emel: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Pengguna masa kini dilihat lebih suka berbelanja secara dalam talian berbanding berbelanja secara fizikal. Perkara ini berlaku secara mendadak semasa berlakunya COVID19 yang menyerang seluruh dunia. Pengguna yang sebelum ini membuat pembelian secara fizikal mula beralih ke pembelian dalam talian melalui laman web atau operator jualan barangan. Menurut Gwendolyn Lim (Rakan Kongsi Bain & Company) (yang dipetik dari Berita Harian) berpendapat bahawa pengguna Malaysia membuat pembelian sebanyak melebihi 50 peratus secara dalam talian apabila didorong oleh sekatan COVID-19 pada tahun 2021.

Menurut Berita Harian (2022) (laporan Barometer e-Dagang Asia Tenggara (SEA) 2021 yang dikeluarkan Ninja Van Group), jumlah pengguna yang membuat pembelian secara dalam talian di Asia Tenggara terus meningkat kepada 380 juta menjelang 2026. Kajian juga telah dijalankan pada 2021 di negara Thailand, Vietnam, Filipina, Singapura, Indonesia dan Malaysia terhadap 9000 responden mendapati bahawa sejak COVID19 menyerang seluruh dunia, sebanyak 70 juta pengguna dalam talian menggunakan perkhidmatan e-dagang. Dengan meningkatnya pembelian di dalam talian, membolehkan barangan-barangan dibeli di laman web dan operator jualan. Antara operator jualan dalam talian yang popular di Malaysia adalah Lazada dan Shopee. Tawaran pembelian melalui penghantaran percuma dan tawaran-tawaran yang lain juga memberi satu kelebihan

kepada operator jualan seperti Lazada dan Shopee untuk menarik perhatian pengguna membuat pembelian secara dalam talian. Tawaran jualan dibuat setiap bulan untuk memberi peluang kepada pengguna memperolehi barangan yang ditawarkan dan memperolehi kelebihan penghantaran secara percuma pada waktu-waktu tertentu. Walaupun kini barangan banyak dibeli di laman web, laman sosial ataupun operator jualan, namun kita perlu juga berwaspada terhadap laman-laman yang mencurigakan. Terdapat juga kes-kes tertentu di mana pengguna membeli barangan di laman web namun barangan yang dijanjikan tidak diperolehi. Sebagai pengguna, kita perlulah berhati-hati semasa membeli barangan samada melalui laman sosial (Twitter, Instagram atau Facebook), laman web atau operator jualan lain kerana terdapat juga akaun yang dibuat untuk menipu dan memperdayakan pengguna.

Rujukan

Zainuddin, M. Z. (2021, Oktober 19). Separuh Rakyat Malaysia Beli Barang Dalam Talian. Berita Harian. Sumber diperolehi di, <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/877743/separuh-rakyat-malaysia-beli-barang-dalam-talian>
Mahanum Abdul Aziz (2022, April 18). Pembelian dalam talian semakin jadi pilihan pengguna. Berita Harian. Sumber diperolehi di <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/04/947141/pembelian-dalam-talian-semakin-jadi-pilihan-pengguna>



Oleh:

1Fathiyah Ismail, 2Nur Syikri Harun, 1Najah Lukman

1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

2Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: fathi260@uitm.edu.my

Mesti ramai yang pernah atau selalu mendengar lagu Seroja dendangan Seniman Dato' Jamal Abdillah. Setiap kali lagu ini berkumandang di udara, pasti saya akan menguatkan suara radio. Minat sungguh. Saya rasa tak silap kalau saya katakan bahawa lagu ini, seingat-ingat kita semua, Dato' Jamal Abdillahlah penyanyinya. Tetapi rupa-rupanya, selepas saya membuat beberapa pencarian dan pembacaan, lagu indah ini berasal dari tanah seberang, Indonesia.

Tidak akan wujud sesuatu

tanpa ada yang menciptanya. Begitulah juga lagu ini. Ia adalah hasil ciptaan Husein Bawafie, seorang seniman terkenal Indonesia, dan dinyanyikan oleh Said Effendi selaku penyanyi asal. Sedap didengar nyanyian asal ini. Namun, pada pendapat peribadi saya, sejujurnya, dendangan Dato' Jamal Abdillah lebih meruntun jiwa. Apatah lagi di bahagian korusnya. Cuma saya tidak bertemu dengan jawapannya, iaitu sama ada lirik ini ditulis sendiri oleh Husein Bawafie atau orang lain.

Kenapa saya berminat untuk mengulas lagu ini? Sebelum liriknya kita dalami dengan lebih lanjut, apa kata kita kenali dahulu secara ringkas apa itu bunga Seroja. Samakah Seroja dan Teratai? Sekali pandang macam serupa, tetapi tidak sama sebenarnya. Asal nampak terapung di atas air sahaja akan dipanggil bunga Teratai. Sebenarnya, kedua-dua jenis bunga di permukaan air ini datang daripada jenis keluarga yang berbeza. Bunga Seroja (Genus Nelumbo), atau dalam Bahasa Inggeris dipanggil Lotus, adalah sejenis tumbuhan air. Daun Seroja mempunyai lapisan

lilin di atas permukaannya, lantas menyebabkan air yang terjatuh di atasnya membentuk butiran. Manakala Teratai (Genus *Nymphaea*) pula dalam Bahasa Inggeris dipanggil Waterlily. Daun Teratai tidak mempunyai lapisan lilin, manakala kuntum bunga dan

bentuk daun juga berbeza daripada Seroja.

Menurut Facebook Buana Melayu, perbezaan ketara antara dua bunga ini adalah Teratai mempunyai Seed Pod, manakala Seroja pula memiliki Stamens. Bunga Seroja selalu terapung di

atas air manakala Teratai lebih tinggi bunganya.

Baiklah, kita kembali kepada topik utama. Lagu Seroja.

*Mari menyusun seroja
Bunga seroja ah... ah...
Hiasan sanggul remaja
Puteri remaja ah... ah...*

*Rupa yang elok
Dimanja jangan dimanja ah... ah...
Pujalah ia oh saja
Sekadar saja*

*Mengapa kau bermenung
Oh adik berhati bingung
Mengapa kau bermenung
Oh adik berhati bingung
Janganlah engkau percaya dengan asmara
Janganlah engkau percaya dengan asmara*

*Sekarang bukan bermenung zaman bermenung
Sekarang bukan bermenung zaman bermenung
Mari bersama oh adik memetik bunga
Mari bersama oh adik memetik bunga*

*Sekarang bukan bermenung zaman bermenung
Sekarang bukan bermenung zaman bermenung
Sekarang bukan bermenung zaman bermenung
Sekarang bukan bermenung zaman bermenung*

*Mari bersama oh adik memetik bunga
Mari bersama oh adik memetik bunga*

*Mari menyusun seroja
Bunga seroja ah... ah...
Hiasan sanggul remaja
Puteri remaja*

Apabila diperhalusi liriknya, adakah ini satu lagi lagu cinta muda-mudi? Ataupun ia sebenarnya membawa maksud yang lebih mendalam daripada itu? Mari kita lihat rangkap pertama. "Mari menyusun seroja, Bunga seroja, Hiasan sanggul remaja, Puteri remaja". Rangkap ini mengenengahkan bunga Seroja selaku hiasan sanggul bagi mencantikkan rupa paras si pemakai. Menurut pandangan penulis, sebelum Seroja dipakaikan, "Mari menyusun seroja" membawa maksud perlunya tertib dalam rangka kehidupan kita sehari-harian. Semaklah dan rujuklah kepada mana-mana rukun-rukun amalan dalam ajaran Islam, pasti diakhiri dengan tertib. Tidak datang meratakan air di muka sebelum membasuh tangan dan berkumur dalam rukun wuduk. Tidak datangnya sujud sebelum iktidal dan rukuk

dalam rukun solat. Dengan bertertib, maka sempurna, comel, dan moleklah amalan yang kita laksanakan.

Jika diteliti pula rangkap kedua, iaitu "Rupa yang elok, Dimanja jangan dimanja, Pujalah ia oh saja, Sekadar saja", ia menekankan bahawa rupa yang elok, puji dan pujalah secara berpada-pada. Ini kerana pada akhirnya, apa yang penting adalah apa yang terukir dan ada dalam hati. Apabila moleknya hati, maka moleklah budi pekerti.

Melangkah ke
rangkap-
rangkap

seterusnya, iaitu "Mengapa kau bermenung, Oh adik berhati bingung, Mengapa kau bermenung, Oh adik berhati bingung, Janganlah engkau percaya dengan asmara, Janganlah engkau percaya dengan asmara", penulis lirik berulang kali mengingatkan agar kita tidak leka dan percaya dengan asmara. Asmara dalam konteks ini dilihat sebagai perkara-perkara duniawi yang boleh meleakakan kita sehingga terlupa tujuan utama kita, iaitu untuk memetik bunga-

bunga Seroja yang indah (amalan-amalan baik) di atas muka bumi yang fana ini sebagai bekalan untuk dibawa ke alam abadi. Ini berikutan setiap detik dan masa berlalu pantas. Keindahan duniawi pasti tidak gagal melalaikan kita dalam mempersiapkan diri untuk kembali ke sisi Pencipta yang Maha Hakiki. Paling indah adalah apabila penulis menulis "Mari Bersama Memetik Bunga" yang membawa bermaksud melangkahlah seiring bersama-sama ke hadapan menuju redha Illahi. Bukan bersendirian, bukan hanya memfokuskan kepada kejayaan dan kebahagiaan diri sendiri semata-mata di dunia ini. Ajaklah seramai mungkin untuk tidak leka dan sentiasa berusaha memperbaiki diri.

Apabila dikenang-kenang semula, banyak sebenarnya lirik-lirik lagu yang membawa maksud yang mendalam. Tidak hanya tertumpu kepada maksud percintaan antara manusia, tetapi boleh diterjemahkan kepada maksud yang lebih ukhrawi. Saya yakin, contohnya, lirik-lirik lagu Dato' M. Nasir seperti Hati Emas, membawa maksud yang jauh lebih tersirat sebagai hamba Allah di muka bumi yang jauh mengembara dalam pencarian mengembalikan peranan hati sebagai 'Raja'. Hahaha... oleh itu, saya tamatkan cerita saya di sini dan saya tinggalkan pembaca semua untuk mendalami pula maksud lirik lagu Hati Emas dendangan merdu Dato' M. Nasir. Semoga ia memberi erti yang baharu dalam kehidupan kita, in sha Allah.

Rujukan:

<https://www.facebook.com/407716416481207/posts/bunga-seroja-dan-bunga-teratai-adalah-2-jenis-bunga-yang-berbezaperbezaan-ketara/412176089368573/>



DAUN PISANG

Elemen Estetika Pembungkusan

Syahrul Hezrin Mahmud

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: syahr400@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Pagi ini penulis berkesempatan menikmati sarapan pagi dengan hidangan nasi lemak yang dibungkus dengan alas daun pisang sambil menikmati panoramayangmenghijauanugerah Allah di belakang rumah. Penulis selalunya lebih teruja menikmati hidangan yang dibungkus dengan elemen daun pisang. Walaupun hidangan itu tidak terlalu sedap, namun elemen daun pisang tersebut mampu menambah perisa membangkit selera.

Penulis masih ingat ketika kecil dulu banyak pokok pisang hidup subur di belakang rumah walaupun dibiarkan sendiri ia dapat hidup berdikari. Pisang benggala atau dikenali pisang galle di Terengganu, mendominasi populasi pisang di situ ketika itu. Walaupun tidak enak dimakan begitu sahaja, spesis pisang ini membiak begitu cepat sekali sebagaimana sesetengah etnik pendatang tanpa izin di Malaysia. Usahawan atau penjaja jualan dari rumah ke rumah atau kini lebih popular atau dikenali

sebagai Cash on Delivery (COD), selalu datang untuk membeli daun pisang ini dan kaedah urusaniaga yang dipakai ketika itu adalah menggunakan konsep layan diri di mana mereka perlu mengambil sendiri daun tersebut di pokok. Daun pokok pisang ini akan dijadikan pembungkus utama produk yang berupa juadah seperti nasi dagang, nasi lemak dan kuih-muih yang lain.

Ketika bulan Ramadan, pisang galle ini sering dijadikan acar masak untuk pembuka selera berbuka puasa dan bersahur. Walau bagaimanapun Ramadan di kala pandemik baru-baru ini, penulis gagal menikmati hidangan acar pisang galle ini kerana langsung tidak kelihatan di Internet sebarang promosi untuk perkhidmatan COD untuk menu ini.

Selain digunakan untuk alas packaging atau pembungkus nasi lemak, daun pisang ini juga digunakan untuk membentuk bungkusan atau klosong nasi dagang. Harga se"klosong" nasi dagang adalah sekitar 20 sen pada

tahun 80-an melalui konsep jualan COD tanpa tempahan secara online.

Ketika era pentadbiran kerajaan Negeri Terengganu yang berslogankan Tiada Halangan, Hanyalah Peluang, Memahat Sejarah, Mencipta Tamadun, diberitakan seorang pemandu kereta F1 legenda dunia telah menikmati hidangan nasi dagang beralaskan daun pisang di sebuah hotel terkemuka di Terengganu. Beliau amat berpuas hati dengan nasi dagang tersebut namun agak kecewa dengan tekstur dan rasa salad "daun pisang" yang agak keras dan pahit. 7

Walaupun hanya berperanan sebagai packaging, peranan daun pisang ini amat signifikan dalam strategi pemasaran terutamanya sebagai taktik promosi. Ianya merupakan salah satu daya tarikan untuk pelanggan dan sesetengah usahawan menjadikan ianya unique selling proposition melalui promosi nasi daun pisang, banana leaf restaurant dan lain lain lagi. Daun pisang akan kekal sebagai daya tarikan dalam dunia kulinari masakan Melayu, meskipun hanya sebagai alas ataupun pembalut makanan.



Gambar: Daun pisang alas pembungkus nasi lemak



1Fathiyah Ismail and 2Nur Syikri Harun

1Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu

2Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Terengganu

Email: fathi260@uitm.edu.my

The bond that I've with my sister is something beyond words can say. Maybe because I'm the only sister she has, it makes the relationship quite something and special. You name the mood, name the situation, I'll simply reach my sister to share everything. She hasn't met most of my friends, but it seems that she remembers and knows every one important and significant in my life. Actually, there're many moments we've shared. But there're a few that're so clear in my mind. Back in 1999, the new semester begun. Internet was still something so new. Course registration was still conducted manually, where we had to fill in the registration form.

That morning was the day I needed to go to UiTM Shah Alam to register for the new semester. I lived with my sister in Kajang at that moment. Good news was, I got my new motorcycle. But since the classes would not start until next week, the

intention was to deliver and leave the motorcycle first at my rented house. Bad news was, my back was really in pain the night before. My sister decided to take me to clinic after she had taken care of her children first and settled a few things at work (thank God, she was self-employed!). The doctor told us that I had a small kidney stone and that was the cause of my back pain. After I had gotten my medication, we went to UiTM Shah Alam by the new motorcycle, and my sister was the one who rode it. I was still in pain...

The queue for the registration was very long. I just sat on one of the long benches. My face was pale. My sister was the one in the line and registered all the courses for me. Once registration had been completed, we then left the motorcycle at my rented house. We took a bus from Shah Alam to Kuala Lumpur, then from Kuala Lumpur to Kajang. We chit-chatted, talked



about many things only to discover that she hadn't had time to take her bath since morning. I was stung then turned my head looking out the window with some tears in my eyes. Love is something more than words can say.

I discovered the poem below after I had watched a 2005 movie titled *In Her Shoes*, starred by Cameron Diaz and Toni Collette. It was a story about the ups and downs of two sisters' relationship, which finally brought me to this wonderful masterpiece. As Cameron Diaz said to her sister that she would always carry her in her heart, then it's me who'll always bring my sister in my heart.

I Carry Your Heart with Me (I Carry It In)

By E. E. CUMMINGS

I carry your heart with me (I carry it in my heart)
I am never without it (anywhere
I go you go, my dear
And whatever is done
By only me is your doing, my darling)

I fear
No fate (for you are my fate, my sweet)
I want no world (for beautiful you are my world, my true)
And it's you are whatever a moon has always meant
And whatever a sun will always sing is you

Here is the deepest secret nobody knows
(Here is the root of the root and the bud of the bud
And the sky of the sky of a tree called life; which grows
Higher than soul can hope or mind can hide)
And this is the wonder that's keeping the stars apart

I carry your heart (I carry it in my heart)

PERSONAL SHOPPER

WHAT YOU NEED TO KNOW

By:

Faizatul Akmam Amirrudin and Nik Noor Afizah Azlan
FBM UiTM Cawangan Selangor
FBM UiTM Cawangan Terengganu

Corresponding email: akmamamir671@uitm.edu.my

The Internet age has changed the way people buy things. Online shopping has become commonplace for many people all around the world as the COVID-19 pandemic has accelerated the phenomenon. Some customers prefer to do online shopping, while others prefer to use an online personal shopper to shop instead. In Malaysia, an increasing number of people have become personal shoppers, either full-time or part-time, owing to the availability of social-media platforms and the increased demand from local consumers (mystarjob, 2017). When Malaysians have been under MCO from 2020 to 2021, many stores and malls have been forced to close, requiring customers to shop with online personal shoppers as it is more convenient to buy groceries, household items, clothing, cosmetics, or even furniture.

What Is Personal Shopper?

A personal shopper is someone who assists someone with his or her shopping (Crystal, 2022). Although personal shoppers can shop for anything, including groceries and furnishings, the majority of them purchase apparel and accessories for their customers. While others work for boutiques or department shops that provide personal shopping services, some personal shoppers are employed directly by customers or their personal stylists (Masterclass, 2021). Some are freelancers who have a huge interest in shopping and transform their habits into shopping services for others. Online personal shoppers, on the other hand, are those who look for products from Internet-based businesses, and the majority of online personal shoppers work for companies that provide styling assistance, shopping, and cleaning services (Francois, 2022). Personal shoppers tend to specialise in particular categories of merchandise (e.g., streetwears) and have designated shopping

areas or targeted stores (e.g., Pavilion KL/Genting Highlands Premium Outlets), which help customers to understand what products those personal shoppers can and cannot buy (Phang, 2021).

Who Can Be a Personal Shopper and What Are the Requirements?

Anybody can be a personal shopper, but most importantly, he or she should have a passion for shopping! No formal academic qualifications are needed to become a personal shopper. Great communication skills, good time management, computer literacy, and professionalism are among qualities that will make an excellent personal shopper. According to Nurfarahin Rosli, a full-time personal shopper, physical and emotional strength, as well as patience, are also required to provide excellent service to customers.

When Can We Use Personal-Shopper Services?

Many customers use personal-shopper services when they do not have time, interest, or opportunity to shop for themselves. As Malaysians are living with COVID-19, some people are still afraid to do their own shopping despite the government's many relaxations on COVID-19 restrictions. Hence, a personal shopper is a life saver! Personal shoppers are extremely useful during sales and festive seasons. Some customers want to buy branded or international products that are not available locally, so they hire personal shoppers who travel overseas to do so. Meanwhile, Personal shoppers with a base in other countries are also available for international products, which is great, especially for those who crave for what is beyond the border.

Where Can We Get Personal-Shopper Services?

Personal-shopper services are available in Malaysia at some department stores, such as AEON, Jaya Grocer, and Lotus's. Many personal shoppers work independently as freelancers. These freelancers use platforms, such as Instagram, Telegram, Facebook, Twitter, TikTok, and Whatsapp, and some of them may even advertise their own services on websites.

Why Do Customers Use Personal Shoppers?

The most important reason people use personal-shoppers is to save time, as shopping takes time and energy. As a result, this burden is transferred to personal shoppers for these errands. Second, money is spent wisely because personal shoppers can find and tell us the best price available for products and tailor them to customers' budgets. Third, because they have experience in the field, personal shoppers know where to shop and which brands to choose. Fourth, they are also up-to-date on outlets that offer sales and discounts and some of them have membership cards on certain brands, which allow them to obtain even better discounts.

How Is the Personal-Shopper Service Process?

In Malaysia, the basic seven steps are needed to complete the process of getting personal-shopper services. It starts with getting in touch with a personal shopper via his or her social-media platform(s). Communication and understanding between both parties are critical at this point in order to determine the personal shopper's ability to do shopping. Following that, an order is placed with specific specifications, such as colours, size, price range, and brand names required. If buyers are unsure about products they want to purchase, some personal shoppers may request that the buyers send photos. The

next phase is getting a price quote. After the personal shopper confirms that the item requested is available or can be reasonably purchased, a price that includes service fees will be provided. Then, if the customer accepts the quote, payment can be made partially or full via bank transfer. Fifth, the purchase is made at the designated outlets. Some personal shoppers may provide customers with live updates so they themselves can witness the shopping process. If the items are not available, then the personal shopper will notify the customers immediately and offer them two options; cancelling and refunding or looking into other alternative items. Next, every order is checked and accounted for to ensure that no goods are mixed up. Finally, the items are carefully wrapped and posted via courier or hand-delivered.

References:

Crystal, G. (2022, August 18). What is personal shopper? Retrieved from <https://www.practicaladultinsights.com/what-is-a-personal-shopper.htm>

How to become a personal shopper: 5 tips for shopping professionally. (2021, June 8). Retrieved from <https://www.masterclass.com/articles/how-to-become-a-personal-shopper>

Francois, C. (2022, August 22). What is online personal shopper. Retrieved from <https://www.wise-geek.com/what-is-an-online-personal-shopper.htm>

Getting the job. (2017, November 21). Retrieved from http://m.mystarjob.com/articles/story.aspx?file=/2017/11/21/mystarjob_gettingthejob/20171121105751&sec=mystarjob_gettingthejob

How to become a personal shopper (step-by-step). (n.d). Retrieved from <https://squareup.com/au/en/townsquare/become-a-personal-shopper>

Phang, J. (2021, May 17). Personal shoppers in Malaysia: all you need to know. Retrieved from <https://blog.policystreet.com/life-style/personal-shoppers-in-malaysia-all-you-need-to-know/>

8 reasons to hire a personal shopper. (2019, November). Retrieved from <https://www.ringmystylist.com/8-reasons-to-hire-a-personal-shopper/#:~:text=Reasons%20to%20Get%20a%20Personal,vital%20part%20of%20your%20team.>

Benefits of hiring a personal shopper. (n.d). Retrieved from <https://makeoversmart.com/fashion-styling/benefits-of-hiring-a-personal-shopper/>

What is a personal shopper and why do you need one. (n.d). Retrieved from <https://www.smartguy.com/article/what-is-a-personal-shopper-and-why-do-you-need-one>

SOROTAN MENGENAI PRESTASI PEKERJA DENGAN KEPIMPINAN BERTRANSFORMASI, PERSEKITARAN KERJA, DAN KECERDASAN EMOSI

1Noor Malinjasari Binti Ali, 1Raslina Mohamed Nor, 1Hasmida Mohd Noor,
2Rahayu Izwani Borhanuddin, 3Hasmi Mokhlas, 4Kardina Kamaruddin
1Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
2Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
3Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
4Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Email: noorm726@uitm.edu.my

Pekerja merupakan aset terpenting dalam sesebuah organisasi kerana prestasi pekerja mempengaruhi prestasi organisasi (Kolade & Oladippopo, 2019). Prestasi pekerja boleh ditakrifkan sebagai aktiviti atau produktiviti yang dilaksanakan oleh pekerja yang selari dengan matlamat organisasi seperti yang dinyatakan dalam kajian Zainab dan Khairunnisa (2015). Menurut mereka lagi, prestasi kerja cemerlang individu dalam organisasi akan memberikan impak positif kepada negara melalui peningkatan produktiviti organisasi. Pendapat mereka turut disokong oleh kajian Azlinda (2013) yang turut menambah bahawa prestasi pekerja yang lemah akan menyebabkan pentadbiran sesebuah organisasi tersebut menjadi tidak berkesan.

Prestasi Kerja

Prestasi pekerja boleh ditakrifkan sebagai tindakan yang menyumbang kepada tingkahlaku yang berkesan dan konsisten dengan objektif organisasi (Zainab & Khairunnisa, 2015). Prestasi kerja juga bermaksud kebolehan individu bekerja secara efektif (Kolade & Oladipupo, 2019). Purnama (2017) mentakrifkan pekerja berprestasi cemerlang sebagai individu yang mampu menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berkesan di tempat kerja. Prestasi pekerja dipengaruhi oleh kebolehan individu, tahap kerja yang dilaksanakan, dan sokongan daripada organisasi itu sendiri (Purnama 2017). Pendapat Purnama ini adalah sejajar dengan pandangan Watanabe et al. (2017) yang menyatakan bahawa prestasi kerja adalah hasil daripada kebolehan individu, kemahuan, dan persekitaran. Mangkunegara dan Miftahuddin (2016) mengukur prestasi pekerja dari segi kedatangan, sasaran kerja, tanggungjawab, inisiatif, dan kerja berpasukan, manakala Purnama (2017) pula mengukur prestasi pekerja melalui kesempurnaan kerja, tanggungjawab pekerja, kualiti kerja, dan ketepatan kerja. Daripada takrifan di atas, prestasi kerja boleh dirumuskan sebagai

kebolehan individu dalam melaksanakan kerja secara sempurna dan mencapai sasaran yang ditetapkan organisasi.

Kepimpinan Bertransformasi

Jiang, Zhou, dan Ni (2017) mentakrifkan kepemimpinan bertransformasi sebagai pemimpin yang mampu mengubah pemikiran pengikut sedemikian rupa sehingga mereka mempunyai pemikiran yang bersesuaian dan sejajar dengan objektif dan matlamat organisasi dan melihat matlamat organisasi sebagai matlamat diri sendiri. Bass dan Ronald (2006) pula memberi definisi kepemimpinan bertransformasi sebagai pemimpin yang mampu menjadikan pengikut mereka mempercayai, mengagumi, dan menghormati mereka. Bass, Avolio, Jung, dan Benson (2003) menyatakan bahawa ada tiga cara bagaimana pemimpin boleh mengubah pengikut mereka, iaitu dengan i) meningkatkan kesedaran pekerja tentang kepentingan tugas; ii) menjadikan mereka meletakkan keutamaan kepada kerja berpasukan dan matlamat organisasi; dan iii) sentiasa aktif dalam mencapai kehendak pihak yang lebih tinggi. Kajian Bass et al. (2003) turut menyatakan bahawa kepemimpinan bertransformasi mampu menjadi sumber inspirasi pengikut untuk mencari idea baharu bagi menghadapi cabaran dan menyelesaikan masalah yang akhirnya mencapai matlamat organisasi dan pekerja atau pengikut perlu berdikari dalam membuat sesetengah keputusan.

Lapan dimensi telah ditetapkan dalam kepemimpinan bertransformasi, menurut kajian Jiang et al. (2017), iaitu i) penyuaian visi; ii) pengaruh yang ideal; iii) motivasi yang berinspirasi; iv) menyediakan model yang bersesuaian; v) memupuk penerimaan matlamat kumpulan; vi) menetapkan prestasi yang tinggi; vii) menyediakan sokongan kepada individu; dan viii) pertimbangan dan rangsangan intelek. Li et al. (2019) pula mendedahkan bahawa pemimpin yang bertransformasi

mampu membangunkan potensi diri para pekerja untuk berdikari dan boleh membuat keputusan sendiri, dan akhirnya membantu dalam meningkatkan prestasi kerja serta mempunyai visi yang hebat dan dapat membawa pembaharuan dalam organisasi melalui galakan peningkatan inovasi pekerja. Oleh itu kajian ini menyimpulkan bahawa kepemimpinan bertransformasi boleh dijana melalui ciri-ciri pemimpin yang bertindak sebagai pencetus inspirasi, pemberi motivasi, perangsang, dan pembakar semangat dan daya intelek, dihormati, serta penyelarasan kumpulan dan pencapaian cemerlang individu. Pemimpin yang bertransformasi mampu menggerakkan pekerja meningkatkan prestasi kerja. Sungguhpun ada pelbagai hujah dan pendapat mengenai faktor kritikal dalam kepemimpinan bertransformasi, kesemua bersetuju bahawa kepemimpinan bertransformasi mempunyai kaitan dengan prestasi pekerja (Bass et al., 2003; Bass & Ronald, 2006; Jiang et al., 2017; Li et al., 2019).

Persekitaran Kerja

Persekitaran kerja boleh diukur melalui tiga sub komponen, iaitu persekitaran teknikal, persekitaran pekerja, dan persekitaran organisasi itu sendiri (Chandrasekar, 2011; Nina-Munira & Mohammad, 2013; Magnier-Watanabe et al., 2017; Kolade & Oladipupo, 2019). Persekitaran teknikal merujuk kepada peralatan, kelengkapan, infrastruktur teknikal, dan lain-lain keperluan fizikal atau elemen teknikal dan membentuk elemen yang memudahkan pekerja untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan cekap dan berkesan. Persekitaran pekerja merujuk kepada interaksi pekerja dengan rakan sejawat, penyelia, orang bawahan, rakan sepasukan, dan orang atasan atau pihak pengurusan, dan direka dengan tujuan menggalakkan interaksi secara tidak formal di tempat kerja melalui pertukaran idea dan perkongsian ilmu bagi peningkatan produktiviti. Persekitaran organisasi

pula meliputi sistem, prosedur, budaya kerja, nilai, dan falsafah pengurusan yang mempunyai kecenderungan untuk mengawal keseluruhan organisasi terbabit. Kajian terdahulu mengkaji persekitaran kerja menggunakan jumlah gaji yang diterima, jam bekerja, peluang kenaikan pangkat, dan komunikasi dua hala (Nina-Munira & Mohammad, 2013; Watanabe et al., 2017). Sekiranya persekitaran pekerja tidak kondusif, prestasi pekerja akan terjejas dan seterusnya imej organisasi akan tercalar kerana prestasi pekerja adalah refleksi kepada keberkesanan organisasi (Chandrasekar, 2011). Kolade dan Oladipupo (2019) pula mendakwa bahawa persekitaran kerja merupakan faktor kritikal dalam memuakan hati pekerja yang membantu mereka mencapai prestasi yang lebih cemerlang. Hasil kerja yang baik dan peningkatan produktiviti merupakan hasil daripada persekitaran kerja yang memberangsangkan (Chandrasekar, 2011; Nina-Munira & Mohammad, 2013; Magnier-Watanabe et al., 2017; Kolade & Oladipupo, 2019). Oleh itu, kesimpulan yang dapat diambil adalah peningkatan persekitaran kerja mampu memberi impak positif kepada prestasi pekerja, iaitu dalam kajian ini, persekitaran kerja merujuk kepada kebebasan bekerja dan membuat keputusan, interaksi dan komunikasi dua hala, menyediakan khidmat teknikal dan peralatan kepada pekerja, dan waktu bekerja yang dinamik.

Kecerdasan Emosi

Sony dan Mekoth (2016) dan Mayer, Salovey, dan Caroso (2000) mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk mengawal emosi dan pemikiran. Ia meliputi kebolehan untuk menjana emosi yang merangsang pemikiran yang tepat, keupayaan untuk bertindak mengikut emosi yang betul dan bersesuaian, memahami pihak lawan, dan menggalakkan pertumbuhan emosi secara intelek dan terkawal serta mencerminkan emosi yang bersesuaian

dengan keadaan. Sony dan Mekoth (2016) dan Wisker dan Poulis (2014) menyatakan bahawa mereka berdepan dengan cabaran dalam mentakrifkan dan mengukur kecerdasan emosi. Mafuzah dan Juraifa (2016) mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai satu kebolehan untuk memproses maklumat yang berkaitan dengan emosi secara tepat, mampu mengenali pelbagai jenis emosi dan sensitif dengan perasaan orang lain, mempunyai motivasi diri, dan boleh mengawal emosi dalam hubungan dan interaksi dengan orang lain. Noorazzila dan Ramlee (2014) dan Wisker dan Poulis (2014) dalam kajian mereka pula menyatakan bahawa terdapat satu ikatan yang kuat antara kecerdasan emosi dan prestasi pekerja. Kajian mereka turut disokong oleh Han, Seo, Shim, dan Jin (2019) yang mendapati bahawa wujudnya hubungan yang positif antara prestasi kerja dan kecerdasan emosi dan ia diiktiraf oleh pihak atasan, namun, malangnya pengiktirafan ini hanya tertumpu kepada pekerja lelaki sahaja manakala pekerja perempuan pula diketepikan. Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas (Mayer, Salovey, & Caroso, 2000; Noorazzila & Ramlee, 2014; Wisker & Poulis, 2014; Sony & Mekoth, 2016; Mafuzah & Juraifa, 2016; Han et al., 2019), boleh dirumuskan bahawa kecerdasan emosi adalah berkait rapat dengan prestasi kerja dan kecerdasan emosi diukur menggunakan dua dimensi, iaitu pengurusan hubungan dan kesedaran diri.

Kesimpulan

Sebagai penutup, dapat disimpulkan dalam artikel ini bahawa prestasi kerja mengikut pandangan para pengarang yang terdahulu mempunyai kaitan dengan kepimpinan bertransformasi, persekitaran kerja dan kecerdasan emosi. Penulis mengharapkan agar apabila kesemua faktor yang dinyatakan seperti di atas dapat ditingkatkan, maka prestasi kerja juga dapat diperbaiki.

Rujukan:

- Mangkunegara A.A.A.P, & Miftahuddin (2016). The effect of transformational leadership and job satisfaction on employees' performance. *International Journal of Management* 4(4): 189-195. DOI: 10.13189/ujm.2016.040404
- Azlinda, J. (2013), A Study on the Factors that Influence Employees Job Satisfaction at Scope International (M) Sdn Bhd. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Dissertation, Master.
- Bass, B. M., Avolio, B. J., Jung, D. I., & Berson, Y. (2003). Predicting unit performance by assessing transformational and transactional leadership. *Journal of Applied Psychology*, 88(2), 207.
- Bass, BN and Ronald E. Riggio (2006). *Transformational Leadership* (2nd ed.). Portland: Book News. Inc.
- Chandrasekar, K. (2011). Workplace environment and its impact on organisational performance in public sector organisations. *International Journal of Enterprise Computing and Business Systems*, 1(1), 1-19.
- Han, J.H., Seo, M.G., Shim, H dan Jin, S (2019), The link between emotional intelligence and job performance across male and female managers, *Academy of Management Proceedings*, 2019(1) DOI:10.5465/AMBPP-2019:19286abstract.
- Jiang W., Zhao X, Ni. J (2017). The impact of transformational leadership in employees' sustainable performance: the mediating role of organizational citizenship behavior. *Sustainability*, 2017, 9, 1567, (1-17). DOI: 10.3390/SU9091567
- Kolade, O, J., dan Oladipopo, K J, B, (2019), Work environment and employees' performance: empirical evidence of Nigeria beverage firm, *Acta Universitatis Danubius*, 15(3), 388-401
- Mafuzah Mohamad & Juraifa Jais (2016). Emotional intelligence and job performance: A study among Malaysian teachers. *Procedia Economics and Finance*. 35(2016), 674-682.

Magnier-Watanabe, R., Uchida, T., Orsini, P., & Benton, C. (2017). Organizational virtuousness and job performance in Japan: Does happiness matter? *International Journal of Organizational Analysis*, 25(4), 628-646.

Mayer, J.D, Salovey, P., and Carozo D.R, (2000). Models of emotional intelligence, in R Stamberg (Ed) *Handbook of Intelligence*, Cambridge UK, Cambridge University Press.

Nina-Munira, N. & Mohammad, S. (2013), Factors of workplace environment that affect employees' performance: A case study of Miyazu Malaysia. *International Journal of Independent Research and Studies*, Vol 2(2), 68-78

Noorazzila, S., & Ramlee, A. R. (2014). The relationship between emotional intelligence and job performance of call centre agents. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 129(2014), 75-81

Purnama, C (2017). Islamic culture impact of increasing satisfaction and performance

of employees: Study of educational institutions Sabilillah Sampang. *Asian Economic and Finance Review*, Vol 7(5), 528-540.

Sony, M & Mekoth, N., (2016), The relationship between emotional intelligence, frontline employee adaptability, job satisfaction and job performance, *Journal of Retailing and Consumer Services*, 30(2016), 20-32.

Wisker, Z.L. and Poulis. A (2014) Emotional intelligence – sales performance relationship: A mediating role of adaptive selling behavior. *International Journal of Management and Economics*, 43, 32-52

Zainab, A., & Khairunnisa, A.S. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan staf sokongan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor in *Proceeding of the 2nd International Conference in Management and Muamalah 2015 (2nd ICOMM)*, 16-17th November 2015.

LITERASI KEWANGAN MENGENAI PENGURUSAN PORTFOLIO DIGITAL DI MALAYSIA

SIRI 2

1Suhaily Maizan Abdul
Manaf, 1Nur Azwani
Mohamad Azmin

1Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan, Universiti
Teknologi MARA Cawangan
Terengganu

Emel: suhailymaizan@uitm.
edu.my

Penggunaan teknologi kewangan global (FinTech) yang meluas telah menghasilkan pembangunan pelbagai perkhidmatan kewangan baharu yang boleh diakses oleh orang awam melalui telefon pintar mampu milik mereka (Anshari, Almunawar, & Masri, 2022). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, FinTech telah menarik perhatian pelabur dan perniagaan dalam sektor kewangan untuk melabur dalam satu platform yang baharu (Potdar & Pande, 2021). Rentetan itu, pelbagai niche pasaran telah muncul hasil daripada evolusi teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan pelabur (Tello-Gamarra, Campos-Teixeira, Longaray, Reis, & Hernani-Merino, 2022).

Satu trend digital semasa dalam industri kewangan dan inovasi terbaharu yang muncul dalam pengurusan portfolio di Malaysia dikenali sebagai perkhidmatan penasihat kewangan digital atau robo advisory service. Menurut

Moulliet, Stolzenbach, Majonek, dan Voelker (2016), robo advisor boleh ditakrifkan secara meluas sebagai perkhidmatan penasihat kewangan digital menggunakan algoritma. Ia adalah penyelesaian pengurusan portfolio dalam talian yang bertujuan untuk pelaburan aset dengan mengautomatiskan perancangan penasihat kewangan secara digital. Beberapa tahun yang lalu, robo advisor telah dibangunkan sebagai sumber nasihat pelaburan untuk individu yang selesa menerima bantuan melalui Internet tanpa perlu berinteraksi dengan penasihat kewangan dalam kalangan manusia (Fein, 2017).

Penggunaan robo advisor oleh bakal pelabur adalah mudah. Perkhidmatan berasaskan teknologi ini menilai profil pelabur melalui penilaian awal yang terdiri daripada beberapa soalan tentang potensi risiko dan objektif pulangan pelaburan. Ia kemudiannya membuat pengesyoran atau tindakan yang tepat untuk pelaburan atau pengimbangan semula portfolio, sama seperti yang akan dilakukan oleh penasihat kewangan manusia, tetapi secara autonomi dan berdasarkan artificial intelligence (Belanche, Casaló, & Flavián, 2019). Dalam hal ini, robo advisor semakin memperoleh legitimasi sebagai alat

alternatif untuk pelabur milenium yang berminat untuk melabur, khususnya kepada pelabur yang lebih muda dan lebih mahir dari segi teknologi, melihat robo advisor sebagai cara yang boleh dipercayai dan kos efektif untuk mendapatkan nasihat pelaburan. Robo advisor membantu pelabur dengan membuat keputusan kewangan menggunakan satu set algoritma komputer yang hanya boleh difahami oleh kumpulan pelabur khusus yang terpilih (Chandani, Sriharshitha, Bhatia, Atiq, & Mehta, 2021).

Di Malaysia, robo advisor mengautomatiskan tugas pengurusan portfolio utama seperti pemprofilan risiko, penilaian kesesuaian, peruntukan aset, dan pengimbangan semula sebagai sebahagian daripada perkhidmatan mereka. Dari segi sejarah, robo advisor telah digunakan di Malaysia sejak tahun 2018 dengan pengenalan StashAway, diikuti oleh MyTHEO dan Wahed Invest (tahun 2019), Akru, BEST Invest, Raiz (tahun 2020), dan KDI Invest (tahun 2022). Platform-platform ini menawarkan yuran pengurusan yang rendah, iaitu di bawah 1 peratus, berbanding dengan yuran pengurusan dana unit amanah sehingga 1.8 peratus, seperti di paparan Jadual 1.

Jadual 1. Perbandingan antara robo advisor di Malaysia

Platform	Konsep	Pelaburan Minima	Yuran Tahunan
Akru	Portfolio pintar ETF global kos rendah.	Tiada	0.2% - 0.7%
BEST Invest	Menggunakan teknologi robo-intelligence dan big data dalam mencadangkan portfolio pelaburan unit amanah patuh Shari'ah	RM10	0.5% - 1.8%
KDI Invest	Ia membenarkan pelaburan berbantuan artificial intelligence dalam pelbagai ETF terpilih yang disenaraikan di Amerika Syarikat yang sejajar dengan pilihan pengguna	Tiada	0.3% - 0.7% untuk pelaburan melebihi RM3,000
MyTHEO	Menggunakan proprietary algorithms untuk mencipta portfolio yang menggabungkan pelaburan berasaskan risiko dan 'beta pintar'	RM100	0.5% - 1%
Raiz	Menggunakan algoritma untuk menentukan profil risiko pelabur untuk membina portfolio dana unit amanah dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)	RM5	RM1.5 sebulan (bawah RM6,000) atau 0.3% (RM6,000+)
StashAway	Menggunakan strategi proprietary investment yang bertindak balas terhadap asas ekonomi	Tiada	0.2% - 0.8%
Wahed Invest	Mengoptimumkan portfolio pelabur dengan pelaburan patuh Shari'ah menggunakan teori portfolio moden	RM100	0.39% - 0.79%

Sumber: <https://www.imoney.my/articles/robo-advisor-comparison>

Pasaran kewangan masa kini menawarkan produk seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Ia juga memberi tumpuan kepada pengguna seperti pelabur-pelabur muda yang biasa beroperasi secara digital dan berasa lebih selesa dengan automasi pelaburan. Namun begitu, persoalan yang ditimbulkan oleh Isaia and Oggero (2022) ialah siapakah pelanggan robo advisor sekarang dan akan datang? Adakah pelabur-pelabur muda diberi pendedahan meluas tentang pelaburan portfolio berkonsepkan teknologi yang baharu? Oleh kerana kurangnya pendedahan terhadap pelaburan portfolio berkonsepkan robo ini, ia dikhuatiri bakal mendedahkan para pelabur muda kepada masalah kewangan jangka panjang. Selain itu, kondisi para pelabur yang lebih berisiko dalam pelbagai jenis produk pelaburan mendorong mereka untuk menghadkan pemilihan pelaburan yang memberi pulangan yang tinggi dan stabil.

Rujukan

- Anshari, M., Almunawar, M. N., & Masri, M. (2022). Digital twin: Financial technology's next frontier of robo-advisor. *Journal of Risk and Financial Management*, 15(4), 163–173. <https://doi.org/https://doi.org/10.3390/jrfm15040163>
- Belanche, D., Casaló, L. V., & Flavián, C. (2019). Artificial Intelligence in FinTech: Understanding robo-advisors adoption among customers. *Industrial Management and Data Systems*, 119(7), 1411–1430. <https://doi.org/10.1108/IMDS-08-2018-0368>
- Chandani, A., Sriharshitha, S., Bhatia, A., Atiq, R., & Mehta, M. (2021). Robo-advisory services in India: A study to analyse awareness and perception of millennials. *International Journal of Cloud Applications and Computing*, 11(4), 152–173. <https://doi.org/10.4018/IJCAC.2021100109>
- Fein, M. L. (2017). Are robo-advisors fiduciaries? *Symposium of Allianz Global Investors and Smith School of Enterprise and the Environment*, 1–23.
- Isaia, E., & Oggero, N. (2022). The potential use of robo-advisors among the young generation: Evidence from Italy. *Finance Research Letters*, 48, 103046. <https://doi.org/10.1016/j.frl.2022.103046>
- Moulliet, D., Stolzenbach, J., Majonek, A., & Voelker, T. (2016). The expansion of robo-advisory in wealth management. In Deloitte. <https://www2.deloitte.com/content/dam/Deloitte/de/Documents/financial-services/Deloitte-Robo-safe.pdf>
- Potdar, A., & Pande, M. (2021). Comprehensive analysis of machine learning algorithms used in robo-advisory services. *Journal of Physics: Conference Series*, 1964(6). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1964/6/062105>
- Tello-Gamarra, J., Campos-Teixeira, D., Longaray, A. A., Reis, J., & Hernani-Merino, M. (2022). Fintechs and institutions: A systematic literature review and future research agenda. *Journal of Theoretical and Applied Electronic Commerce Research*, 17, 722–750. <https://doi.org/https://doi.org/10.3390/jtaer17020038>

SUSTAINABLE PACKAGING IN ECOMMERCE:

A Few Solutions to Protect the Planet



Faizatul Akmam Amirrudin and Nik Noor Afizah Azlan
FBM UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
FBM UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
Corresponding email: akmamamir671@uitm.edu.my

How does your parcel look like when it arrived at your door? How is it wrapped and is your purchased item safely secured and in top condition? Did the seller use sustainable packaging? Normally, the first two questions are our primary concern, but not the latter, unless you are an eco-concern buyer! Buying online through eCommerce requires seller to pack and deliver the purchased items to customers. As Sustainable Development Goals (SDG) have become the global agenda for a better planet for people and prosperity, eCommerce must also embrace sustainability in its daily operations. By definition, sustainable e-Commerce means conducting online commerce in a manner aimed at meeting the needs of today's generation without depleting natural resources or compromising future needs. This includes eco-friendly manufacturing, eco-friendly shipping, sustainable retail management and sustainable consumption on the part of the buyer (Virstiuk, 2022).

One of the sustainable practises that eCommerce can use is sustainable packaging. According to Nicasio (n.d) sustainable packaging refers to the sourcing, development, and use of packaging solutions that have minimal environmental impact and footprint. With online shopping booming due to Covid 19, waste from the packaging will increase tremendously. Thus, eCommerce sellers must not just think about packaging costs but also environmental impact on the planet.

Sustainable packaging in eCommerce can help reduce the environmental impact by offering different methods and materials for product packaging. Let's look at a few best practices of sustainable packaging in eCommerce:

1. Make use of recyclable cardboards.
Courtneil (2022) recommended that

eCommerce use post-consumer or post-industrial recycled paper and cardboard, as well as FSC-certified materials to ensure that you are supporting sustainably managed forests.

2. Biodegradable packing peanuts. It is a great alternative for Styrofoam because it is made primarily from natural materials like wheat and corn starch, and it begins to decompose once discarded.
3. Inflatable air pillows. They are small bags that can be inflated, so they are mostly made of air. When compared to other cushioning materials, this reduces the amount of plastic used in their production and transportation. This is also another great substitute of Styrofoam, comes in different sizes and ideal for filling voids in boxes or providing cushioning around packed items. It can be reused, recycled, and are even biodegradable. However, it is critical to use air pillows made of 100% recycled materials that are biodegradable.
4. Corrugated bubble wrap which is made from 100% recycle cardboard and it has small cuts that are made to create a concertina-like effect that protects against shocks in the same way that bubble wrap does.
5. Corn-starch packaging is made from corn or maize plant, biodegradable and it has a plastic-like properties, an alternative for polystyrene.
6. Mushroom packaging is made entirely of biodegradable and renewable materials that can be recycled in and by nature. Mushroom packaging is made by cleaning and grinding agricultural waste, which is then joined together by a matrix of mushroom roots, also known as mycelium. This raw material can be shaped into whatever shape is desired. After that, it is dried and used as packaging.
7. Seaweed packaging is a green

packaging solution made from the gelatinous substance agar, which is found in a variety of seaweeds and algae. Agar will be dehydrated to create a material suitable for packaging. Seaweed packaging, which is made from a plentiful and sustainable raw material, could be the next big thing in eco-friendly, biodegradable packaging alternatives.

8. Bioplastics can be used instead of plastic packaging materials. Because these products are made from plant-based materials such as wheat straw, they degrade much faster than traditional plastics. They also produce fewer greenhouse emissions in landfills, making them compostable.
9. Compostable mailers are a more environmentally friendly alternative to traditional poly mailers. Because these mailers are made of recycled or regenerative materials, they can be eaten by worms when placed in a compost heap. The bag must decompose within 180 days of the customer receiving it to be certified compostable.
10. Water-activated tape is paper-based packaging tape with a water-activated adhesive. It bonds to the packaging material with gum rather than toxic chemicals. Water-activated tape outperforms plastic packaging tape in terms of strength. Furthermore, it will not leave any sticky residue on the packaging materials, making it better for the environment and customers.
11. Fibre packaging is made from renewable or biodegradable materials. For example, it can be made from reused newspaper, cardboard, or natural fibres. In addition, fibre wrap can withstand high temperatures and has excellent water and oil resistance, making it suitable for food packaging.
12. Compostable shipping labels are made from 100% FSC-certified recycled thermal paper so they're nontoxic and

compostable. These labels are applied to customers' packages and degrade in a home composting environment in 180 days.

13. Organic ecological textiles are multi use and durable material composition. These packaging will add value to customers while also reducing business waste across the supply chain. Reusable bags, for example, can be designed to replace plastic bags, or textile wraps that can be reused as furniture surface protectors. Organic fabrics on the market include hemp, organic or recycled cotton, tapioca, and palm leaves (plus more). All of these materials are biodegradable, which means they decompose naturally in a short period of time.
14. Edible films are a sustainable packaging option for wrapping food. This packaging has the potential to simplify food storage, preparation, and transportation. Edible films have the potential to reduce food and packaging waste, as well as chemical leaching from plastic coats.

Sustainable packaging in eCommerce is a commitment to sustainability as it becomes a pressing issue for consumers, governments, and communities. With generation Z and millennials being the largest eCommerce consumers, sustainability packaging is the way to go because these groups want to be more environmentally responsible. With many alternatives of sustainable packaging and constant innovation in the field, eCommerce players have more options to choose which sustainable packaging they desired most, considering cost, usage, safety, and functionality.

Bibliography

Courtneil, J. (August 30, 2022). 10 eco-friendly packaging alternatives for your business's shipping needs. Retrieved from <https://greenbusinessbureau.com/green->

practices/products/packaging/8-eco-friendly-packaging-alternatives-for-your-businesss-shipping-needs/

Nicasio, F. (n.d). Why you need to offer sustainable packaging - and how to do it right. Retrieved from <https://www.bigcommerce.com/blog/sustainable-packaging/#advantages-of-sustainable-packaging>

Teo, A. (April 19, 2021). How and why you should choose eco-friendly packaging for ecommerce orders. Retrieved from <https://www.shipbob.com/blog/eco-friendly-packaging/>

Virstiuk, A. (April 15, 2022). Sustainable ecommerce: a new buzz word or an important environmental challenge? Retrieved from <https://gepard.io/ecommerce-strategy/sustainable-ecommerce>

ENDOMETRIOSIS

Sejauh Mana Kesedaran Anda?



Hani Sakina Mohamad Yusof, Suzila Mat Salleh, Noor Hafiza Mohammed,
Siti Fatimah Mardiah Hamzah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel: hanisakina@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Endometriosis merupakan salah satu penyakit yang sering terjadi dalam kalangan wanita tanpa mereka sedari. Mengikut kajian, hampir satu daripada tujuh wanita pada peringkat umur di antara 30 dan 45 tahun menghidapnya tetapi ia juga boleh berlaku pada pelbagai peringkat usia (Mukti, 2014).

Namun, malangnya rakyat Malaysia secara umumnya tidak mengetahui mengenai penyakit itu sendiri dan punca keadaan berkenaan.

Endometriosis adalah keadaan di mana sebahagian lapisan tisu dalam rahim dijumpai di bahagian lain dalam badan seperti bahagian pelvis iaitu pundi, usus serta organ reproduktif. Ia kerap ditemui di bahagian ovari dan otot ligamen posterior yang menyokong uterus. Ia boleh menyebabkan kesakitan, pendarahan tidak teratur dan kemandulan.

Tisu endometrium yang dipindahkan ini dipengaruhi oleh perubahan hormon wanita dan memberi tindak balas kepada mereka

dengan cara sama seperti lapisan dalaman rahim menebal, berlakunya pemecahan dan pendarahan semasa haid. Proses yang berterusan menyebabkan keradangan di kawasan sekitar dan pembentukan tisu parut yang biasanya mengganggu anatomi organ di sekelilingnya dan mengganggu fungsinya.

Antara punca sebenar yang menyebabkan berlakunya endometriosis masih lagi dalam keadaan samar dan tidak jelas. Teori yang biasa dikatakan merujuk kepada 'retrograde menstruation' atau pembalikan darah haid di mana sebahagian daripada darah haid mengalir secara terbalik ke arah pembukaan 'peritoneal' melalui saluran fallopio. Sel-sel endometrium akan melekatkan dirinya kepada bahagian berlainan pada pelvis.

Terdapat pelbagai tanda-tanda hadirnya endometriosis. Di antaranya adalah haid yang banyak dan tidak teratur, senggugut yang teruk (sakit semasa haid), sakit semasa hubungan seks dan sakit di bahagian pelvis dan bawah abdomen (pertengahan haid). Keadaan ini boleh mendatangkan kesan kepada keupayaan wanita untuk hamil.

Walaupun bagaimanapun, ada wanita yang menghidap endometriosis tidak mengalami

sebarang simptom. Penting untuk pemahaman semua, tidak semua wanita yang menghidap endometriosis mengalami kesakitan. Dan tahap kesakitan yang dialami tidak berkait rapat dengan saiz pertumbuhan. Terdapat kes yang wanita tidak merasa sakit walaupun ketumbuhan endometriosisnya banyak tetapi ada juga wanita yang ketumbuhannya sedikit merasa kesakitan yang teruk.

Menjadi kebimbangan sekiranya pengidap endometriosis lewat dalam menangani penyakit ini disebabkan kurangnya kesedaran dan pantang larang sosial dalam memperkatakan mengenai penyakit ini dalam kalangan rakyat Malaysia. Terdapat beberapa ujian pemeriksaan yang boleh dijalankan di dalam mengesan tahap endometriosis dalam kalangan Wanita seperti melalui pengimejan dan pembedahan.

Bagi kes yang kronik atau teruk, mesin ultrasound, CT-scan dan Magnetic Resonance Imaging (MRI) akan digunakan. Walau bagaimanapun, mesin-mesin ini hanya mampu melihat tahap melekat antara organ di bahagian pelvik yang berpunca daripada endometriosis tersebut. Ia tidak mampu memeriksa dan mengesahkan kehadiran endometriosis yang kecil. Akan tetapi, melalui pembedahan, pakar bedah dapat melihat atau mengesan kehadiran penyakit ini. Untuk pengetahuan umum, pembedahan hanya akan dilakukan jika risau akan kewujudan penyakit lain seperti kandungan di luar rahim dan appendicitis. Sebagai contoh pembedahan dijalankan untuk merawat penyakit appendicitis, sekaligus merawat endometriosis. Ketika pembedahan, organ ataupun tempat yang terlibat dengan endometriosis akan kelihatan seperti serbuk yang berwarna biru kehitaman.

Rawatan bagi pengidap endometriosis adalah bergantung kepada jenis masalah yang dihadapi. Rawatan yang ditawarkan sama ada menggunakan ubat-ubatan ataupun pembedahan. Tujuan rawatan adalah untuk mengurangkan kesakitan, menghalang ketumbuhan daripada membesar dan berulang, mengekalkan kesuburan bagi wanita yang tidak berupaya untuk hamil dan bagi menjamin fungsi reproduktif untuk kehamilan seterusnya.

Antara rawatan pembedahan yang boleh dilakukan samada secara pembedahan biasa atau laparoscopi. Pembedahan adalah untuk membuang endometriosis dan pemulihan organ yang dijangkiti dinamakan sebagai rekonstruktif. Kesuburan adalah perlu dikekalkan bagi memberi peluang kepada pesakit untuk terus berpeluang untuk hamil. Terdapat juga kes-kes yang terpaksa membuang rahim dan kadangkala ovari, bagi mengurangkan kesakitan yang teruk pada wanita selepas kaedah-kaedah yang dinyatakan sebelum ini gagal. Penyakit ini memberikan kesan yang berbeza-beza kepada setiap individu. Sebaik-baiknya, pilihlah rawatan yang sesuai mengikut keperluan dan kepentingan wanita berkenaan.

Rujukan

Mukti, P. (2014). Faktor Risiko Kejadian Endometriosis. *Unnes Journal of Public Health*, 3(3). <https://doi.org/article/9f65bb39d3b24cd180fd01e082582c15>

Yusliza Yakimir Abd Talib. (12 Ogos 2019). Derita Endometriosis. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/08/485266/derita-endometriosis>

Zubaidi Ahmad. (14 September 2022). Peringkat Endometriosis dan Kesuburan. Dr. Zubaidi Hj Ahmad Menulis. <http://drzubaidi.com/blog/peringkat-endometriosis-dan-kesuburan/>



THE ENVIRONMENTAL ISSUES OF TRANSPORT IN MALAYSIA



Noor Malinjasari Binti Ali¹, Suzila Mat Salleh¹, Hasmida Mohd Noor¹, Ruzaidah Sulong¹, Raslina Mohamed Nor¹, Siti Fatimah Mardiah Hamzah¹

¹Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Terengganu Branch Campus, Malaysia

Corresponding email: noorm726@uitm.edu.my



The future is difficult to foreseen as we have limited access or knowledge about it and we have a tendency to have the inept practice of refuting or being skeptical of the smartest predictions. At the same time, yet a little crystal gazing cannot always be shunned in a study of this type, the task of foreseen what is to come is not difficult to make by investigating past and through the past, we might take a little effort to perceive a trend that might continue into the years in advance. One thing is certain is time as it will never stop or going back into the past as life must go on with or without change and whether we like or dislike it. Enhanced methods are commenced as the previous ways are discarded and mankind will continue to growth into time unknown. In this chapter however, we will focus on the environment issues, as well as congestion as we anticipate, congestion will still be a major issue in the future and information

technology pertaining to transport sector as IT could help to promote better efficiency of the transport system.

Environmental issues

The environmental issues in transport programs and plan fluctuate according to types of transport and transport modes. Assessment of the environmental aspect requires knowledge and understanding of relevant

and using other transport measurement either transport survey, multimodal studies or traffic modeling. By identifying and examining environmental issues during the formulation of the plan, it is possible to compare alternative approaches, identifies groups with the society that adversely affected and discuss with interested parties.

Issues in Transport

With so many cities at different levels of economic development and social conditions, Asia is experiencing a wide diversity of urban environmental problems. In this section, we will look at three key urban environment issues: sound, vibration and pollution problems, air quality management and urban transportation problem.

POPULATION AND VEHICLE GROWTH



policy and legislative framework either it is international obligations or national transport or environmental policy. Though we said that we might not know what happen in the future, we could anticipate what we will be going through by predicted change in demand through looking in the past trend of travel demands

Increasing Car Usage in the Country

- Life style
- Easy access
- Necessities
- Flexible working hours
- Decreasing in car loan
- Flexible loans
- Price of the cars decreasing
- Government encouragement to buy national cars

Three major sources of air pollution—industry, automobiles, and construction—are pillars of economic development. The major source of urban air pollution is shifting from industrial pollution like oxides of sulfur (SO_x), dust fall/total suspended particulate matter (TSP) to non-industrial pollution like oxides of nitrogen (NO_x) and

smaller particulate matter (PM₁₀/SPM). With non-point sources dominating the emissions, SPM and PM₁₀ have become the most important air pollutants in Asian cities. In addition, NO_x concentrations are higher than SO_x concentrations in most of these cities, which clearly indicates the domination of non-point source pollution. The urban transport sector is one of the major non-point sources of pollution and needs special attention in air quality management. SPM, and NO_x are serious concerns and the transport sector is a major source of all three. Large numbers of vehicles, poor emissions-control standards, and low quality of available fuel are the primary factors adding to transport-related pollution in Asian cities. In highly developed countries of the region like Japan, the problem of NO_x pollution is very clear.

The solution to urban transportation problems lies, to a large extent, in good city and transportation planning. However, unlike cities in Europe, Asian cities lack proper city planning and the growth of urban centers has been haphazard. Transportation

issues are addressed reactively, resulting in a lack of sustainable solutions, Asia, with its prospects of continued rapid economic growth, is set to witness a parallel surge in urban transportation. To date, several factors have hindered adequate provision of transportation services to match the increasing demand. These factors vary from country to country depending on economic growth levels. However, the major determinants are: population growth and urbanization, and investment gaps in infrastructure. The developing countries of the region show an infrastructure investment shortfall of perhaps 50 percent of the estimated total investment requirement in the transport sector. The huge capital costs and the time required to develop high-capacity mass-transit systems have prevented their timely implementation in rapidly growing urban areas. With the recovery of the region's economies, the private sector and international financing agencies have a major role to play in making up the shortfall in infrastructure investment.

With the forces outlined above driving change, Asia is confronted with a variety of transportation problems and challenges.

For a better and sustainable transport development, the transportation sector or agencies held reliable to it. It should promote safety culture, land use planning, new development and easy accessibility of transportation and above all, human using transport either public or private transport should be obedient to transport regulation.

References

- Benson, D & White G. (1985). *Transport and Distribution*, Longman, Pitman, London.
- Faulks, R.W. (1990). *Principles of Transport*, 4th Edition Mc.Graw Hill.
- Hibbs, J. (1988). *An Introduction to Transport Studies*, 2nd Edition Kagon Page.
- Schumer, A.Leslie (1964). *The Elements of Transport*, 2nd Edition, London Butterworths.
- Noor Malinjasari Binti Ali (2007). *Manual Fundamentals of Transport* UiTM Terengganu.



Nor Hamiza Mohd Ghani

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Emel: norha825@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Berbelanja secara online atau dalam talian dengan kaedah Cash on Delivery atau Collect on Delivery (COD) sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan rakyat Malaysia pada hari ini bahkan di negara luar. Penyelidikan sedia ada telah mengenalpasti COD sebagai salah satu kaedah pembayaran e-dagang pilihan di negara seperti India, Arab Saudi, dan UAE (Gangeshwer, 2013; Makki & Chang, 2015; Halaweh, 2017). Pelanggan tidak lagi perlu keluar dari rumah

dan tergesa-gesa untuk mendapatkan barang-barang yang diinginkan apabila berbelanja secara online. Dengan menggunakan aplikasi online melalui telefon pintar, pelanggan mudah untuk mencari dan mendapatkan barang yang dingini dan prosesnya juga sangat cepat. Hanya dengan menekan satu butang 'klik', penghantaran barang terus diproses dan dihantar kepada pelanggan. COD merupakan salah satu kaedah pembelian yang mudah dan boleh dipercayai pada masa kini.

Apa itu COD? Cash on Delivery atau Collect on Delivery, ialah pembelian atas talian yang melibatkan penyertaan pembeli dan penjual secara bersemuka dan mereka bersepakat untuk melakukan transaksi jual beli secara bersama, berjumpa di tempat yang telah dipersetujui dan secara tidak langsung pembeli dapat memeriksa terlebih dahulu barang yang dibeli daripada penjual sebelum membuat pembayaran. Ini merupakan satu kaedah yang boleh dipercayai berbanding penghantaran

secara kurier atau melalui pos. Kebiasaannya, pengusaha perniagaan secara kecil-kecilan sama ada separuh masa, sepenuh masa mahupun sampingan menggunakan kaedah perkhidmatan COD kerana ia mampu memberikan hasil yang lumayan.

Antara kelebihan perkhidmatan COD ialah tidak memerlukan tempoh penghantaran yang panjang berbanding menggunakan perkhidmatan kurier. Perkhidmatan kurier kebiasaannya melibatkan tempoh 2-7 hari untuk barang sampai kepada pelanggan. Barang yang dipesan melalui perkhidmatan COD juga dijamin selamat sampai ke tangan pembeli. Kajian oleh Halaweh (2017) mengkaji secara empirikal faktor-faktor yang mempengaruhi niat pelanggan untuk menggunakan kaedah pembayaran COD untuk transaksi e-dagang berbanding kaedah pembayaran elektronik tradisional. Penyelidikan ini telah mendedahkan bahawa persepsi keselamatan, privasi dan kepercayaan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat pelanggan untuk menggunakan kaedah pembayaran COD. Ini mengurangkan risiko pelanggan menerima barang yang rosak atau barang yang tidak memenuhi kriteria yang ditunjukkan di dalam

aplikasi e-dagang. Kebiasaannya, proses penghantaran menjadi mudah apabila pembeli berkongsi lokasi melalui telefon pintar. Ini memudahkan penjual untuk membuat penghantaran segera sekaligus mengelakkan berlakunya penipuan dari pihak penjual.

Selain itu, kelebihan kepada pihak penjual adalah menjimatkan masa kerana penjual tidak perlu beratur menunggu giliran atau bersesak di pejabat pos atau kurier untuk mengepos barang yang dibeli pelanggan. Keselamatan barang pelanggan juga terjamin daripada kerosakan dan barang selamat sampai ke tangan pelanggan tanpa menunggu waktu yang lama untuk memiliki barang tersebut. Tambahan lagi, dengan menggunakan telefon pintar dan saluran aplikasi yang mudah, ia telah mempercepatkan lagi proses penghantaran barang kepada pelanggan (Wu, Deng, dan Cui, 2020). Antara saluran aplikasi yang ada di Malaysia adalah seperti Shopee, Lazada, Grab dan lain-lain. Selain menjimatkan masa, perkhidmatan COD menjadi pilihan pelanggan kerana ia menyenangkan serta mendapat kepercayaan daripada pelanggan. Apabila pelanggan selalu membeli secara online dengan penjual yang sama, ini bermakna pelanggan

sudah selesai dan mempercayai perkhidmatan yang ditawarkan sebelum ini. Antara barangan yang kerap dibeli secara online dengan menggunakan perkhidmatan COD adalah makanan dan bahan basah seperti barangan dapur. Ia memudahkan pelanggan terutamanya wanita berkerjaya dan juga suri rumah yang tidak berkesempatan untuk ke pasar.

Banyak kemudahan yang diperolehi apabila menggunakan perkhidmatan COD, tetapi terdapat juga beberapa keburukan dan kekangan perkhidmatan ini. Kajian oleh Abbad, Abbad, dan Saleh (2011) mendapati enam kekangan utama dalam penggunaan e-dagang yang dihadapi oleh penduduk Jordan antaranya ialah keselamatan dan kepercayaan, pengalaman internet, keseronokan, bahasa, isu undang-undang dan penerimaan teknologi (kemudahan penggunaan dan kegunaan).

Tambahan lagi, apabila pelanggan menggunakan perkhidmatan COD, mereka akan dikenakan cas penghantaran bergantung kepada tempat yang ditetapkan oleh pembeli. Semakin jauh tempat penghantaran daripada tempat penjual semakin mahal kos penghantaran. Walaupun dikenakan cas

penghantaran namun ianya masih relevan kepada pembeli kerana pembeli tidak perlu beratur atau bersusah payah untuk mendapatkan barang yang ingin dibeli.

Antara perkara yang merugikan penyedia perkhidmatan COD ialah pembeli tiba-tiba membatalkan pesanan semasa barang sudah sampai. Ini bukan sahaja merugikan wang malah merugikan masa dan tenaga mereka. Ada juga sesetengah pelanggan yang tidak berpuas hati dengan barang yang diterima dan enggan membayar barang yang dipesan. Lebih menakutkan lagi apabila ada juga berlaku kes penyedia perkhidmatan atau pembeli yang berniat jahat terutamanya melibatkan kaum wanita yang membuat perkhidmatan ini atau yang menerima barang keseorangan di rumah. Tambahan lagi, sesetengah pembeli yang menghantar lokasi kurang tepat menyebabkan penyedia perkhidmatan terpaksa mencari sendiri lokasi pembeli. Keadaan ini juga merugikan masa, tenaga serta petrol kenderaan penyedia perkhidmatan. Keburukan yang berlaku semasa pembelian secara e-dagang ini menyebabkan pelanggan merasakan pembayaran secara online tradisional atau COD menimbulkan masalah kepada mereka dan ini

merosakkan reputasi syarikat penghantaran barang. Kekurangan persepsi keselamatan dan kepercayaan adalah faktor yang paling penting memperlambatkan perkembangan e-dagang (Oney et. al., 2017), iaitu halangan yang ketara untuk menggunakan sistem pembayaran elektronik.

Kesimpulannya, perkhidmatan COD ini amat memudahkan urusan antara penyedia perkhidmatan dan pembeli. Ia juga turut memberi keuntungan dan keselesaan kepada kedua-dua pihak. Pembekal makanan adalah golongan yang paling banyak menggunakan perkhidmatan COD ini. Tambahan lagi, dengan wujudnya Food Panda, Grab Food, personal runner dan lain-lain menambahkan lagi peluang pekerjaan kepada orang ramai. Dengan perkembangan teknologi masa kini serta masyarakat yang semakin maju ke hadapan, semua keinginan dan keperluan hanya boleh diperolehi di 'hujung jari' sahaja. Oleh itu, kita sama ada sebagai pembeli atau penjual haruslah mempunyai sikap bertolak-ansur dan juga saling memudahkan pekerjaan orang lain.

Rujukan:
 Abbad, M., Abbad, R. & Saleh, M. (2011). Limitations of e-commerce in developing countries: Jordan case. Education,

Business and Society: Contemporary Middle Eastern Issues, 4(4): 280-291.
 Gangeshwer, D. K. (2013). E-Commerce or internet marketing: A business review from Indian context. International Journal of u-and e-Service, Science and Technology, 6, 187-194.

Halaweh, M. (2017). Intention to adopt the Cash on Delivery (COD) Payment Model for ecommerce transactions: An empirical study, [In:] Lecture notes in Computer Science (including subseries Lecture Notes in Artificial Intelligence and Lecture Notes in Bioinformatics), 10244 LNCS.

Makki, E., & Chang, L. C. (2015). Understanding the effects of social media and mobile usage on e-commerce: An exploratory study in Saudi Arabia. International management review, 11(2): 98 -109.

Oney, E., Guven, G.O., & Rizvi W.H. (2017). The determinants of electronic payment systems usage from consumers' perspective. Economic Research-Ekonomska Istraživanja, 30(1).
 Wu, B., Deng, X. & Cui, X. (2020). Cash on delivery or online payment: Mobile channel, order size and payment methods, Journal of Contemporary Marketing Science, 3(2): 225 -242.
<https://doi.org/10.1108/JCMARS-12-2019-0048>.

PRESTASI PERKHIDMATAN INOVATIF DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM: SATU SOROTAN AWAL

Oleh:

Noor Malinjasari Ali, Suzila Mat Salleh, Siti
Fatimah Mardiah Hamzah, Hasmida Mohd
Noor, Raslina Mohamed Nor, dan Ruzaidah
A. Rashid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan
Terengganu

Emel: noorm726@uitm.edu.my

Photo by Andrea De Santis on Unsplash

eISSN 2600-9811 Prestasi Perkhidmatan Inovatif Dalam Kalangan Penjawat
Awam: Satu Sorotan Awal

40

Kritikan rakyat terhadap segelintir kakitangan perkhidmatan awam membuktikan bahawa ada beberapa agensi perkhidmatan awam yang kurang mematuhi peraturan dan tidak mengikut kehendak orang awam yang mahukan perkhidmatan yang dinamik disebabkan pelbagai alasan. Sebagai contoh, orang awam mempunyai masalah untuk berhubung dengan pelbagai agensi untuk menerima suatu perkhidmatan, namun perkhidmatan tersebut mengambil masa yang lama, kakitangan dilihat berlengah dan mengutamakan urusan peribadi walaupun ramai telah menunggu di kaunter, kurangnya iltizam dalam penyampaian perkhidmatan, kesukaran untuk menjejaki status perkhidmatan, dan berhadapan dengan risiko rasuah dan kegagalan untuk melindungi orang awam (Paili et al., 2016). Bagi mengatasi masalah tersebut, inovasi merupakan suatu pilihan untuk mempromosikan perkhidmatan awam yang lebih cekap dan meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan awam melalui perkhidmatan yang inovatif. Keutamaan perkhidmatan inovatif adalah untuk menyediakan ukuran untuk prestasi perkhidmatan, permasalahan perkhidmatan, dan penyampaian perkhidmatan (Tseng, Lim, Lin & Teehankee, 2015; Hussain, Konar, & Ali., 2016). Perkhidmatan

inovatif merupakan satu perkara penting dalam memperbaiki kebolehan perkhidmatan perniagaan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Ia juga dilihat sebagai salah satu cabang untuk bersaing dengan pihak pesaing.

Pelanggan sering berkeinginan untuk merasai pengalaman baharu dan unik dalam perkhidmatan. Oleh itu, sesuatu yang viral sering menjadi pilihan pelanggan. Di sinilah mengapa prestasi perkhidmatan inovatif menjadi penting untuk dikaji dan diteliti. Dalam konteks perkhidmatan inovatif di Malaysia, kebanyakan kajian menjurus kepada inovasi dalam syarikat pembuatan (Hu, Horng, & Sun., 2009; Lau, Yam, & Tang, 2010; Hussain et al., 2016). Namun, sedikit sahaja yang menekankan kepada sektor perkhidmatan dan kebanyakannya tertumpu kepada industri perhotelan dan pelancongan (Hu, Horng, & Sun., 2009; Hussain et al., 2016). Oleh kerana prestasi perkhidmatan inovatif yang menyentuh sektor kerajaan amatlah terhad (Sawangnuwatkul & Vadhanasindu, 2021; Chen, Walker, & Sawhney., 2019), terutama dalam konteks Malaysia (Paili et al., 2016), para penyelidik cuba mengkaji isu berkaitan dengan prestasi perkhidmatan inovatif dalam sektor kerajaan, khususnya di pihak berkuasa tempatan. Oleh kerana kualiti

perkhidmatan awam tidak dapat dipertingkatkan dalam masa yang singkat dan memerlukan kepada banyak kajian, oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk: 1) mengkaji faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada prestasi perkhidmatan inovatif; dan 2) menganalisis kaitan antara perkongsian pengetahuan, budaya berpasukan, dan motivasi dengan prestasi perkhidmatan inovatif.

Prestasi Perkhidmatan Inovatif

Prestasi perkhidmatan inovatif merupakan konstruk yang rumit (Chenhall & Lansfield-Smith, 2007). Ia telah ditakrifkan dan mengikut pelbagai jenis pengoperasian yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Ini adalah kerana perkhidmatan itu sendiri mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada produk. Ciri-ciri yang istimewa pada perkhidmatan telah mempengaruhi takrifan dan pengukuran mengenai produktiviti dan prestasi perkhidmatan inovatif. Prestasi perkhidmatan inovatif telah ditakrifkan sebagai sejauh mana firma atau organisasi mencapai strategi kelebihan kompetitif (competitive-advantage strategy) dan kejayaan komersil berkaitan dengan perkhidmatan inovatif (Mennens, Van-Gils, Odekerken-Schroder, & Letterie, 2018; Stoney, Cankurtaran, Papastathopoulou, & Hultink, 2016; Hanif & Asgher, 2018;

Singh et al., 2021).

Perkongsian Pengetahuan

Ada banyak takrifan mengenai perkongsian pengetahuan dalam kajian-kajian terdahulu. Ryu, Ho dan Han (2003) mentakrifkan perkongsian pengetahuan sebagai suatu tingkah laku seseorang individu yang menyebarkan pengetahuan dan maklumat yang diperolehi kepada rakan sekerja dalam organisasi. Sementara itu, Cummings (2003) pula menjelaskan perkongsian pengetahuan sebagai salah satu cara organisasi memperoleh pengetahuan daripada organisasi mereka sendiri atau organisasi lain. Yesil, Koska, dan Buyukhese (2013) mendedahkan bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi tingkah laku perkongsian pengetahuan, iaitu komunikasi, sistem maklumat, ganjaran, struktur organisasi, kepuasan kerja, budaya organisasi, kepimpinan, kepercayaan, motivasi, dan sebagainya. Terdapat kajian yang mengaitkan perkongsian pengetahuan sebagai faktor penting dalam memperbaiki keupayaan inovatif, seterusnya meningkatkan prestasi inovatif termasuk prestasi perkhidmatan inovatif (Ryu et al., 2003; Cummings, 2003; Yesil, Koska, & Buyukhese, 2013; Hanif & Asgher, 2018).

Budaya Berpasukan
Kejayaan sesuatu organisasi
adakalanya bergantung

kepada kerja berpasukan. Budaya berpasukan boleh ditakrifkan sebagai suatu set peraturan, kebiasaan, dan jangkaan yang dikongsi oleh ahli-ahli pasukan yang telah timbul dan diringkaskan (Hu, Horng, & Sun, 2009). Budaya berpasukan yang kuat diperolehi daripada pertindihan kerja, ciri-ciri ahli pasukan sedia ada, dan daripada corak interaksi antara rakan-rakan sekerja yang baru dibangunkan. Budaya berpasukan kemudiannya menjadi asas kepada ahli pasukan untuk penilaian sendiri dan memudahkan interaksi dan prestasi sesama ahli. Gilson dan Shalley (2004) menekankan kepentingan untuk menambah kerja berpasukan dalam inovasi dan menggalakkan komunikasi yang lebih baik dalam interaksi sosial secara formal mahupun tidak. Pasukan yang inovatif mempunyai budaya berpasukan yang kuat kerana setiap ahli berkongsi harapan dan memudahkan prestasi inovatif sama ada secara individu atau dalam kumpulan.

Persekitaran organisasi yang bekerja secara dalam kumpulan dan menjadikannya sebagai satu budaya adalah satu faktor penting dalam mempengaruhi prestasi inovatif (Thambain, 2003). Ada kajian yang mendapati bahawa struktur berkumpulan dan proses interaksi berhubungan

secara positif dengan inovasi pasukan dan lagi interaksi kumpulan menjadi perantara hubungan antara heterogeniti pasukan dan inovasi (Ottenbacher, Gnoth, & Jones, 2006; Drach-Zahavy & Somech, 2001). Gilson dan Shalley (2004) mendapati bahawa pasukan yang paling kreatif adalah mereka yang menyedari bahawa mereka bekerja dengan tugas yang saling kebergantungan yang tinggi (high-task interdependence) dan tugas mereka memerlukan kreativiti tahap tertinggi. Pasukan yang memiliki darjah perkongsian matlamat yang tinggi, mementingkan penyertaan dalam penyelesaian masalah, dan bekerja dalam suasana yang menyokong kreativiti akan bekerja secara lebih kreatif. Tambahan pula, mereka yang bekerja dalam pasukan kreatif biasanya akan meluangkan masa bersama dan bersosial dengan rakan sepasukan sama ada dalam pejabat mahupun luar pejabat.

Motivasi

Faktor berkaitan dengan manusia telah dibuktikan sebagai satu elemen yang sangat diperlukan dalam inovasi perkhidmatan (Stephens, Partridge, & Faggian, 2013). Namun begitu, adalah amat menghairankan hubungan antara faktor berkaitan manusia seperti kepimpinan yang efektif, pengurusan maklumat, dan motivasi

dengan perkhidmatan inovatif menerima perhatian yang sedikit (Prajogo & Ahmed, 2006). Hubungan ini penting, iaitu antara motivasi kepada pekerja dan perkhidmatan inovatif, kerana kemahiran yang pelbagai membolehkan para pekerja untuk menjadi anjal (flexible) dan membolehkan mereka untuk meningkatkan kreativiti mereka membangunkan idea baharu (Martinez-Sanchez, Vela-Jimenez, & de-Luis-Carnicer, 2011). Motivasi kepada para pekerja juga membolehkan mereka mendapat idea menarik dan akhirnya membolehkan organisasi melancarkan perkhidmatan inovatif kepada pasaran lebih awal daripada para pesaing mereka (Martinez-Sanchez et al., 2011). Martinez-Ros dan Orfila-Sintes, (2012) dan Tajeddini dan Martin (2020) juga telah membuktikan bahawa melabur dalam faktor perkembangan manusia seperti latihan, tahap pendidikan eksekutif dan staf, kreativiti, dan motivasi boleh mempengaruhi inovasi dalam industri perkhidmatan. Apabila pekerja mendapat motivasi yang secukupnya, khususnya daripada pihak majikan, ia akan memberi kesan yang positif kepada prestasi perkhidmatan inovatif mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dalam artikel ini, prestasi perkhidmatan inovatif dalam kalangan penjawat awam

bergantung kepada tiga faktor, iaitu perkongsian pengetahuan, budaya kerja berpasukan, dan motivasi. Apabila kesemua faktor yang disebutkan dapat ditingkatkan, diharapkan agar prestasi perkhidmatan inovatif dalam kalangan penjawat awam juga dapat dipertingkatkan.

Rujukan:

- Chen, J., Walker, R.M., Sawhney, M., (2019), Public service innovation: a typology, *Public Management Review*, 22(6186), 1-22
- Chenhall, R.H., & Langfield-Smith, K., (2007), Multiple perspectives of performance measures, *European Management Journal*, 23(4), 266-282
- Cummings J, (2003), Knowledge sharing: a literature review, *The World Bank*, Washington D.C
- Drach-Zahavy, A & Somesh, A (2001), Understanding team innovation: the role of team processes and structures, *Group Dynamics: Theory, Research and Practice*, 5(2), 111-123
- Gilson, L.L., & Shalley, C.E., (2004), A little creativity goes a long way: an examination of teams' engagement in creative process, *Journal of Management*, 30(6), 453-470
- Hanif, M.I., & Asgher, M.U., (2018), Service innovation and service innovation performance, A study of banking services, *Pakistan Journal of Commerce and Social Science*, (PJCSS), 12(2), 670-694
- Hu, M-L.M., Horng, J.S., Sun, Y.H.C., (2009), Hospitality teams: knowledge sharing and service innovative performance, *Tourism Management*, 30(1), 41-50
- Hussain, K., Konar, R., Ali, F (2016), Measuring service innovation performance through team culture and knowledge sharing behaviour in hotel services: a pls approach, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224 (2016), 35-43
- Lau, A.K.W., Yam, R.C.M., Tang, E.P.Y., (2010), The impact of technological innovation capabilities on innovation performance: An empirical study in Hong Kong, *Journal of Science and Technology Policy in China*, 1(2), 163-186
- Martinez-Ros, E., & Orfila-Sintes, F., (2012), Training plans, manager's characteristics and innovation, *International Journal of Human Management*, 31(3), 686-694
- Martinez-Sanchez, A., Vela-Jimenez, M & de-Luis-Carnicer.P., (2011), The dynamics of labour flexibility, *Journal of Management Studies*, 48(4), 715-736
- Mennens, K., Van-Gils, A., Odekerken-Schroder, G., Letterie, W., (2018), Exploring antecedents of service innovation excellence in manufacturing SMEs, *International Small Business Journal*, 36(5), 500-520
- Ottenbacher, M., Groth, J., Jones, R., (2006), Identifying determinants of success in development of new high-contact services: insights

- from the hospitality industry, *International Journal of Service Industry Management*, 17(4), 344-363
- Paili, N.M.A., Ali, N.M., Hamzah, S.F.M., Jaafar, N.F.H.N., Noor, H.M., (2016), Service Quality and its Connection with Customer Satisfaction: A Study in Bentong Land and District Office (PTD Bentong) Malaysia, *Terengganu International Management and Business Journal*, 6(2), 34-43
- Ryu, S., Ho, S.H., Han, I., (2003), Knowledge sharing behaviour of physicians in hospital, *Expert System with Application*, 25(1), 113-122
- Sawangnuwatkul, N & Vadhanasindu, C (2021), The determinants towards fostering innovation management effectiveness in Thai Public Service: empirical study of awarded organization, *Journal of Social Academic*, 14(2), 1-19
- Singh, S.K., Mazzucchelli, A., Vessal, S.R., Solidoro, A., (2021), Knowledge-based HRM practices and innovation performance: role of social capital and knowledge sharing, *Journal of International Management*, 27(2021) 1008.3, <https://doi.org/10.1016/j.intman.2021.1008.30>
- Stephens, H., Partridge, M., Faggian, A., (2013), Innovation, entrepreneurship and economic growth in lagging regions, *Journal of Regional Science*, 53(5), 778-812
- Stoney, C., Cankurtaran, P., Papastathopoulou, P., Hultink, E.J., (2016), Success factors for service innovation: a meta analysis, *Journal of Product Management*, 33(5), 527-548
- Tajeddini, K & Martin, E, (2020), The importance of human related factors on service innovation and performance, *International Journal of Hospitality Management*, 85, p. 102431
- Thambain, H.J., (2003), Managing innovation R&D team, *Research & Development Management*, 33(3), 297-311
- Tseng, M.L., Lin, Y.H., Lim, M.K., Teehankee, B.L., (2015), Using a hybrid method to evaluate service innovation in the hotel industry, *Applied Soft Computing*, 28, 411-421
- Yesil, S., Koska, A., Buyukhese, T., (2013), Knowledge sharing process, innovation capability and innovation performance: an empirical study, *Procedia-Social and Behavioural Sciences*, 75(2013), 217-225

HOBBI

BOLEH ELAK STRES

Nor Hamiza Mohd Ghani

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Apakah maksud hobi sebenarnya? Hobi merupakan aktiviti kegemaran yang sering dilakukan pada masa lapang, memberi kepuasan dan mampu menenangkan jiwa seseorang. Hobi tidak boleh dipaksa dan kebiasaannya hobi dipengaruhi oleh minat serta persekitaran seseorang. Tetapi yang pasti, jika sesuatu aktiviti yang dilakukan itu memberi kepuasan dan ketenangan jiwa, itulah hobi!

Bagaimanakah hobi membantu dalam menangani stres seseorang? Stres atau tekanan ialah keadaan seseorang itu mengalami ketidakstabilan sama ada fizikal ataupun mental berikutan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka sama ada ancaman atau gangguan. Stres yang berpanjangan boleh menyebabkan kehadiran penyakit kritikal seperti penyakit jantung koronari, angin ahmar, kegagalan jantung serta kemurungan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011). Tanda-tanda stres yang dapat dilihat seperti kering mulut, gementar, cepat letih, lenguh badan, jantung berdebar-debar dan banyak lagi.

Oleh itu, stres perlu ditangani kerana ia membahayakan kesihatan seseorang. Salah satunya adalah dengan melakukan hobi atau aktiviti kegemaran yang disukai oleh seseorang. Berikut merupakan manfaat kepentingan hobi dalam menangani stres.

1. Memberikan waktu santai untuk diri sendiri

Dengan melakukan hobi yang disukai memberikan otak dan tubuh untuk beristirahat sejenak seterusnya seseorang itu bebas daripada tanggungjawab atau beban yang menjadi sumber stres. Jika anda terlalu sibuk untuk meluangkan waktu, perlulah memulakan usaha dari sekarang bagi menjadikan hobi sebagai salah satu keutamaan kehidupan anda. Tetapkan rutin melakukan hobi di dalam jadual seharian. Melakukan hobi dapat memberikan anda masa untuk bersantai tanpa stres tetapi tetap produktif.

2. Ubah Stres Jadi Positif

Sebenarnya, kita sendiri yang menentukan stres itu menjadi energi negatif atau mengubah stres berlebihan itu menjadi energi positif. Apabila anda menghadapi stres, diam seketika selama 5-10 minit

kemudian fokus kepada pernafasan anda. Sedut nafas secara dalam dengan perlahan-lahan kemudian hembuskan dan ulang beberapa kali sehingga anda berasa tenang. Contohnya, jika anda stres dengan anak-anak yang bising di rumah, cuba mengubah keadaan tersebut kepada aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan bersama-sama. Contohnya, mengajak anak-anak berkebun, beriadah atau membaca buku bersama-sama.

3. Bersosial dengan komuniti

Hobi yang disukai biasanya memperkenalkan kita kepada komuniti baru. Dengan bergaul dengan komuniti baru secara tidak langsung dapat meningkatkan kemampuan bersosial dan menambahkan rakan-rakan baru yang mempunyai hobi yang sama. Seterusnya, ia membuatkan hidup anda lebih bermakna dan dapat menjalani kehidupan hari demi hari dengan menyenangkan.

4. Menambah kepuasan dan kebebasan

Hobi tidak membuatkan anda melakukan sesuatu kegiatan dengan paksaan mahupun yang membebankan. Tekanan boleh menyebabkan anda berasa sangat penat. Semasa melakukan hobi yang anda gemari tanpa tekanan, anda mungkin akan berusaha bersungguh-sungguh menunjukkan keterampilan terbaik daripada hobi tersebut. Ini kerana ia melibatkan perasaan, kepuasan, ketenangan, dan kebebasan sehingga boleh mengurangkan stres yang anda alami.

Hobi merupakan suatu kegiatan yang mampu menenangkan perasaan seseorang. Terdapat pelbagai jenis hobi yang boleh dilakukan untuk mengurangkan stres. Berikut adalah beberapa contoh hobi yang sihat dan menarik untuk membantu mengurangkan dan menghilangkan stres.

a. Mendengar muzik

Mendengar muzik merupakan hobi yang digemari oleh kebanyakan orang. Muzik yang bergenre ceria telah terbukti mampu meningkatkan mood seseorang. Satu kajian oleh Siti Nur Adilah Awang et al (2021) menyatakan para responden menunjukkan tindak balas positif dan signifikan dengan keberkesanan aplikasi muzik dalam konteks rawatan kesihatan mental. Dari segi rawatan Islam pula, bacaan Al-Quran memberikan kesan positif kepada fizikal, mental dan emosi manusia serta membantu dalam menyembuhkan penyakit. Tambahan lagi, bacaan Al-Quran merupakan medium rawatan alternatif bagi merawat penyakit manusia sama ada yang berbentuk fizikal, mental mahupun emosi melalui kaedah terapi bunyi (suara) (Nur Hidayah Ibrahim Star & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, 2021).

b. Menulis dan membuat coretan

Contoh hobi lain yang boleh mengurangkan stres ialah menulis dan membuat coretan. Kedua-dua hobi ini sangat mudah dan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Dengan membuat aktiviti menulis ini, dapat meluahkan perasaan dan emosi melalui penulisan. Membuat coretan bebas (doodling) juga cukup bagus untuk menenangkan fikiran.

c. Fotografi alam

Mengambil gambar alam semulajadi boleh menenangkan perasaan seseorang. Apabila melihat gambar yang cantik, ia menjadi terapi bagi mata yang memandang. Selain itu, dengan mengambil gambar, dapat mengisi masa terluang agar tidak terlalu sedih atau gusar dengan masalah ujian yang dilalui.

d. Berkebun

Terdapat pelbagai manfaat berkebun bagi

meningkatkan kesihatan mental antaranya dapat mendekatkan diri dengan alam dan juga dapat mempertajamkan daya ingatan dengan melihat kehijauan alam. Hobi ini juga mengurangkan stres dan membuatkan anda lebih aktif bergerak sekaligus mampu meningkatkan kesegaran tubuh.

e. Memasak

Memasak sendiri adalah lebih baik untuk kesihatan fizikal dan mental. Bukan hanya sihat, hobi ini juga mampu membuat anda lebih rapat dengan pasangan dan keluarga. Bagi menambahkan manfaatnya, anda juga boleh mempelbagaikan bahan makanan untuk menghilangkan stres seperti yoghurt, oatmeal, dan dark chocolate.

f. Bersukan

Bersukan merupakan hobi yang mampu untuk menghilangkan stres. Anda boleh mencuba pelbagai jenis olahraga yang anda suka seperti jogging, yoga, atau menari. Anda boleh mula secara perlahan dan elak aktiviti sukan yang extreme. Ini kerana bersukan di luar kemampuan diri boleh menyebabkan stres makin bertambah.

Kesimpulannya, stres perlu ditangani dengan segera agar tidak memberi kemudahan kepada fizikal, mental dan juga emosi seseorang. Bagi yang menghadapi stres perlulah berusaha untuk mencari sesuatu hobi yang boleh menenangkan jiwa serta tidak membebankan. Dengan adanya hobi, seseorang akan dapat mengurangkan stres apabila fokus kepada hobi yang digemari samada hobi bersifat fizikal seperti bersenam, memasak atau berkebun. Manakala hobi yang menggunakan pendekatan spiritual seperti mengaji atau mendengar bacaan Al-Quran juga mampu untuk mengelak berlakunya stres. Oleh itu, bagi menikmati hidup yang semakin mencabar, kita mestilah selalu berfikir positif agar dapat menangani segala masalah yang melanda dalam kehidupan kita.

Rujukan

https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan%20Mental/6_Panduan_Menangani_Stres.pdf

Nur Hidayah Ibrahim Star & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2021). Kesan Bacaan Al-Quran Ke Atas Fizikal, Mental Dan Emosi Manusia : Suatu Sorotan. International Journal Of Al-Quran And Knowledge, Volume 1, Issue 2, 2021.

Siti Nur Adilah Awang, Roziah Sidik @ Mat Sidek, Ermy Azziaty Rozali Sejarah Perkembangan Aplikasi Terapi Muzik Dalam Rawatan Kesihatan Mental, Sains Insani 2021, Volume 06 No 3: 27-34

CAPITAL ASSET PRICING MODEL (CAPM)

A'tiqah Rashidah Abu Samah, Nur Aqilah Mohamad Nasruddin, Roseziahazni Abdul Ghani & Zuraida Mohamad
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.
Emel: aqilahnasruddin02@gmail.com
(Corresponding Author)

Capital Asset Pricing Model (CAPM) merupakan teori asas yang menunjukkan hubungan di antara risiko dan pulangan yang berkaitan dengan sesebuah aset. Ia melibatkan satu persamaan yang menyamakan kadar pulangan dijangka daripada suatu pelaburan dengan kadar bebas risiko, ditambah risiko premium. Pengaplikasian CAPM membantu pelabur dalam membuat perbandingan antara jangkaan kadar pulangan dengan kadar pulangan yang diperlukan bagi sebuah pelaburan. Bukan itu sahaja, penggunaan CAPM juga dapat menentukan sama ada saham tersebut adalah "undervalued", "overvalued", atau "properly valued" berdasarkan nilai intrinsik dan nilai pasaran bagi saham tersebut.

Nilai intrinsik mengukur nilai pelaburan berdasarkan aliran tunai. Berbeza

dengan nilai pasaran yang memberitahu anda harga yang sanggup dibayar pelabur lain, nilai intrinsik menunjukkan nilai aset berdasarkan analisis prestasi kewangan sebenar aset tersebut.

Saham "undervalued" adalah saham yang mempunyai nilai intrinsik yang lebih tinggi daripada nilai pasaran. Jenis saham ini biasanya memberi pulangan yang lebih banyak. Hal ini kerana, jangkaan kadar pulangan lebih tinggi daripada kadar pulangan yang diperlukan bagi pelaburan tersebut. Seterusnya, saham "overvalued" adalah saham yang mempunyai nilai intrinsik yang lebih rendah daripada nilai pasaran. Saham ini memberi pulangan yang lebih rendah. Hal ini disebabkan jangkaan kadar pulangan lebih rendah daripada kadar pulangan yang diperlukan. Akhir sekali, saham "properly valued" pula adalah saham yang

mempunyai nilai intrinsik yang sama dengan nilai pasaran. Jenis saham ini biasanya memberi pulangan yang sama banyak. Hal ini kerana, jangkaan kadar pulangan adalah sama dengan kadar pulangan yang diperlukan untuk pelaburan tersebut. Pelabur biasanya disarankan untuk melabur di dalam saham "undervalued". Pelabur juga dinasihatkan untuk mengelakkan pelaburan bagi saham "overvalued".

Selain itu, teori CAPM boleh diaplikasikan oleh pelabur untuk mendapatkan pulangan dan meminimumkan kerugian dalam portfolio pelaburan. Caranya adalah dengan memperhatikan nilai masa wang dan mengetahui risiko bagi pelaburan itu. Nilai masa wang dalam formula CAPM akan diwakili kadar bebas-risiko "risk free rate of return (RFR)". Pelabur dapat melaburkan wang mereka dalam pelbagai bentuk pelaburan bagi suatu tempoh masa. Berbanding dengan risiko, ia melibatkan pengiraan jumlah kadar pulangan yang diperlukan untuk mengambil risiko tambahan. Pengiraan risiko ini diambil dengan mengukur beta yang menunjukkan perbandingan antara pulangan asset dengan pasaran dalam suatu tempoh masa.

Konsep Beta dalam CAPM akan mengukur risiko berkaitan pasaran atau lebih dikenali sebagai risiko sistematik, iaitu risiko yang tidak dapat dikawal. Contohnya, bencana alam, peperangan, dan inflasi. Pengukuran risiko ini menunjukkan bagaimana tindak balas harga saham terhadap kuasa pasaran. Beta pasaran adalah 1.0 ($\beta_m = 1.0$). Semakin responsif harga saham terhadap perubahan dalam pasaran, semakin tinggi Beta saham tersebut. Oleh kerana Beta menentukan bagaimana saham mempengaruhi risiko pelbagai portfolio, Beta menjadi ukuran paling relevan bagi mengukur risiko saham. Turun naik saham itu sendiri diukur oleh Beta. Katakan saham dan pasaran mempunyai korelasi yang positif di antara mereka, kedua-duanya naik dan turun dalam magnitud yang sama.

Seterusnya, CAPM juga boleh dibentangkan dalam bentuk graf yang dipanggil Garis Pasaran Sekuriti atau istilah Bahasa Inggeris "Security Market Line (SML)". Garis SML ini menunjukkan gambaran antara risiko saham berbanding pulangannya. Analisis pelaburan yang menggunakan Garis SML dapat menentukan sama ada saham yang ingin dilaburkan itu memberikan pulangan yang munasabah atau tidak. Katakan suatu saham diplot di atas Garis SML, ini bermakna saham tersebut mempunyai kadar pulangan yang lebih tinggi dan risikonya dinilai kurang daripada pasaran. Saham ini dipanggil saham "undervalued". Berbanding dengan saham yang diplot di bawah Garis SML yang menunjukkan bahawa kadar pulangannya lebih rendah dari jangkaan kadar pulangan yang diperlukan memandangkan risiko sistematiknya lebih besar. Saham ini pula dikenali sebagai saham "overvalued". Erti kata lain, gambaran Garis SML lebih senang bagi para pelabur untuk menentukan status saham dalam suatu tempoh masa.

Para pelabur yang menggunakan model CAPM mendapat banyak kelebihan terutamanya dalam mengukur pulangan dan menentukan risiko pelaburan mereka. Namun begitu, seperti saintifik model yang lain, penggunaan model CAPM juga tidak lari daripada menerima kritikan. Antara kritikan tersebut adalah dalam menentukan alternatif Beta bagi sesuatu pelaburan. Syarikat pelaburan atau bisnes dalam dunia pelaburan yang menggunakan CAPM untuk menilai saham perlu mencari gambaran Beta bagi pelaburan tersebut. Biasanya, alternatif Beta digunakan. Walau bagaimanapun, bagi seseorang untuk menilai pelaburan itu dengan betul dan tepat adalah sukar sekaligus boleh menjejaskan kebolehpercayaan terhadap hasil akhir pengiraan. Hal ini menunjukkan bahawa, para pelabur tidak semestinya menghadkan diri mereka untuk menggunakan atau mengaplikasikan model CAPM semata-mata dalam analisis pelaburan mereka.

Kesimpulannya, CAPM adalah model

pulangan yang digunakan secara meluas kerana mudah dikira dan memudahkan pelabur dalam membuat pelaburan dengan sasaran pulangan yang tinggi.

Rujukan

Kenton, W. (2022). Capital Asset Pricing Model (CAPM) and assumptions explained. Investopedia. (2022, August 4). <https://www.investopedia.com/terms/c/capm.asp>

Fama, E. F., and French, K. R. (2004). The Capital Asset Pricing Model: Theory and Evidence. *Journal of Economic Perspectives*, 18 (3): 25-46.

KENAIKAN HARGA BARANG DI MALAYSIA

Noorazlina Ahmad & Nur Azwani Mohamad Azmin
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM
Cawangan Terengganu
Emel: noora436@uitm.edu.my (Corresponding Author)



Pandemik COVID-19 yang melanda sejak tahun 2020 telah meninggalkan kesan ketara ke atas ekonomi negara dan sekaligus melebarkan lagi jurang pendapatan isi rumah. Pandemik juga memburukkan lagi keadaan dengan ketidakstabilan ekonomi, penurunan paras gaji pekerja, kegagalan syarikat bertahan, peningkatan kadar pengangguran dan harga barang.

Pakar ekonomi daripada Universiti Sultan Zainal Abidin, Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan berkata, apabila pemulihan ekonomi sukar dicapai, sudah tentu ada pertambahan pada bilangan isi rumah B40 yang dahulunya golongan M40 (Sinar Harian, 22 Feb 2022). Rajah 1 menunjukkan had pendapatan bagi kumpulan B40, M40 dan T20

sebagai rujukan.

Kumpulan Pendapatan di Malaysia

Rajah 1: Kumpulan Pendapatan di Malaysia
Sumber: Jabatan Perangkaan, 2020

Laporan daripada World Bank menganggarkan pada tahun 2021 seramai 11 juta orang boleh jatuh miskin di seluruh Asia Timur dan Pasifik (World Bank 2020). Buheji et al. (2020) menganalisis mengenai kesan wabak ke atas empat benua, dianggarkan 49 juta individu akan didorong ke dalam kemiskinan tegar pada tahun 2020.

Pada Disember 2021, Malaysia mencatat kenaikan kadar inflasi sebanyak 3.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020. Kenaikan harga barang di pasaran menjadi fenomena global yang dialami kebanyakan negara. Semua barangan keperluan asas dijangka menghadapi kenaikan, terutamanya makanan kerana sehingga kini negara kita masih bergantung kepada aktiviti import untuk menampung keperluan domestik, kekurangan tenaga buruh dan bencana banjir yang telah menjejaskan pengeluaran dan perkhidmatan pengangkutan. Rajah 2 menunjukkan perubahan harga barang bagi tahun 2022 berbanding tahun

2020. Jika dianalisa purata kenaikan harga, tahun 2022 menunjukkan kenaikan barang sehingga 7.9 peratus. Rajah 2: Perbandingan Harga Barang
Sumber: Jabatan Perangkaan

Kesan daripada peningkatan harga barang, ia bukan sahaja dialami di peringkat individu malah ekonomi negara juga turut menerima tempiasnya. Berikut adalah kesan secara tidak langsung akibat peningkatan harga barang yang tinggi seperti:

1. Mengurangkan simpanan individu.
2. Meningkatkan hutang individu.
3. Memburukkan taraf hidup penduduk.
4. Beban kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.
5. Meningkatkan kemiskinan.
6. Meningkatkan masalah sosial dan kadar jenayah.

Sebagai pengguna yang bijak, kita perlu memainkan peranan dalam usaha menangani isu kenaikan harga barang. Kita juga perlu merancang perbelanjaan dan berhati-hati dalam melakukan urusan jual beli. Turut disarankan agar berbelanja mengikut keperluan dan bukan mengikut kemampuan atau nafsu semata-mata. Kita perlu mengawal perbelanjaan agar tidak melebihi bajet yang ada manakala jika ada lebihan pendapatan boleh


disimpan untuk kegunaan masa hadapan atau di kala kecemasan.

Kerajaan dan pembuat dasar perlu merangka program strategik untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah mengatasi masalah kemiskinan sekaligus meningkatkan taraf hidup rakyat. Peningkatan tingkat pendapatan dalam kalangan orang miskin, membantu mereka mendapatkan keperluan asas dan mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Isu kenaikan harga barangan ini tidak akan pernah berakhir. Ianya akan tetap dibahaskan tidak kira sama ada di peringkat parlimen mahupun dalam kalangan rakyat Malaysia, di kedai kopi, di dalam media sosial dan sebagainya. Kerjasama semua pihak tidak kira daripada kalangan pemimpin, pihak berkuasa dan rakyat perlu digembleng bagi mengawal kenaikan harga barang keperluan seharian. Sekiranya tiada pengawalan harga yang dilakukan, nescaya negara akan mengalami kadar inflasi yang lebih tinggi dan membebankan rakyat Malaysia pada masa akan datang.

Rujukan
Buheji M., da Costa Cunha K., Beka G., Mavric B., Leandro do Carmo de Souza Y., Souza da Costa Silva S.,

ˆ Hanafi M., Chetia Yein T. (2020) The extent of COVID-19 pandemic socio-economic impact on global poverty. a global integrative multidisciplinary review. American Journal of Economics 2020(4):213–224. <http://journal.sapub.org/economics>
Sinar Harian (2022), 1 juta isi rumah M40 berpotensi jatuh ke B40 <https://www.sinarharian.com.my/article/145383/BERITA/Nasional/1-juta-isi-rumah-M40-berpotensi-jatuh-ke-B40>
World Bank (2020) East Asia and Pacific in the Time of Covid-19. World Bank East Asia and Pacific Economic Update, (April):234. <https://doi.org/10.1596/978-1-4648-1565-2>. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/33477>



EMPLOYEES ASSIMILATION AND SOCIALIZATION TACTICS IN ORGANIZATION – AN OVERVIEW

Kardina Kamaruddin¹, Noor Malinjasari Ali², Nurul Nadzirah Azizan¹ Hasmida Mohd Noor²,
Rahayu Izwani Borhanuddin³, Hasmi Mokhlas⁴

¹Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

²Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

³Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Malaysia

⁴Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia

Corresponding email: noorm726@uitm.edu.my

Employees' assimilation or also widely mentioned in literature as organizational assimilation, is a dynamic process that occurs between newcomers and members of an organization that includes the organization's attempt to orient and train newcomers, along with the recruits' effort to negotiate their roles in the organization (Gailliard, Myers & Seibold, 2010). Organizations usually design the cut-off for newcomer-member transition

(assimilation) period between three to six months after recruitment of the newcomer. However, Bauer (2010) mentioned that "a study of the onboarding process at Texas Instruments found that employees who went through an improved onboarding program were fully productive two months faster than employees in a traditional program" (Bauer, 2010). Gailliard, et al, (2010) noted that the term organizational socialization and organizational assimilation

can be considered as equivalent. The term organizational socialization has also been widely used by researchers who studied on employees' onboarding to explain the matter (Saks & Gruman, 2014; Bauer, 2010). In this study, the term employees' assimilation is applied in reference to those terms. Nonetheless, Bauer (2010) mentioned that "no matter what the terminology, the bottom line is that the faster new hires feel welcome and prepared for their jobs,

the faster they will be able to successfully contribute to the firm's mission". On that account, in this particular study, the term assimilation, socialization and onboarding will be treated similarly.

Past researches on employees' assimilation are found to be limited. Many organizational socialization research have made Van Maanen & Schein (1979) as main reference to begin their socialization theory. Therefore it can be said that Van Maanen & Schein (1979) is the pioneer study in the area of organizational assimilation. Van Maanen & Schein (1979) mentioned that "at heart, organizational socialization is a jejune phase used by social scientist to refer to the process by which one is taught and learns 'the rope' of a particular organizational role". Van Maanen & Schein (1979) then added "In its most general sense, organizational socialization is the process by which individuals acquires knowledge and skills necessary to assume organizational role". As studies on socialization continues over the years, patterns shows that organizational assimilation requires in becoming a contributing member, which acts as a result of interactions among members (Gailliard et al., 2010). Taormina (1997) explains organizational socialization as the process by which a person obtains related job skills, acquires supportive social interactions with members

of the organization, attains a functional level of organizational understanding, and generally accepts the established ways of an organization. However, the definition of this term has been mention in so many ways in the previous studies. Saks and Gruman (2014) depicts organizational socialization as "a learning process in which newcomers are expected to acquire new knowledge and skills and be motivated to behave in accordance with an organization's goals and objectives". Meanwhile, Scott and Myers (2010) described organizational assimilation as a negotiation of membership, the multiple processes enabled and constrained by members' appropriation of rules and resources that position and reposition them along multiple dimensions within organizational, social, and work systems. Other than that, Myers and Oetzel (2003) mentioned that "organizational assimilation describes the interactive mutual acceptance of newcomers into organizational settings".

Furthermore, Gailliard et al. (2010) states that organizational assimilation is a dynamic process that occurs between newcomers and members of an organization that includes the organization's attempt to orient and train newcomers, along with the recruits' effort to negotiate their roles in the organization. Even though past researchers

gave various definitions individually, from the literature reviews made, most of them in this area believe that organizational socialization is a long term process which impacts the attitudes and behavior (Saks & Gruman, 2014) of employees. This means that there is room for continuous improvement of organizational socialization. In addition, this aligned with the statement made by Taormina (2004) which states that organization socialization is measurable not only to rate newcomers, but also to evaluate the socialization of members at any given period during their employment in an organization. "In a 'process,' several types of activities can be continuously on-going for long periods of time, different types of activities can be concurrent and activities which were prevalent at an earlier time can be diminished and then increased at a subsequent time " (Taormina, 1997). The early researchers of organizational socialization viewed the matter to as a multistage process consisting of three distinct stages by which newcomer begin transitioning from being an outsider to a fully functioning insider of an organization (Van Maanen & Schein, 1979). Those stages of organizational socialization are: (1) pre-encounter stage or also known as "anticipatory" phase that occurs upon organizational entry when expectations are usually formed; (2) encounter stage

or "accommodation" phase when a newcomer enters, to observe and experience what the organization really is and reality and expectations are tested; and (3) lastly, the "adaptation" phase which newcomer settles in, adjust and a long-lasting change takes place (Ardts et al., 2001; Feldman, 1976). A general agreement among past researchers and also evidence that shows pre-encounter and encounter phases are essential in determining newcomer assimilation and learning, creating the long lasting employee-employer relationship, as newcomers adjust to their new surroundings (Kammeyer-Mueller & Wanberg, 2003).

The transition phase upon to and soon after the entry into an organization or "outsider-to-insider" interval which happens during pre-encounter and encounter phase are crucial in organizational assimilation as newcomer adaptability is difficult and most intense during this period (Van Maanen & Schein, 1979). Moreover, newcomer socialization occurs before organizational entry and soon after organizational entrance (Kammeyer-Mueller & Wanberg, 2003). The adjustment and learning that occurs during these two early phases have a long lasting impact on the relationship between the newcomer and the organization and also the organization's retention rate (Chao et al., 1994). Pre-encounter phase allows newcomer to get

initial contact with members of the organization and receiving various informal and formal information from a variety of independent sources about their new job, the organization, and work groups that can influence their later adjustment (Kammeyer-Mueller & Wanberg, 2003).

Next, upon entrance into the organization (encounter phase), newcomers are exposed to different sources and new types of information and they had to face the reality of what their actual new environment is really like and at the same time additional loads are placed on them as they are expected to get up to speed as fast as possible (Kammeyer-Mueller & Wanberg, 2003). Newcomers also experience high level of uncertainty, surprise and reality shock and will try to cope to reduce such uncertainty by making sense of their new work surroundings and understanding where they fit in it (Simosi, 2010). Normally, in confronting and assimilating into the organization, newcomers ask themselves the key question "how do I fit in here?" (Kammeyer-Mueller & Wanberg, 2003). The encounter phase is marked as crucial because most socialization theorist such as Morrison (1993) had found that the attitudes and behaviors portrayed by newcomers during this early period correlated with attitudes and behaviors for many months later and have significantly influence

their adjustment during the assimilation process.

After the encounter phase come the adaptation phase. This takes place when most learning has been done and substantial notable progress in transitioning newcomers from being an outsider to becoming a fully functioning member of the organization (Feldman, 1976). This phase depicts that newcomers had clarified their roles, becoming familiarized with their new tasks, learnt "the way things are done" within the organization and have integrated into their work group (Feldman, 1976). The success of newcomers adaptation can be identified by the degree which they have mastered socialization content and it can be assessed against measures that are related to the organization, the job and their work group (Chao et al., 1994). The dimension or measure of organizational assimilation applied in this study is based on models of past research. Based on studies that have been gathered, the dimension used in configuring the employees' assimilation or organizational assimilation (dependent variable) for this study is adopted from the model made by Gailliard et al. (2010) which is a research done to revalidate the Organizational Assimilation Index (OAI) created by Myers and Oetzel (2003). Both studies had similar purpose which is to investigate the ways assimilation happens and to provide proper measures of the

organizational assimilation. Through a qualitative study, Myers and Oetzel (2003) revealed six dimensions in defining the dimensions of organizational assimilation, which are familiarity with others, acculturation, recognition, involvement, job competency and role negotiation.

The complete definition of all the six dimension formulated by Myers and Oetzel (2003) can be found in both the original study and also in the revised study made by Gailliard et al. (2010). Familiarity with others includes making friends, getting to know coworkers, fondness, and feeling and communicating general friendliness (Gailliard et al., 2010). Myers and Oetzel (2003) define acculturation can defined as learning and accepting the culture. Recognition means being recognized as valuable and feeling one's work is important to the organization (Gailliard et al., 2010). According to the participants of Myers and Oetzel's (2003) study, being recognized as worthy by superiors or other members of the organization, and feeling that their work is valuable to the organization made them feel accepted into the organization. Gailliard et al. (2010) mentioned that involvement as "evidenced in seeking ways to contribute to the organization, such as taking on added responsibility for the sake of the organization". Myers and Oetzel (2003) illustrates that "when members are involved

with the organization, they seek ways to contribute to the organization, often by volunteering to perform extra work or take on added responsibility for the sake of the organization and its members". Next, job competency implicates understanding how to do one's job and performing it well (Gailliard et al. 2010). Lastly, compromising between one's own expectations and those of the organization is the meaning of role negotiation (Gailliard et al. 2010).

A more recent study conducted by Gailliard et al. (2010) provides an updated and more accurate version of such research. Gailliard et al. (2010) had further improved the theory created by Myers and Oetzel (2003) by deleting some of the items out of the questionnaire constructed by Myers and Oetzel and had also added the seventh dimension organizational assimilation into the measurement. Therefore, the seven dimension suggested by Gailliard et al. (2010) are Familiarity with Coworkers (new), Familiarity with Supervisors (formerly Familiarity with Others), Acculturation, Recognition, Involvement, Job Competency, and Role Negotiation. Gailliard et al. (2010) mentioned that Myers and Oetzel (2003) has provided the most complete investigation in the communication discipline of the multidimensional perspective and members' assimilation but it could

be improved by clarifying the processes within these dimensions. For example, the familiarity dimension explained by Myers and Oetzel (2003) mainly give attention to a member's interactions with supervisors, while ignoring the process of becoming familiar with coworkers and other colleagues (Gailliard et al., 2010). Furthermore, Gailliard et al. (2010) added "the measure assesses the positive aspects of assimilation without much attention to negative experiences that would be telling of one's ability to integrate into an organization".

The term socialization tactics, on the other hand, were found to be popularly defined by its dimensions. Batistic (2018) found that organization invest in relationship with individual through group incentives and cross functional teams as socialization tactics to improve the organizational overall performance. This study proposed two socialization tactics as Bauer et al. (2007) specified that there are two key socialization factors in their meta-analytic model which is known as organizational tactics and newcomer proactivity (Saks et al., 2007; Simosi, 2010; Fang et al., 2011; Perrot et al., 2014; Benzinger, 2016). These researchers approach is based on Jones (1986) which has categorized the six dimension model created Van Maanen and Schein (1979) into two

summarized theory known as individualized and institutionalized approaches.

Van Maanen and Schein (1979) is the pioneer and most widely known approach in understanding organizational socialization. The model developed by them shows that there are variety of tactics used by organizations in socializing newcomers that are classified into six dimension. Van Maanen and Schein suggested that organizational socialization process is a combination of both formalized socialization activities and informal behaviors of organizational members. Their theory proposed a taxonomy consisting of six bipolar tactics which organizations use for socializing newcomers. Nonetheless, even one the most recent socialization study found today like Benzinger (2016) had also mentioned Van Maanen and Schein's (1979) six socialization tactics which are: formal versus informal (implementation of specified socialization programs or socializing exclusively 'on the job'); collective versus individual (socializing newcomers in groups or individually); sequential versus random (whether or not newcomers are informed precisely about the arrangement of the planned socialization); fixed versus variable (whether or not new hires are told exactly about a fixed timetable for the completion of various socialization stages); serial versus disjunctive

(whether or not newcomers have access to previous job incumbents as role models); investiture versus divestiture (whether or not the organization confirms the entering identity of the recruit). However, these factors developed by Van Maanen and Schein (1979) are viewed as broad characteristics of the actual approaches and actions taken by organizations to aid new hires assimilation (Ardts et al., 2001; Bauer et al., 2007).

Jones (1986) build on Van Maanen (1979) theoetical model of organizational socialization and designed a scales for every one of the six tactics and developed the first empirical study on the relationship between socialization tactics and newcomers' adjustment. Based on the results, Jones (1986) classifies the six socialization tactics into two: institutionalized (formal, fixed, collective, investiture, sequential and serial) and/or individualized tactics (informal, variable, individual, divestiture, random, and disjunctive). Jones (1986) also mentioned that institutionalized tactics can reduce newcomers' uncertainty during the early entry into an organization and he also mentioned that organization can reinforce and keep organizational status quo. However, institutionalized tactics forces newcomers to become a passive member in the organizational socialization process

(Benzinger, 2016).

Institutionalized socialization approach, also known as organizational socialization tactics in certain studies refers to the structured and formal socialization procedure used by organizations where as individualized socialization approaches or individual's proactive effort refers to the newcomers' responsibility of their own socialization as they undergo unstructured and informal socialization experiences (Jones, 1986). Meanwhile, individualized tactics, which are informal, individual, random, variable, disjunctive, and divestiture tactics (Jones, 1986), represents a more 'laissez-faire' acculturation of newcomers, initiate role innovation, but at the same time can correlate with a more deficient initial work behaviors and attitudes (Bauer et al., 2007; Saks and Gruman, 2011; Saks et al., 2007). Van Maanen & Schein (1979) proposed that as newcomers attempt to lessen stress and uncertainty, they have the tendency to conform with the organization's expectations instead of to "rock the boat". Many studies showed that institutional approaches are positively associated to role clarity (Bauer et al., 2007; Saks et al., 2007). Furthermore, several Meta-analyses conducted by researchers showed that organization socialization tactics are prone to result in better role clarity and increases positive job attitudes (Bauer,

Bodner, Erdogan, Truxillo, & Tucker, 2007; Saks et al., 2007), while intentions regarding the treatment of newcomers holding different work contracts is more apparent (Benzinger, 2016). This type of socialization tactics involves a specific time period, scheduled learning events, and cohort approaches which results in greater learning ability and role clarity, hence reduces the newcomers uncertainty (Perrot et al. 2014). At the same time, it has been thought that institutionalized approaches discourages innovative role orientation as newcomers need follow the custodial role orientation where they fulfill only the tasks explicitly given to them by the organization (Saks et al., 2007; Perrot et al., 2014).

During the existence of a structured and standardized set of experience, newcomers learn faster and the organization expect a predictable, routined set of actions and responses from the new hires (Saks et al., 2007). Therefore, institutionalized approaches leads to a passive orientation on behalf of the newcomers, which is also mentioned as a custodial orientation in the literature, while individualized approaches are corresponding with a attempt of new hires to adopt a more change-oriented technique to their role (Ashforth & Saks, 1996). When new hires engage in role innovation, they tend to modify their roles in the effort to fit organizational realities (Perrot et al. 2014).

"Exploring factors within the control of the organization helps identify ways in which organizations can create environments that maximize the possibility of successful newcomer adjustment" (Perrot et al., 2014).

It could be concluded that employees' assimilation is indeed a very interesting topic to study. There are various factors influencing employees' assimilation, but this study only focusses on socialization tactics as it covers both the individuals and institution tactics. It is hope that this study could contribute to the body of knowledge by giving a clear understanding of the theories between employees' assimilation and socialization tactics. In addition, this study can indirectly help the employers towards having a vast understanding of employees' assimilation in accordance to different type of organizational settings.

References

Ardts, J., Jansen, P., & van der Velde, M. (2001). The breaking in of new employees: Effectiveness of socialisation tactics and personnel instruments. *Journal of Management Development*, 20(2), 159-167.
 Ashforth, B. K., & Saks, A. M. (1996). Socialization tactics: Longitudinal effects on newcomer adjustment. *Academy of management Journal*, 39(1), 149-178.
 Bauer, T. N. (2010). Onboarding new

employees: Maximizing success. SHRM Foundation's Effective Practice Guideline Series.

Bauer, T. N., Bodner, T., Erdogan, B., Truxillo, D. M., & Tucker, J. S. (2007). Newcomer adjustment during organizational socialization: a meta-analytic review of antecedents, outcomes, and methods. *Journal of applied psychology*, 92(3), 707.

Bauer, T. N., & Erdogan, B. (2011). Organizational socialization: The effective onboarding of new employees.

Batistic S. (2018), Looking beyond - socialization tactics: The role of human resource systems in the socialization process. *Human Resource Management Review*, 28, 220-233.

Benzinger, D. (2016). Organizational socialization tactics and newcomer information seeking in the contingent workforce. *Personnel Review*, 45(4), 743-763.

Chao, G. T., O'Leary-Kelly, A. M., Wolf, S., Klein, H. J., & Gardner, P. D. (1994). Organizational socialization: Its content and consequences. *Journal of Applied psychology*, 79(5), 730.

Fang, R., Duffy, M. K., & Shaw, J. D. (2011). The organizational socialization process: Review and development of a social capital model. *Journal of Management*, 37(1), 127-152.

Feldman, D. C. (1976). A contingency theory of socialization. *Administrative science quarterly*, 433-

452.
Gailliard, B. M., Myers, K. K., & Seibold, D. R. (2010). Organizational assimilation: A multidimensional reconceptualization and measure. *Management Communication Quarterly*.
Myers, K. K., & Oetzel, J. G. (2003). Exploring the dimensions of organizational assimilation: Creating and validating a measure. *Communication Quarterly*, 51(4), 438-457.
Perrot, S., Bauer, T. N., Abonneau, D., Campoy, E., Erdogan, B., & Liden, R. C. (2014). Organizational Socialization Tactics and Newcomer Adjustment: The Moderating Role of Perceived Organizational Support. *Group & Organization Management*, 1059601114535469.
Saks, A., & A. Gruman, J. (2014). Making organizations more effective through organizational socialization. *Journal of Organizational Effectiveness: People and Performance*, 1(3), 261-280.
Saks, A. M., Uggerslev, K. L., & Fassina, N. E. (2007). Socialization tactics and newcomer adjustment: A meta-analytic review and test of a model. *Journal of Vocational Behavior*, 70(3), 413-446.
Simosi, M. (2010). The role of social socialization tactics in the relationship between socialization content and newcomers' affective commitment. *Journal of Managerial Psychology*, 25(3), 301-327.
Taormina, R. J. (1997). Organizational socialization: A multidomain, continuous process model. *International Journal of Selection and Assessment*, 5(1), 29-47.
Taormina, R. J. (2004). Convergent validation of two measures of organizational socialization. *The International Journal of Human Resource Management*, 15(1), 76-94.
Jones, G. R. (1986). Socialization tactics, self-efficacy, and newcomers' adjustments to organizations. *Academy of Management journal*, 29(2), 262-279.
Kammeyer-Mueller, J. D., & Wanberg, C. R. (2003). Unwrapping the organizational entry process: disentangling multiple antecedents and their pathways to adjustment. *Journal of Applied Psychology*, 88(5), 779.
Van Maanen, J., & Schein, E. H. (1979). Toward a theory of organizational socialization. *Research in Organizational Behavior*, 1, 209-264.

APLIKASI NISBAH PE DALAM PENILAIAN SYARIKAT

A'tiqah Rashidah Abu Samah, Roseziahazni Abdul Ghani, Nur Aqilah Mohamad Nasruddin & Zuraida Mohamad

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: atiqah@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Salah satu nisbah pasaran kewangan yang dirujuk oleh para pelabur dalam pelaburan saham yang didagangkan di pasaran saham seluruh dunia ialah nisbah PE. Nisbah PE merupakan nisbah pasaran kewangan yang kerap dirujuk oleh para pelabur individu dan institusi untuk menilai harga saham, semasa membuat keputusan jual beli.

Para pelabur dapat mengenalpasti sama ada saham-saham yang sedang didagangkan itu berada pada harga yang terlebih atau terkurang nilai daripada harga sepatutnya. Kebiasaannya apa yang dilakukan oleh para pelabur ialah membandingkan nisbah PE saham-saham

dalam industri yang sama. Perbandingan pada asas yang sama ini membolehkan para pelabur memilih saham yang menguntungkan untuk portfolio pelaburan mereka.

Untuk mengira nisbah PE tidaklah sukar. P merujuk kepada harga saham (Price) di pasaran. E pula merujuk kepada pendapatan sesaham (EPS). Nisbah PE dikira dengan membahagikan harga saham dengan pendapatan sesaham. Satu kaedah lagi dengan membahagikan Permodalan Pasaran (Market Capitalization) dengan pendapatan bersih (Net Income) syarikat. Nisbah PE ini adalah nilai relatif antara harga dan pendapatan sesaham.

Nisbah PE sesuatu saham ini

kemudiannya dibandingkan dengan PE saham-saham lain dalam industri yang sama atau dibandingkan dengan nisbah PE tempoh terdahulu saham-saham terbabit. Perbandingan ini akan menjadi panduan untuk menyatakan sama ada nisbah PE ini rendah atau tinggi. Contohnya membandingkan nisbah PE saham-saham dari industri minyak dan gas seperti PCHEM, PETGAS, DIALOG, HIBISCUS, HENGYUAN, PETRONM dan sebagainya. Melalui perbandingan ini para pelabur dapat mengenalpasti syarikat mana yang menguntungkan dan mengetuai pasaran dalam industri tersebut dan sebaliknya.

Nisbah PE memberitahu sama ada saham yang

sedang dinilai murah atau mahal. Contohnya nisbah PE bagi Saham ABC adalah 8x, ini bermaksud harga saham ABC adalah 8 kali ganda daripada pendapatannya. Jika diaplikasi dalam pasaran bermaksud jika pelabur membeli saham ABC pada harga RM8 maka ia mendapat pulangan RM1.

Jika saham yang sedang dinilai mempunyai nisbah PE yang rendah sebagai saham di bawah nilai atau murah. Bagaimanapun nilai PE yang rendah ini tidak semestinya menjadi pilihan yang disukai oleh para pelabur. Ada beberapa pertimbangan yang perlu dilakukan untuk memilih pelaburan saham bernilai PE rendah. Selain mengandaikan saham tersebut murah, nilai PE rendah mungkin memberi petunjuk bahawa syarikat ini mempunyai pertumbuhan (growth) yang rendah. Ini memberi petunjuk yang kurang memberansangkan. Walau bagaimanapun, jika nisbah PE yang rendah, akan tetapi wujud pelaburan atau projek baharu yang berpotensi memberikan pulangan pendapatan yang baik pada masa hadapan, maka saham tersebut akan menarik perhatian para pelabur. Prospek baru boleh diambilkira untuk mengunjurkan PE terkini pada masa hadapan untuk mendapatkan harga wajar yang sepatutnya.

Nisbah PE yang tinggi

pula memberi petunjuk bahawa saham berkaitan didagangkan pada harga yang tinggi berbanding pendapatan yang dihasilkan iaitu mahal. Keadaan ini boleh terjadi bila saham tersebut sedang berada pada tahap pertumbuhan yang tinggi. Pada tahap ini, saham-saham tersebut diramal akan memperoleh pendapatan atau keuntungan bersih yang tinggi. Para pelabur berminat melabur dalam saham-saham ini walaupun nilai nisbah PE tinggi kerana mereka yakin saham-saham sebegini berpotensi untuk terus maju dan memberikan pulangan yang lumayan pada masa hadapan.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya jangkaan ini salah dan keputusan kewangan menunjukkan pendapatan di bawah jangkaan, terdapat kemungkinan bahawa harga saham akan jatuh semula mengikut sentimen pasaran. Pelabur akan menilai semula sentimen positif mereka kepada pandangan yang lebih realistik.

Nilai nisbah PE berubah mengikut harga semasa saham dan EPS. Semua elemen ini akan berubah mengikut keputusan kewangan syarikat sama ada secara setiap suku tahunan atau tahunan. Jika pendapatan bersih merosot atau rugi, harga sesaham akan jatuh dan menyebabkan syarikat

menjadi kurang menarik. Sebaliknya, jika pendapatan bersih meningkat, para pelabur akan menunjukkan minat serta membeli saham tersebut di pasaran menyebabkan harga sesaham pasaran akan naik.

Kesimpulannya, para pelabur lazimnya menggunakan nisbah PE untuk menganalisa dan mengenalpasti saham-saham yang berpotensi. Semakin tinggi nisbah PE, maka semakin tinggi nilai saham tersebut. Ramai pelabur lebih berminat kepada nisbah PE yang lebih rendah, yang mungkin bermakna saham itu dinilai rendah atau murah dan berpotensi memberi pulangan yang lebih tinggi pada masa hadapan untuk setiap ringgit yang dilaburkan dalam syarikat.

Rujukan

Jakpar, S., Tinggi, M., Tak, A. H., & Chong, W. Y. (2018). Fundamental analysis vs technical analysis: The comparison of two analysis in Malaysia stock market. *UNIMAS Review of Accounting and Finance*, 2(1). <https://doi.org/10.33736/uraf.1208.2018>

Fernando, J. (2022). P/E Ratio - Price-to-Earnings Ratio Formula, Meaning, and Examples. *Investopedia*. <https://www.investopedia.com/terms/p/price-earningsratio.asp>



DI AMBANG KRISIS EKONOMI

Apakah Persiapan Kita?

Nur Azwani Mohamad Azmin dan Noorazlina Ahmad
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan
Terengganu

Ekonomi Malaysia dijangka akan mengalami pertumbuhan yang perlahan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022, kata Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz di sidang media pada 21 September 2022. Ini berikutan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan, harga makanan dan komoditi yang meningkat, serta ekonomi besar Amerika Syarikat dan China yang perlahan. Mata wang negara yang fleksibel juga semakin menurun dari hari ke hari yang menyebabkan kenaikan inflasi yang tinggi sejak krisis 1998.

Tahun 2022 semakin ke penghujungnya, dan 2023 akan menjelang dalam beberapa bulan sahaja lagi. Persoalannya, adakah kita sudah bersedia untuk menghadapi krisis yang dijangka bakal berlaku tidak lama lagi? Apakah persiapan kita dalam mendepani krisis ini?

Sebagai individu, terdapat beberapa langkah yang mungkin dapat

membantu mengurangkan kesan ekonomi individu. Antara 6 langkah yang boleh diambil seperti:

Amalkan sikap berjimat-cermat

Setiap individu perlu berjimat cermat dalam berbelanja. Masyarakat digalakkan berbelanja barang-barang keperluan sahaja dan elakkan berbelanja barang-barang mewah.

Elakkan penambahan hutang peribadi yang baharu

Pembelian barang-barang berkomitmen besar seperti kereta, rumah dan tanah perlu dielakkan buat masa sekarang memandangkan kadar dasar semalaman yang baru dinaikkan oleh Bank Pusat.

Rancang perbelanjaan

Individu perlu merancang perbelanjaan keluarga supaya tidak berbelanja mengikut kehendak dan melampaui keupayaan kewangan sendiri.

Tukar jenama barang keperluan keluarga

Individu perlu sentiasa waspada dengan harga barang keperluan keluarga dari semasa ke semasa. Sekiranya didapati barang naik harga secara drastik, bolehlah bertindak dengan menukar jenama berkenaan kepada jenama lain yang lebih ekonomi.

Manfaatkan tanah yang ada

Digalakkan agar mengamalkan budaya bercucuk tanam sekiranya ada peluang tanah di kawasan rumah supaya dapat menampung belanja sayur.



Adakan simpanan untuk tujuan kecemasan

Simpanan tunai bagi membantu kewangan keluarga tatkala kecemasan adalah sangat penting. Setiap keluarga perlu mempunyai tabungan supaya dapat digunakan jika dilanda musibah atau kecemasan.

Malaysia says 2023 economic growth to be lower than 2022

<https://www.channelnewsasia.com/business/malaysia-says-2023-economic-growth-be-lower-2022-2954186>

Abbreviations in BUSINESS ENGLISH

- EU – European Union
- exec(s) – executive(s)
- expo – exposition
- F/T – full time
- FAO – for the attention of
- FAQ – frequently asked question(s)
- FCA – Financial Conduct Authority
- fig. – figure, as in “figure 1”
- fin tech – financial technology
- forex/ FX – foreign exchange
- FSA – Financial Services Authority
- FT – Financial Times
- FTA – free trade agreement
- FTSE – Financial Times Stock Exchange (index)
- FY – financial year (as in FY2018)
- fwd/ FWD – forward/ forwarded (meaning “send on/ sent on”)
- FYI – (just) for your information
- GBP – (Great British) pounds
- GDP – gross domestic product
- GM – general manager/ General Motors
- GMT – Greenwich Mean Time
- GNP – gross national product
- GST – goods and services tax
- HM Treasury – Her Majesty’s Treasury/ His Majesty’s Treasury (the finance ministry of the UK)
- HMRC – Her Majesty’s Revenue and Customs/ His Majesty’s Revenue and Customs
- HP – hire purchase
- HQ – headquarters (= head office) (not “headquarter” X)
- HR (department) – human resources (department) (= personnel department) (not “human resource” X)
- Inc./ inc. – Incorporated/ including...
- info – information



Oleh:

1Nurul Syuhada Baharuddin, 1Roseziahazni

Abdul Ghani, 2Nor Haryanti Md Nor,

2Nadia Farleena Mohd Aznan & 2Yusrina

Hayati Nik Muhammad Naziman,

1Universiti Teknologi MARA Cawangan

Terengganu, Malaysia.

2Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.

Corresponding Email: nurul574@uitm.edu.my

'Microfinance' juga lebih dikenali sebagai pembiayaan atau spektrum perkhidmatan kewangan termasuklah pinjaman, insurans, simpanan dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan yang disediakan kepada golongan berpendapatan rendah.

The background of the entire page is a collage of US dollar bills, primarily \$100 bills, which are slightly out of focus. Overlaid on this background are several white rectangular blocks, each secured with a yellow rubber band. These blocks are arranged in a way that suggests they are part of a financial or accounting record. The title 'KREDIT MIKRO DI MALAYSIA' is printed in large, bold, white capital letters across the center of the page, partially obscuring the dollar bills and the white blocks.

KREDIT MIKRO DI MALAYSIA

eISSN 2600-9811

66

Sebaliknya, 'Microcredit' merujuk kepada kredit mikro yang ditawarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan di bawah garis kemiskinan. Mereka biasanya terdiri daripada mereka yang di luar kemampuan menyediakan cagaran, pekerjaan yang kurang stabil malah tiada rekod atau sejarah kredit yang baik. Mereka juga tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan bank yang asas dan tidak layak memohon atau mendapatkan pembiayaan perbankan secara tradisional. Pinjaman yang disediakan bercirikan kadar faedah yang rendah, untuk membantu usahawan kecil memulakan perniagaan mereka sendiri atau bekerja sendiri.

Konsep kredit mikro telah diperkenalkan di Bank Grameen, Bangladesh pada tahun 1983. Kredit mikro adalah kemudahan pinjaman yang ditawarkan kepada golongan miskin manakala 'microfinance' adalah pelbagai perkhidmatan kewangan termasuklah kredit mikro. Justeru itu, kredit mikro boleh diklasifikasikan sebagai salah satu komponen pembiayaan mikro atau 'microfinance'. Kredit mikro hanya tertumpu kepada aktiviti kredit, tetapi pembiayaan mikro adalah termasuk kredit dan aktiviti bukan kredit seperti simpanan,

pencen, insurans, dan lain-lain.

Sepanjang kredit mikro diperkenalkan di Malaysia, banyak impak dan kesan positif diterima oleh masyarakat kita. Ia bukan sahaja membantu meningkatkan tahap pendapatan orang miskin tetapi juga meningkatkan taraf hidup mereka. Mereka tidak lagi bergantung harap kepada pinjaman bank yang mengenakan faedah yang tinggi malah harta benda mereka seperti rumah dan tanah tidak diperlukan sebagai cagaran, bahkan mereka tidak memerlukan penjamin untuk menyokong permohonan pinjaman. Syarat permohonan yang lebih longgar dan kelulusan yang lebih mudah telah membolehkan mereka yang menggunakan perkhidmatan kredit mikro lebih tenang menjalani kehidupan seharian untuk menyara keluarga tercinta.

Di Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah mempelopori konsep kredit mikro yang diadaptasi dari skim yang ditawarkan oleh Bank Grameen di Bangladesh pada tahun 1988 yang mensasarkan golongan miskin bagi membantu mereka untuk menubuhkan perusahaan mikro. Diikuti pula oleh Yayasan Usaha Maju (YUM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) pada tahun 1988

dan 1998.

Mikro kredit dan pembiayaan mikro dilihat sebagai faktor penting dalam pembangunan negara dalam usaha meningkatkan status ekonomi negara dan taraf hidup rakyat agar mampu keluar dari kepompong kemiskinan.

Sekitar Mac 2022, Program Pembiayaan Mikro bernilai RM48.52 juta telah dibuka kepada usahawan informal dan mikro untuk membuat pinjaman sehingga RM50,000 tanpa mengambil kira rekod pinjaman peribadi dalam CTOS dan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS). Skim pinjaman khusus ini telah ditawarkan oleh kerajaan sebagai tanda prihatin dengan kesulitan dan nasib rakyat ekoran Covid-19 yang menyukarkan mereka menjalankan perniagaan akibat perintah kawalan pergerakan (PKP) dan musibah banjir yang baru berlaku ketika itu. Melalui skim tersebut, usahawan informal yang terjejas boleh memohon pinjaman sehingga maksimum RM10,000 manakala usahawan mikro sehingga RM50,000 tanpa faedah.

Mereka juga diberikan moratorium selama 12 bulan serta tempoh bayaran balik sehingga lima tahun. Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Parlimen (MPUKP) juga telah dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk mengadakan pelbagai program keusahawanan bagi meningkatkan peluang perniagaan. Ia seiring dengan dapatan kajian oleh Suraya Hanim (2011) yang menyatakan bahawa dalam industri kredit mikro Malaysia, ramai peminjam yang tidak celik kewangan dan kurang pengetahuan dalam pengurusan perniagaan. Ia disokong lagi dengan dapatan kajian oleh Suraya Hanim & Zariyawati (2015) yang menyarankan agar peminjam mikro perlu diberi pengetahuan berkaitan kemahiran keusahawanan dan kemahiran teknikal yang berterusan bagi memastikan kejayaan mereka mengusahakan perniagaan.

Kerajaan telah memainkan peranan dengan baik dan telah memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi dari segi bantuan kewangan untuk memacu perniagaan mikro. Namun, peminjam mesti dilengkapi dengan pengetahuan asas keusahawanan sebelum pinjaman mikrokredit diberikan kepada mereka untuk menjadikannya lebih berkesan dalam mengurangkan kemiskinan dan lebih mampan di masa hadapan.

Rujukan:

1. Perbezaan Antara


Pembiayaan Mikro dan Kredit Mikro. <https://ms.weblogographic.com/difference-between-microfinance-and-microcredit-48200>

2. Salehudin Mat Rasad, 22 Mac 2022. RM48.52 juta program pembiayaan mikro untuk peniaga kecil dan sederhana. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/rm48-52-juta-program-pembiayaan-mikro-untuk-peniaga-kecil-dan-sederhana/>

3. Suraya Hanim, M. & Zariyawati, M.A. (2015). Issues and Challenges Microcredit in Malaysia. Asian Social Science. Vol. 11, No. 26, muka surat 191-195. https://www.researchgate.net/publication/283880059_Issues_and_Challenges_of_Microcredit_Programmes_in_Malaysia?

4. Suraya Hanim, M. (2011). Microfinance Performance in Malaysia (Unpublished Doctoral Dissertation). Lincoln University. Christchurch. New Zealand. https://www.researchgate.net/publication/277158433_Microfinance_performance_in_Malaysia

5. Team Loanstreet. Pembiayaan Mikro/ Mikro Kredit di Malaysia. 27 Julai 2021. <https://loanstreet.com.my/ms/pusat-pembelajaran/pembiayaan-mikro-mikro-kredit-di-malaysia>



JUAL SALAM

Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu

Mukaddimah

Pertama kali penulis mendengar ungkapan ini ketika masih belajar di sebuah sekolah menengah agama suatu masa dahulu. Baru sekarang terlintas untuk menulis dan membahas tajuk ini. Sebenarnya, Jual Salam merupakan salah satu urusanniaga dalam Islam (muamalat).

Definisi

Perkataan Salam itu makna asalnya adalah serah atau tanggung. Ini bermakna, menjual sesuatu barang yang disifatkan kepada tanggungan seseorang yakni jualan secara pesanan pada masa sekarang, atau sering disebut sebagai order.

Sandarannya sebelum ijmak firman Tuhan dalam al-Quran ertinya, "Wahai

orang-orang yang beriman, apabila berhutang antara kamu dengan hutang yang ditanggihkan pada suatu masa hendaklah kamu buat surat hutang", Al-Baqarah ayat 282.

Menurut Ibnu Abbas Radhiyallah Anhumma: "Ayat ini turun pada Jual Salam" (seolah-olah Jual Salam seperti memberi pinjaman wang kepada seseorang untuk dibayar dengan barang yang dikehendaki).

Rukun jualan secara pesanan ini ada lima perkara:

- Muslim (pemesan)
- Muslim ilaih (penerima pesanan)
- Muslim fih (barang yang dipesan)
- Ra'sulmal (modal atau harga)
- Sighah (ijab dan kabul)

Segala syarat pada jual beli disyaratkan juga pada Jual

Salam ini melainkan syarat melihat tidak disyaratkan padanya (Abdul Ghani Yahya 2011:26).

Dalam definisi lain berbahasa Arab (Bai' syai' mausuf fi' al-dhimmat bilafdi al-salam au salaf). (J/Kuasa Buku Teks Majlis 1977:22) ada disebut kalimat al-dhimmat, yang bererti kesetiaan, perasaan baik dan memegang janji (Sanusi 1976:50). Bila kita terjemahkan Jual Salam adalah sesuatu jualan yang diberi sifat dalam perjanjian dengan lafaz Salam atau Salaf.

Hukum Tempahan Awal (Pre-order)

Konsep tempahan awal (pre-order) yang sebenar ialah penjual membuka tawaran kepada pembeli untuk mendapatkan barangan. Biasanya, pembeli melakukan

Tempahan awal (pre-order) haram jika penjual menjual produk yang pada kebiasaannya susah untuk diserahkan kerana ada risiko tidak dapat diserahkan itu tinggi.

tempahan awal (pre-order) kerana beberapa sebab tersebut :

- Barangan tidak ada dengan penjual lain
- Barang belum ada di pasaran
- Tempahan awal (pre-order) ditawarkan lebih murah

Tempahan awal (pre-order) haram jika penjual menjual produk yang pada kebiasaannya susah untuk diserahkan kerana ada risiko tidak dapat diserahkan itu tinggi. Untuk menjalankan perniagaan berkonsepkan tempahan awal (pre-order) di platform atas talian seperti Lazada dan Shopee, ianya termasuk dalam bentuk jual beli salam (bayar dahulu barang dapat kemudian) dan juga kontrak ijarah (upah) yang disepakati fuqaha tentang keharusannya.

Tambahan pula, polisi pemulangan semula (return/refund) pada pelanggan dapat menghilangkan risiko barang tidak dapat diserahkan atau kemungkinan tidak sama spesifikasi yang selari dengan prinsip khiyar dalam Islam. Disarankan

juga, kepada peniaga yang ingin menjalankan perniagaan dengan konsep demikian, meminta kebenaran terlebih dahulu daripada pihak pembekal untuk menjadi wakil penjual bagi memastikan kemampuan barangan tersebut diserahkan kepada pembeli dan juga waktu serah terima tersebut (Mustafar Mohd Suki 2022:73).

Penutup

Jual Salam seperti pembelian secara atas talian, bayarannya hendaklah dilunaskan terlebih dahulu. Transaksi seperti ini dikenali dengan istilah E-dagang. Antara keburukan e-dagang dalam menjalankan aktiviti perniagaan ialah risiko jenayah siber menimpa pembeli adalah tinggi, usaha mendapatkan penggantian barang yang rosak, tidak memenuhi spesifikasi, mengambil masa yang lama dan pasaran bagi produk mungkin terhad kepada pembeli di kawasan bandar yang rata-rata menggunakan kemudahan internet (Azli Muhammad dan kawan-kawan 2022:124).

Rujukan

Abdul Ghani (Hj.) bin Haji Yahya (2011), Idaman Penuntut Pada Menghuraikan Yang Kusut, Cetakan ketujuh, Kuala Lumpur. Syarikat Bajrai.

Azly Muhammad & Kawan-kawan (2022), Nota & Latihan STPM Pengajian Perniagaan, Cetakan pertama, Petaling Jaya. Penerbit Ilmu Bakti Sdn. Bhd.

Jawatankuasa Buku-buku Teks (1977), Rantaian Fekah Islam Juzuk Keempat (Bahasa Arab), Cetakan ketiga, Kota Bharu. Majlis Agama Islam Kelantan.

Mohd. Sanusi (Hj.) bin Hj. Mahmood (1976), Kamus Istilah Islamiah, Cetakan pertama, Kota Bharu. Syarikat Dian Sdn. Bhd.

Mustafar Mohd Suki (2022), Empat Puluah Hadith Dosa Muamalat & Kewangan Islam, Cetakan pertama, Kuala Lumpur. Publishing House Sdn. Bhd.



Nak Jadi

ENTREPRENEUR?

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI USAHAWAN
MEMILIH BIDANG KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA.**

Nor Hamiza Binti Mohd Ghani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.
Emel: norha825@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Photo by Jeremy Beadle on Unsplash

71

Nak Jadi Entrepreneur?

eISSN 2600-9811

“Belajar elok-elok, nanti dapat masuk universiti. Bila sudah dapat kerja yang baik, boleh bayar hutang dan simpan duit banyak-banyak”.

Ini antara kata-kata nasihat yang sering didengari sejak kita kecil lagi. Kebanyakan ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka bekerja dalam sektor kerajaan atau makan gaji kerana terjamin dari segi kewangan dan lebih terbela dari segi kebajikan. Tambahan pula, pekerja dalam sektor kerajaan akan diberi pensen selepas tamat tempoh perkhidmatan atau memperolehi duit hasil caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Zaman sudah berubah dengan berlakunya revolusi industri yang mencipta banyak peluang pekerjaan secara besar-besaran. Ini menyebabkan ramai orang selesa bekerja ‘makan gaji’ kerana kebanyakan syarikat besar menyediakan pelbagai jaminan yang menjaga kebajikan pekerja malah mereka seronok berada dalam zon selesa. Namun, keadaan zon selesa ini sebenarnya membahayakan kerana ekonomi kita ke arah globalisasi dan cenderung kepada sistem kapitalisme. Banyak masalah ekonomi yang melanda dunia menyebabkan ramai orang

kehilangan pekerjaan seterusnya meningkatkan kadar pengangguran.

Kini, belajar di universiti bukan jaminan mendapat pekerjaan yang dikehendaki selepas tamat belajar. Ramai graduan yang masih menganggur dan sibuk mencari pekerjaan untuk meneruskan kehidupan dan membayar hutang. Oleh sebab itu, pelajar mestilah mencari alternatif untuk mendapatkan pekerjaan bukan hanya sekadar menunggu tawaran kerja kosong. Dengan menjadi usahawan sebenarnya seseorang itu mampu mencipta peluang pekerjaan sendiri dan tidak bergantung kepada kekosongan pekerjaan sedia ada. Kajian yang telah dijalankan oleh Nor Fadila Mohd Amin dan Dzufi Iszura Ispawi (2008) menyatakan terdapat tiga faktor yang mempengaruhi pelajar memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya iaitu disiplin, dorongan dan keinginan. Manakala kajian oleh Norfadilah Nasharudin dan Halimah Harun (2010) pula menyatakan faktor-faktor pelajar

memilih keusahawanan sebagai kerjaya adalah faktor berorientasikan keuntungan dan faktor keinginan untuk mencapai kecemerlangan hidup. Artikel ini membincangkan beberapa faktor yang mendorong usahawan memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

1. Disiplin

Salah satu faktor seseorang yang ingin menjadi usahawan haruslah mempunyai disiplin yang tinggi bagi memastikan matlamat perniagaan tercapai. Jika kita lihat sekeliling, kebanyakan usahawan yang berjaya mempunyai disiplin dalam rutin harian masing-masing selain daripada tabiat yang baik. Dalam budaya perniagaan Islam juga menerapkan budaya disiplin dalam kalangan usahawan. Melalui penghayatan dalam melakukan ibadat seperti solat, puasa dan zakat, Islam sudah menunjukkan setiap orang Islam perlu berdisiplin dalam melaksanakan ibadat tersebut. Jika tiada disiplin, pasti masyarakat kita menghadapi pelbagai

masalah (Normilia Abd Wahid dan Nurul Nadia Abd Aziz, 2015).

2. Dorongan

Seseorang yang ingin menjadi usahawan biasanya mempunyai faktor yang mendorong ke arah kebaikan atau meningkatkan kualiti taraf hidup. Antara faktor yang mendorong seseorang untuk menjadi usahawan adalah keinginan mencapai kepuasan diri, tidak ingin makan gaji, memberi sumbangan kepada masyarakat, mengubah kehidupan diri sendiri dan lain-lain. Latar belakang keluarga juga merupakan salah satu faktor dorongan untuk seseorang itu menjadi usahawan. Hal ini kerana mereka diberi pendedahan berterusan daripada keluarga dan ini mendorong ahli keluarga yang lain untuk turut menjadi seorang usahawan (Nor Hanim Awang @ Mohd Noor, Norfatiha Othman, Nor Hayati Sa'at dan Roslina Ismail, 2021).

3. Faktor keinginan

Selain itu, faktor keinginan perlu ada bagi setiap usahawan yang memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Dalam satu kajian oleh Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Yee (2012) menyatakan penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan dipengaruhi pelbagai faktor antaranya

ialah keinginan mencapai kebebasan dan kepuasan, membantu menyara keluarga, keinginan menjadi kaya, bercita-cita menjadi usahawan, ingin berdikari dan lain-lain. Keinginan yang ingin dicapai oleh seseorang usahawan adalah keinginan untuk mencukupkan keperluan seterusnya dapat memenuhi kehendak yang diimpikan dan keinginan untuk bebas kewangan.

4. Faktor orientasi keuntungan

Setiap perniagaan yang dijalankan mesti mempunyai hala tuju tersendiri seperti ingin melihat perniagaan yang diusahakan itu menguntungkan. Keuntungan yang diperoleh mampu membuatkan usahawan untuk mengembangkan lagi perniagaan sedia ada seterusnya meningkatkan ekonomi negara. Setiap usahawan harus bijak dalam memilih perniagaan yang memerlukan kos perniagaan yang minimum tetapi membuahkan keuntungan yang maksimum. Selain daripada mengharapkan keuntungan, perniagaan yang dijalankan sebenarnya adalah yang memberikan manfaat kepada pengguna yang menggunakan barang atau servis yang dijual. Sumbangan seseorang usahawan adalah untuk menyelesaikan masalah pengguna dengan mencari

penyelesaian inovatif samada secara praktikal, kewangan atau masalah sosial (Gartenstein, 2019). Contohnya, kini ramai wanita yang bekerja dan tidak sempat untuk memasak selepas pulang bekerja. Oleh itu, peranan seorang usahawan adalah menyelesaikan masalah ini dengan menawarkan perkhidmatan makanan yang sedia dimakan atau 'frozen'. Ini memudahkan pengguna yang tiada masa untuk memasak seterusnya memberikan keuntungan kepada usahawan.

Selain daripada faktor-faktor yang dibincangkan, terdapat beberapa faktor lain yang mendorong usahawan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Kejayaan seseorang usahawan yang dihebohkan melalui media sosial banyak mempengaruhi pelajar untuk menjadi seorang usahawan (Nor Fadila Mohd Amin dan Dzufi Iszura Ispawi, 2008). Pengaruh media sosial sangat memberi kesan kepada hala tuju mereka yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Selain daripada memberi maklumat mengenai perniagaan, media massa seperti televisyen, internet, radio dan media cetak juga memberi peluang perniagaan kepada bakal usahawan. Tambahan lagi dengan berita kejayaan usahawan di media sosial menambahkan semangat

untuk menceburi bidang keusahawanan.

Sebagai kesimpulan, untuk bergelar seorang usahawan bukanlah sesuatu yang mudah. Setiap usahawan perlu mempunyai ciri-ciri tertentu seperti berani mengambil risiko, kreatif, berorientasikan matlamat, jujur dan yakin serta proaktif. Dunia kini lebih moden maka usahawan perlu mencari idea yang lebih hebat untuk menjadi usahawan yang berjaya. Tambahan lagi, kebanyakan universiti hari ini menyediakan silibus yang mengandungi subjek keusahawanan. Ini membantu para pelajar universiti menerima dan mempelajari ilmu keusahawanan serta menggalakkan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Dengan mendedahkan dunia perniagaan kepada pelajar, sekurang-kurangnya pelajar tidak mengharapkan kerja 'makan gaji' sahaja. Bukan bermaksud kerja 'makan gaji' tidak bagus tetapi bidang keusahawanan ini mampu meningkatkan ekonomi negara seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat umum.

Rujukan:

Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Yee, L. K. (2012). Faktor kritikal kejayaan

usahawan dalam perniagaan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1): 34 - 45, April Special- 2012.

Gartenstein, D. (2019, January 25). What do entrepreneurs contribute to society? Newsletter. <https://smallbusiness.chron.com/entrepreneurs-contribute-society-78923.html>

Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1) (2010): 11-17

Normilia Abd Wahid & Nurul Nadia Abd Aziz (2015). Menerapkan budaya niaga Islam di kalangan usahawan Melayu. Konferensi Akademik 2015 (KONAKA 2015) 4 November 2015 UiTM Cawangan Pahang.

Nor Fadila Mohd Amin & Dzufi Iszura Ispawi (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan teknikal dan vokasional. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Nor Hanim Awang @ Mohd Noor, Norfatiha Othman, Nor Hayati Sa'at & Roslina Ismail (2021). Dorongan kelangsungan usahawan wanita dalam perusahaan batik dan songket. *Jurnal Pengurusan*, 61: 69-81.

Hobi Saya Adalah...

Nazlin Emieza Binti Ngah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Emel : nazlin5316@uitm.edu.my



Di suatu pagi yang dingin, memandu ke pejabat sambil ditemani celoteh beberapa orang pengacara radio, kadang tergelak sendiri, kadang ikut menyanyi menghibur diri. Hati rasa tertarik dengan topik bual pagi yang dihidangkan waktu itu. Topiknya 'simple' tetapi menggigit nostalgia.

"Apa hobi anda dari kecil sehingga kini"? Itu adalah persoalan yang diutarakan, ada yang membalas melalui mesej, ada yang menghubungi konti bercerita tentang hobi mereka. Menarik!!

Tiba tiba, terkenang kembali hobi semasa kecil dulu. Cikgu bertanya tentang hobi dan kawan-kawan sibuk mengangkat tangan dan kusyuk bercerita mengenai hobi masing-masing. Ada yang hobinya mengumpul setem, ada yang suka mendengar muzik, ada yang suka membaca buku dan macam-macam lagilah.

Tersentak apabila mendengar nama dipanggil, "Nazlin, hobi

kamu apa?”. Alamak, berderau darah, sebolehnya tidak mahu berkongsi hobi sendiri, bimbang ditertawakan. Selepas didesak, dengan berat hati, bangun berdiri, ada 40 pasang mata memandang... “ermmm hobi saya mendengar hobi orang lain cikgu”. Dan seperti yang dijangkakan, meletuslah 40 suara ketawa menggamat kelas. Cikgu pun tersenyum kambing dan meredakan kelas. “Bagus hobi awak, unik”. Ok, bangga sekejap. Betul, hobi saya agak unik, saya suka mendengar dan catit apa hobi orang lain. Agak pelik bunyinya, tetapi hasil dari mengumpul hobi dan impian orang lain, saya mula memasang impian dan angan-angan untuk menjadi berjaya seperti orang lain. Saya mempunyai beberapa buah buku koleksi hasil menulis hobi orang lain, sayangnya buku-buku tersebut rosak dimakan anai-anai. Akan tetapi, memori kenangan kekal tersimpan di dalam hati.

Kecoh di media sosial mengenai seorang bapa membakar hobi anaknya. Si anak mempunyai koleksi kenangan artis-artis korea kegemaran beliau. Beliau sanggup menghabiskan wang ringgit bagi menyempurnakan minat beliau. Jika kita lihat dari segi psikologi, perbuatan si ayah mungkin boleh mencederakan emosi anak. Walau bagaimanapun, netizen tidak perlu mengecam perbuatan si ayah. Mungkin ada sisi lain yang kita semua tidak tahu untuk kebaikan si anak.

Sebenarnya, memiliki hobi yang dibuat pada masa lapang sangat membantu meningkatkan kecerdasan dan kesihatan otak. Selain itu juga, ianya boleh membantu badan kita lebih rileks selepas habis bekerja atau belajar. Hobi tidak semestinya perlu mengeluarkan belanja yang besar, cukup sekadar duduk di balkoni sambil mendengar muzik sahaja pun sudah dikira sebagai hobi.

Secara tidak sedar, hobi membentuk keperibadian dan intelektual seseorang. Perasan atau tidak, kita banyak belajar pelbagai benda baru. Kita mula mencari idea dan secara tidak sedar berkenalan dengan rakan-rakan baru yang mempunyai minat yang sama dengan kita. Sebagai contoh, ada diantara kita yang mempunyai hobi menanam pokok. Sebelum mula bertanam, kita akan mencari ilmu langsung atau tidak langsung tentang teknik-teknik bercucuk tanam, cara penjagaan pokok dan ada yang mendapat rakan baru apabila sama-sama berkongsi pendapat. Bukan itu sahaja, ada yang berjaya menjana pendapatan dengan menjual hasil dari hobi dan secara tidak langsung membantu membaiki ekonomi keluarga. Disinilah secara tidak sedar terbentuknya personaliti yang lebih menarik dan hebat serta amat bagus untuk kesihatan mental kita. Menarik bukan!

Apa hobi anda...jom kita kongsi!

NUKILAN LAGU BUAT PUTERIKU



Suhaily Maizan Abdul Manaf
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: suhailymaizan@uitm.edu.my

Sebuah lagu berjudul Kemarin dendangan kumpulan Seventeen dari negara seberang ternyata amat menyentuh hati. Bait lirik dan melodinya seakan-akan tepat melafazkan apa yang cuba disorokkan dari pandangan umum. Lagu ini hadir saat diri ini kehilangan sebelah hati dan separuh jasad yang turut dibawa pergi bersama permata hati yang sangat dinanti kehadirannya. Ia seakan sebuah ekspresi nukilan sendiri namun ada insan yang mampu membaca dan menterjemahkan ke dalam sebuah lagu yang menjelmakan sebuah kenangan yang tidak akan dilupakan hingga ke syurga Firdausi.

Lirik:

Kemarin engkau masih ada di sini
Bersamaku menikmati rasa ini
Berharap semua takkan pernah berakhir
Bersamamu
Bersamamu

Coretan:

Ke mana sahaja membawa seorang insan yang sihat selama 9 bulan 10 hari, suka duka

bersama di dalam rahim, menunggu hari untuk melihat ke dunia. Insan itu jugalah pembakar semangat si ibu dalam mengharungi perjuangan pengajian doktor falsafah, menemani si ibu tak kira masa. Mana mungkin si ibu akan berfikir di luar kotak yang semua impian akan musnah sekelip mata, semuanya dengan kuasaNya.

Lirik:

Kemarin dunia terlihat sangat indah
Dan denganmu merasakan ini semua
Melewati hitam-putih hidup ini
Bersamamu
Bersamamu

Coretan:

Tidak pernah terdetik di hati si ibu yang zuriat yang cukup sempurna sifatnya dan hanya menunggu masa untuk dilahirkan akan pergi begitu sahaja tanpa sebarang pesan. Tidak pernah sesekali si ibu mengimpikan untuk memiliki anak syurga. Impian si ibu adalah sama seperti impian semua ibu bapa di luar sana, inginkan zuriat yang dikandung selama 9 bulan 10 hari akan dilahirkan selamat sempurna serta membesar menjadi insan berguna. Si ibu menjadikan zuriat tersebut sebagai penguat semangat dalam mengharungi pengajian tertinggi dalam hidupnya serta mengimpikan akan berpotret bersama-sama di hari bersejarah nanti. Tidak pernah terlintas yang buruk-buruk, semuanya indah-indah sahaja.

Lirik:

Kini sendiri di sini
Mencarimu tak tahu di mana
S'moga tenang kau di sana
Selamanya

Coretan:

Namun, di satu petang yang hening, naluri si ibu terdetik sesuatu yang sukar untuk diungkapkan. Masih terngiang-ngiang lagi gerakan lemah terakhir si comel di dalam kantungnya. Dan seperti batu besar menghempap kepala dan seperti api membakar diri saat doktor mengesahkan si comel yang sentiasa aktif itu telah meninggal dunia. Anak ibu telah tiada! Saat kehujanan yang mengiringi keberangkatan si ibu ke hospital seakan-akan meratapi kehilangan zuriat ini serta merentap seluruh hidup si ibu yang telah kosong fikirannya dengan sekelip mata. Si ibu buntu. Si ibu puas berfikir apa hikmah yang Allah sedang tunjukkan. Tidak tahu adakah ini mimpi atau realiti. Kenapa Allah pilih si comel ibu di saat menunggu masa untuk melihat dunia? Anak ibu telah kembali kepada PenciptaNya sekelip mata. Allahuakbar!

Lirik:

Aku s'lalu mengingatmu
Doakanmu setiap malamku
S'moga tenang kau di sana
Selamanya

Coretan:

Tidak mudah menjalani kehidupan berpantang tanpa anak disisi. Seluruh hidup seakan musnah walau hati telah reda menerima hikmahNya. Fizikal dan emosi bercampur-baur mencari arah tuju. Memujuk hati agar menerima ujian ini yang mana tidak seperti ujian insan lain. Itulah kekuatan yang mampu menepis segala air mata di hadapan khalayak ramai. Namun berjujukan air mata tidak mampu dibendung saat merindukan si anak yang telah berlari-larian di syurga. Si ibu bukan sahaja menyerahkan kembali hakNya, bahkan tidak mampu meneruskan perjuangan pengajian, membiarkan kedua-dua impian ini berlalu pergi dibawa kenangan.

Kini setelah dua tahun berlalu pergi, si ibu tidak pernah sekelumit melupakan setiap kenangan manis bersama si comel. Dialah penghibur hati menemani ibu sepanjang masa, menjadi saksi susah senang si ibu mencapai impian walaupun akhirnya impian itu turut dibawa angin lalu.

Nama diberi bermaksud kekuatan dan kemuliaan kami. Cukup 9 bulan 10 hari dilahirkan tanpa bernyawa. Air mata ditepis, hati merintih. Selamat dikebumikan tanpa talkin, di perkuburan yang menjadi laluan seharian agar mudah dikunjungi. Semangatmu lebih kuat berdepan dengan kehendak Allah untuk kembali ke sisiNya.

Betapa mulia pengorbananmu sayang. Meninggalkan kami dengan kenangan indah yang tidak mampu difahami oleh orang lain. Doakan ibu berjaya dalam perjuangan mengejar cita-cita buat kali kedua. Kekuatan ibu datang dari doa anakku. Kehadiran dan kehilanganmu adalah kekuatan untuk ibu. Itulah hikmah Allah yang sukar ditafsirkan.

Terima kasih Allah kerana memilih diri ini mengharungi ujian sekecil ini.

Azra Syarfina binti Mohd Talmizie

29 Januari 2020 (Denyutan jantung pertama)

8 Oktober 2020 (Disahkan meninggal dunia)

9 Oktober 2020 (Jasad dilahirkan ke dunia, roh sudah berada di syurga)

Al-Fatihah.

AKU DIA & NICU

Siri 5

¹Nik Noor Afizah Azlan & ²Mazlan Mat

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

²Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Terengganu

emel: nikno561@uitm.edu.my

..... Kami sampai di hospital lebih kurang pukul 3 pagi. Selepas proses saringan dan makan ubat, bacaan tekanan darah turun sedikit namun masih tinggi. Bayi dalam kandunganku tidak lagi bergerak. Terus aku dibawa ke wad bersalin untuk dipantau sementara menunggu doktor pakar yang bertugas tiba. Jururawat membuat pemeriksaan ke atas bayi dalam kandunganku. Alhamdulillah, degupan jantung masih ada namun bacaan Cardiotocography (CTG) kurang cantik. Jururawat membekalkan oksigen kepada aku agar oksigen tersebut sampai kepada bayi dalam kandunganku. Ketika itu, hatiku mula rasa gelisah, risau dan tidak keruan. Macam-macam perkara bermain di benak fikiran. Mulut ini tidak henti-henti berdoa kepada Allah agar dipermudahkan segala urusan dan selamat semuanya. (...dari Siri 4)

Tiba-tiba... "Assalamualaikum... Saya Dr. Awang Nila. Saya ada terjumpa dengan Lan di tingkat bawah", sambil beliau melihat laporan pemeriksaan kesihatan aku dan bayi dalam kandunganku ini. Aku keliru dengan "Lan" yang dimaksudkan. Mana tidaknya, si suami namanya Mazlan, si abah namanya Azlan. Dua-dua nama panggilannya "Lan".

"Ini anak sulung Lan lah ya?" sambung doktor pakar itu tadi. Barulah aku faham, Lan yang dimaksudkan adalah ayahku sendiri. Jadi aku mengangguk sambil tersenyum.

"Kami satu sekolah dulu. Lan tu nakal dari zaman sekolah lagi, tapi saya lagi nakal..hahaha. "Ada lagi kawan kami yang nakal" sambil beliau tergelak kecil dan menyambung lagi kisah zaman sekolah mereka. Lucu mendengarnya. Rupa-rupanya beliau rakan sekolah abahku. Leka mendengar doktor pakar tersebut bercerita, hilang sekejap kerisauan yang bermain di fikiranku.

Setelah beliau membuat pemeriksaan, aku kuatkan semangat bertanyakan kondisi bayi dalam kandunganku. Beliau menerangkan satu persatu bacaan CTG yang diperolehi dan berdasarkan penerangan tersebut, aku faham bahawa bacaan CTG bayi dalam kandunganku ini tidak stabil dan sangat-sangat lemah. Beliau juga membuat perbandingan bacaan CTG yang normal dengan bacaan bayi dalam kandunganku. Bekalan oksigen yang diberikan kepadaku sebelum ini tidak memberi apa-apa kesan kepada bayi dalam kandunganku.

Beliau juga menerangkan secara terperinci risiko-risiko yang bakal dihadapi dengan keadaan bacaan tekanan darah aku yang terlalu tinggi dan tidak stabil, kesannya kepada tumbesaran bayi di dalam kandungan, ubat-ubatan yang sesuai dan macam-macam lagi. Banyak ilmu baru yang aku peroleh daripada penerangan tersebut. Meskipun aku risau, namun aku yakin Allah akan berikan yang terbaik buat kami berdua. Mulut ini tidak lekang dari berzikir dan berdoa moga Allah beri kekuatan untuk aku tempuhi segala ujian yang mendatang.

Selesai beliau memberi penerangan, aku dibawa ke klinik beliau untuk pemeriksaan lanjut dan imbasan ultrabunyi. Semasa dalam perjalanan daripada wad bersalin ke klinik pakar, kami terserempak dengan suamiku, abah dan mama. Doktor pakar mengajak mereka untuk bersama-sama ke klinik beliau.

Hasil imbasan ultrabunyi, beliau menyatakan bahawa jantung bayi di dalam kandunganku sangat lemah, kurang bergerak dan air ketubanku juga sudah mulai kering. Malah bayi di dalam kandunganku juga tidak membesar selari dengan umur kandunganku ini. Apabila memasuki minggu ke-32 kandungan, berat bayi sepatutnya di dalam lingkungan 2kg dan ke atas. Tumbuhannya tidak berubah semenjak 3 minggu yang lepas dan beratnya masih di dalam lingkungan 1kg sahaja.

Muka beliau berkerut-kerut dan terus memaklumkan kepada suamiku serta abah dan mama bahawa perkara ini sangat serius dan perlu dibincangkan dengan lebih lanjut. Jantungku berdegup kencang. Raut wajah suamiku serta abah dan mama juga penuh kerisauan. Beliau meminta kami semua untuk berserah pada Yang Maha Esa dan mendoakan yang terbaik kerana beliau tidak dapat memberi jaminan yang bayi di dalam kandunganku itu mampu bertahan untuk tempoh yang lama. Beliau mencadangkan agar aku dirujuk ke hospital kerajaan untuk rawatan lanjut kerana besar kemungkinan aku akan menjalani pembedahan kecemasan demi menyelamatkan kami berdua dan jika bayiku selamat, maka bayi itu nanti perlu ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) untuk tempoh yang lama kerana dilahirkan pramatang dan mempunyai risiko-risiko lain yang memerlukan rawatan rapi.

Luluh jantungku... Perasaan bercampur baur sambil menahan sebak. Mata suamiku

mula bergenang dengan air mata. Abah dan mama terkedu tanpa sebarang kata. Tiba-tiba abah bersuara, "Doktor, kita cuba dan ikhtiar yang terbaik untuk mereka." Tanpa berlengah, doktor pakar meminta kami memilih untuk dirujuk ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) atau Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II). Kami membuat keputusan untuk dirujuk ke HUSM. Terus beliau menghubungi wad bersalin di HUSM dan menerangkan keadaanku kepada doktor yang bertugas. Kemudian, beliau menghubungi seseorang dan dari cara percakapan mereka, mereka sangat rapat antara satu sama lain. Sangat terperinci beliau menerangkan tentang keadaan kesihatanku dan bayi dalam kandunganku.

Kami hanya menunggu arahan seterusnya. Setelah selesai mereka berbual dan berbincang, sambil tersenyum, doktor pakar memaklumkan yang beliau telah menghubungi sahabatnya yang merupakan doktor pakar dan juga ketua bahagian Obstetrics & Gynaecology (O&G) di HUSM. "Jangan bimbang, insyaAllah sahabat saya akan uruskan Afizah di sana", kata beliau kepadaku. Beliau mencadangkan agar aku segera ke HUSM sendiri tanpa perlu menunggu ambulans kerana dikhuatiri lambat.

Tanpa berlengah, aku dan suamiku terus ke HUSM manakala abah dan mama membantu menyelesaikan urusan di Hospital Pakar Perdana. Sesampai kami di HUSM, terus aku dimasukkan ke salah satu bilik di wad bersalin. Bilik persediaan mungkin. Semuanya telah tersedia, doktor dan jururawat bertugas terus membuat pemeriksaan terhadapku dan menjalankan beberapa prosedur. Keadaannya sangat pantas, masing-masing menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sangat efisien. Aku hanya mampu berserah dan pasrah. Doktor yang bertugas ketika itu menjelaskan kepadaku keadaan aku dan bayi dalam kandungan yang sangat berisiko tinggi. Beliau juga memaklumkan yang pembedahan kecemasan perlu dilaksanakan demi menyelamatkan kami berdua. Aku mengangguk tanda faham. Doktor tersebut terus menghubungi seseorang.

Tidak lama kemudian, kecoh kedengaran di luar bilik persediaan tersebut. Hatiku berdegup kencang. Aku tertanya-tanya, apa yang terjadi di luar bilik tersebut?

..... bersambung....



Nukilan:

1Nadia Farleena Mohd Aznan, 1Yusrina Hayati Nik Muhammad Naziman, 1Nor Haryanti Md Nor & 2Nurul Syuhada Baharuddin

1Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.

2Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia.

*Koresponden emel: nurul574@uitm.edu.my

Pada suatu ketika, seorang anak perempuan datang mengadu kepada bapanya bahawa hidupnya dilanda pelbagai pancaroba. Dia mula merasa lemah dan tidak berdaya. Cabaran kian menyusul tanpa henti rintih sang anak. Lantas menitishlah air mata di hadapan bapa yang amat dihormatinya itu.

Ayahnya, seorang cef, mengajak anak perempuan ke dapur. Si anak mula merasa pelik. Dia melihat ayahnya itu mengisi tiga periuk dengan air dan meletakkan setiap satu di atas api. Setelah ketiga-tiga periuk mula mendidih, dia meletakkan kentang di dalam satu periuk, telur di dalam periuk kedua dan biji kopi yang dikisar dalam periuk ketiga.

Tanpa berkata apa-apa kepada anak perempuannya, sang bapa hanya melihat dan menunggu ketiga-tiga periuk itu mendidih. Si anak perempuan mula mengeluh dan tidak sabar menanti, bertanya-tanya apa yang dilakukan oleh si ayah.

Selepas seketika, si ayah mula menutup api dapurnya. Dia mengeluarkan kentang dan telur daripada periuk dan meletakkannya di dalam mangkuk. Kemudian, si bapa menyenduk kopi dan meletakkannya di dalam cawan. Pantas si bapa menoleh kepada anaknya dan bertanya, "Anakku, apa yang kamu lihat?"

"Kentang, telur dan kopi", jawab si anak dengan tergesa-gesa.

"Lihat lebih dekat dan sentuh kentang itu", kata ayahnya. Anak perempuan itu hanya menuruti kata-kata si bapanya dan menyatakan bahawa kentang itu lembut. Sanga ayah kemudian meminta anaknya untuk mengambil telur dan memecahkannya. Selepas mengeluarkan kulit telur tersebut, dia memerhatikan telur rebus itu. Akhir sekali, si anak disuruh untuk menghirup kopi. Aroma kopi itu membawa senyuman di wajah sang anak.

"Ayah, apa maksudnya?" si anak bertanya. Si bapa kemudian menjelaskan bahawa kentang, telur dan biji kopi masing-masing menghadapi kesukaran yang sama iaitu air mendidih. Namun, masing-masing bertindak balas dengan cara yang berbeza.

Kentang asalnya keras dan kuat, tetapi dalam air mendidih, ia menjadi lembut dan lemah.

Telur itu rapuh, dengan kulit luar yang nipis melindungi bahagian dalam cecairnya sehinggalah ia dimasukkan ke dalam air yang mendidih. Kemudian bahagian dalam telur terus berubah menjadi keras.

Walau bagaimanapun, biji kopi yang dikisar adalah unik. Selepas ia terkena air mendidih, kopi itu mampu bertukar dan akhirnya terciptalah sesuatu yang baharu dan disukai.

"Siapakah kamu?", si ayah bertanya kepada anak perempuannya. Kini anak perempuannya mengerti dan tersenyum.

Apabila sesuatu dugaan atau kesusahan mengetuk pintu anda, bagaimanakah reaksi anda? Adakah anda ingin menjadi seperti kentang, telur, atau biji kopi? Tepuk dada tanyalah iman.



Thailand merupakan negara jiran yang sering menjadi pusat tumpuan percutian rakyat Malaysia. Antara lokasi tumpuan pelancong Malaysia termasuk Bangkok, Krabi, Koh Samui, Phatthalung, Pattaya, Chiang Mai, Chiang Rai, Dannok, Hat Yai, Betong, dan Sungai Golok. Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand menyatakan bahawa seramai 78,523 pelawat Malaysia telah memasuki negara tersebut dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini. Antara faktor yang menarik kehadiran pelancong asing adalah kelemahan mata wang baht berbanding dolar Amerika Syarikat (USD), kos sara hidup rendah, dan harga bilik hotel yang berpatutan.



Hat Yai merupakan sebuah bandar yang terletak di Wilayah Songkhla, Thailand. Oleh kerana kedudukannya bersempadan dengan Malaysia, maka memang ramai rakyat Malaysia yang mengambil peluang untuk bercuti di sana. Hat Yai merupakan salah satu bandar yang terbesar di Thailand yang mempunyai banyak tarikan, terutamanya gerai makan, pusat urutan badan, dan tempat-tempat membeli-belah. Walaupun Thailand bukan negara Islam, tetapi tidak sukar untuk mencari makanan halal di sini. Fenomena percutian untuk menikmati syurga kulinari di Hat Yai adalah memadai dengan percutian singkat





selama 3 hari 2 malam atau 2 hari 1 malam. Selain laluan udara, anda boleh juga sampai ke Hat Yai menggunakan jalan darat sama ada dengan menaiki kereta, kereta api, mahupun bas.

Perjalanan selama 5 jam menggunakan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) Kereta Api Tanah Melayu (KTMB) dari Sungai Buloh ke Padang Besar, Perlis berbaloi dengan harga tiket ETS hanya MYR97 untuk penumpang dewasa dan MYR53 untuk kanak-kanak. Manakala kos menaiki van dari Padang Besar ke Hat Yai hanya MYR25 seorang.



Pada percutian kali ini kami sempat mengunjungi lebih daripada sepuluh (10) lokasi menarik sekitar Hat Yai dan Songkhla. Di sini kami menyewa perkhidmatan tut tut En Ariffin dan kami tidak mengalami kesukaran dari segi komunikasi kerana beliau boleh berbahasa Melayu dengan pelat Siam. Kos bagi tut tut hanya THB1500 iaitu sekitar MYR180 dari jam 8.00 pagi ke 10.00 malam. Perjalanan sangat lancar dan beliau membawa kami ke tempat-tempat yang menarik untuk bergambar. Antara tempat kunjungan popular bagi para pelancong adalah seperti:

1. Chabura Dimsum

Kami tiba di Hat Yai sekitar jam 11.30 pagi dan terus makan tengah hari di Restoran Chabura Dimsum. Pelbagai pilihan jenis dim sum yang sangat popular di kalangan rakyat Malaysia. Selain dim sum, terdapat menu masakan Thai yang lain seperti tomyam, somtam, bubur ayam dan pelbagai masakan panas yang lain juga turut disediakan di sini. Harga makanan juga berpatutan untuk dinikmati seisi keluarga.

2. Khlong Hae Floating Market

Khlong Hae Floating Market mula beroperasi setelah ditutup sepanjang pandemic Covid-19. Ia juga dikenali sebagai Pasar Terapung yang merupakan lokasi pelancongan ikonik di Hat Yai. Terdapat berpuluh sampan bersusun indah di sepanjang tebing sungai yang menjual pelbagai jenis makanan Thailand yang menarik samada snek, makanan berat, minuman manis,

jus buah, pencuci mulut, makanan bersup dan lain-lain lagi selain dapat bergambar berlatar belakangkan keindahan budaya dan kemeriahan suasana pasar terapung ini.





3. ASEAN Night Bazaar

Ia merupakan pasar malam terbesar di bandar Hat Yai untuk "bershopping" dengan harga murah dan beroperasi selama 24 jam. Suasana semakin meriah pada waktu malam dengan keindahan lampu-lampu dan kehadiran pengunjung. Di aras 1 terdapat pelbagai jenis barangan seperti pakaian, aksesori, kasut, beg dan lain-lain, manakala di aras 2 pula terdapat gerai-gerai makanan Thai dan buah-buahan.

4. Kim Yong Market

Kim Yong Market merupakan pasar di mana pelancong boleh membeli pelbagai jenis kekacang dan kerepek yang unik. Walaupun kebanyakannya boleh didapati di Malaysia, namun harga yang ditawarkan jauh lebih murah.

5. Masjid Pusat Songkhla

Walaupun Thailand hanya merupakan negara minoriti Islam, terdapat Masjid Pusat Songkhla yang menjadi tempat ibadah umat Islam di sini. Masjid ini agak terkenal bukan sahaja kerana dikenali sebagai Taj Mahal di Thailand, malahan kerana fungsinya yang juga menjadi tempat pernikahan ramai orang yang datang ke negara ini.

6. Chang Puak Camp

Gajah merupakan haiwan yang sangat sinonim dengan Thailand. Selain menaiki gajah, anda juga boleh memberi makan dan bergambar dengan haiwan ini secara dekat. Anda sekeluarga juga boleh mencuba aktiviti lain yang ditawarkan di kem ini seperti memanah, All-Terrain Vehicle (ATV) ride, dan menembak. Anda juga berpeluang untuk melihat pertunjukan buaya dan boleh merasai pengalaman bergambar bersama buaya.



7. Samila Beach

Pantai Samila merupakan pantai yang putih bersih dan popular di Songkhla. Tarikan utama di sini adalah Golden Mermaid Statue, seekor patung ikan duyung sedang menyikat rambut yang dipercayai membawa tuah dan kekayaan kepada rakyat Songkhla. Terdapat beberapa versi cerita legenda berkenaan kewujudan puteri duyung ini. Walau apa versinya, pengunjung tidak akan melepaskan peluang untuk bergambar sebagai kenangan. Pantai Samila tidak dibenarkan untuk mandi-manda namun pengunjung boleh mengisi masa dengan aktiviti berkuda.

Banyak lagi tempat-tempat menarik yang boleh dilawati sepanjang berada di Hat Yai atau

Songkhla. Selain menikmati pemandangan, pasti pengunjung juga tidak melepaskan peluang untuk mencuba pelbagai keunikan pilihan makanan Thai yang halal dengan harga yang berpatutan. Antara menu popular adalah seperti coconut ice cream, udang galah goreng, pelbagai pilihan laksa (sup, kari hijau, tomyam dan lain-lain), telur goreng tiram, somtam dan bermacam lagi.

Walau ke mana dan di mana sekalipun tempat pilihan percutian kita, yang paling berharga adalah kenangan dan memori bersama di antara anak, keluarga dan teman-teman. Percutian kali ini memberi kepuasan kepada anak serta seisi keluarga yang lain bagi mengisi waktu lapang di musim cuti persekolahan. Sehingga berjumpa lagi.

Rujukan

1. KOSMO! "Pelancong Malaysia 'serbu' Thailand Julai Ini", 26 Jun 2022. <https://www.kosmo.com.my/2022/06/26/pelancong-malaysia-serbu-thailand-julai-ini/>





masa hampir 40 minit.

Seusai pagi, kami memulakan perjalanan dari Kota Bharu ke Jeti Kuala Besar. Sesampai disana, kami berhubung dengan penduduk tempatan yang menyediakan perkhidmatan sampan ke Pulau Suri. Harga perkhidmatan ialah RM10 seorang untuk pergi dan balik. Kami sangat teruja untuk merasai sendiri pengalaman menyusuri sungai Kelantan ke Pulau Suri dengan menaiki bot berenjin. Sebelum bertolak, kami diberikan jaket keselamatan dan berharap agar perjalanan kami selamat. Sepanjang perjalanan, kami dapat melihat keindahan sungai Kelantan dan pesisirnya yang belum pernah kami rasai. Air sungai yang tenang dan kadangkala berombak tatkala ada bot lain melewati bot kami memberikan pengalaman yang baru bagi kami. Air sungai yang berwarna kuning sememangnya menjadi kegusaran, namun kecekapan pembawa bot menjadikan kami yakin dan perjalanan kami selamat. Perjalanan ini memakan masa lebih

kurang 15 minit dan sesampainya kami di pasar terapung, kami sangat gembira kerana seolah olah berada di negeri Thailand yang sememangnya sinonim dengan pasar terapung. Pulau Suri sememangnya sangat cantik dan para penjual pula ramah melayan pelanggan di dalam sampan yang dijadikan tempat jualan mereka. Sememangnya Pulau Suri ialah destinasi pelancongan yang unik di negeri Kelantan.

Rujukan:

1. Laman Web Rasmi Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan. <http://tourism.kelantan.my/index.php/ms/pelancongan/alam-semulajadi/kolam-air-panas-2/suri>
2. Berita Harian (17 September, 2016). Pasar Terapung Pertama Malaysia di Kelantan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/09/193585/pasar-terapung-pertama-malaysia-di-kelantan>



VICTORIA BRIDGE

Nazlin Emieza Ngah dan Rusnah Ismail
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Terengganu

Email: rusna366@uitm.edu.my
(Corresponding Author)

Daerah Kuala Kangsar, merupakan sebuah bandar utama dalam sejarah awal negeri Perak. Ia terkenal dengan gelaran “bandar diraja” apabila sejarah menunjukkan bahawa daerah ini merupakan tempat bersemayam raja-raja pemerintah negeri Perak. Namanya dikatakan diambil bersempena deretan pokok Kuala Kangsar yang banyak tumbuh disepanjang sungai. Terdapat juga versi cerita di mana daerah ini dinamakan kerana terdapatnya 99 batang anak sungai, kurang satu dari seratus, menjadikan sebutannya “Kuala Kurang Sa”.

Era penjajahan British pada tahun 1874 membawa kepada perubahan pembangunan serta pemerintahan semasa waktu itu. Negeri Perak dikatakan menjadi antara negeri kesayangan British kerana negeri ini

mempunyai banyak tapak perlombongan, perladangan dan juga gudang perdagangan. Bukti-bukti tinggalan era kegemilangan British masih kekal di Kuala Kangsar yang menjadi tarikan pelancongan hari ini.

Jambatan Victoria atau lebih dikenali dengan nama Victoria Bridge terletak di Seberang Karai, Kuala Kangsar merupakan salah satu tapak tinggalan penjajahan British yang masih dijaga rapi sehingga kini. Tempat ini dijadikan sebagai antara tempat tarikan pelancong di sini. Apa yang menariknya tentang Victoria Bridge ini? Ia dikenali juga sebagai Jambatan Enggor, ianya merupakan antara landasan keretapi tertua di Malaysia yang mula dibina pada tahun 1897 dan mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan. Jambatan ini telah dirasmikan pada tahun 1900 oleh Sir Frank Swettenham dengan disaksikan oleh Sultan Perak, Sultan Idris Mursyidul Azam Shah dan Raja Perempuan Perak, Residen Perak, J.P. Rodger dan isteri dan orang-orang kenamaan pada tahun 1900. Landasan ini dinamakan sempena nama Ratu Victoria yang memerintah England pada ketika itu dan telah dinobatkan sebagai landasan terbaik dari segi struktur dan teknologi kejuruteraannya pada waktu itu. Jurutera yang bertanggungjawab terhadap pembinaan jambatan ini

ialah G.W. Fryer, Jurutera Divisyen dan C.R Hanson.

Pembinaan landasan ini bernilai RM325,000, menjadi lambang pembangunan dan kekayaan Kuala Kangsar pada waktu itu. Idea pembinaan landasan ini adalah untuk memudahkan pengangkutan bijih timah selain menjadi alternatif pengangkutan awam penduduk setempat. Selain menjadi landasan penghubung antara Kuala Kangsar ke Ipoh dan Taiping, ianya juga menjadi laluan utama utara ke selatan Semenanjung Tanah Melayu dan secara automatik menyediakan banyak peluang pertumbuhan bandar-bandar timah yang lebih pesat di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Struktur jambatan ini sangat utuh. Ianya dibina menggunakan besi padu hasil dari lombong tempatan. Terdapat enam tiang pasak yang besar dari bata merah dibina bagi menampung berat landasan besi ini. Keunikan seni reka jambatan ini menjadikan ianya kelihatan sangat menarik dan elegan. Jambatan ini pernah dibom oleh tentera Jepun sehingga terbelah dua semasa Perang Dunia Kedua, namun dibaiki semula dengan bantuan penduduk setempat. Kelihatan juga bekas kubu pertahanan British di suatu sudut jambatan ini.

Kini, Victoria Bridge sudah tidak lagi digunakan



sebagai laluan keretapi selepas laluan baru dibina bersebelahan Victoria Bridge pada tahun 2022. Namun penduduk sekitar masih lagi menggunakan laluan ini untuk menyeberang sungai Perak dengan berjalan kaki atau menaiki motosikal. Satu laluan kecil dibina di tepi landasan bagi memudahkan penduduk setempat melaluinya. Victoria Bridge telah diangkat sebagai salah satu tapak bersejarah di Negeri Perak. Struktur pembinaan yang unik telah menarik minat ramai pelancong datang melawat. Terdapat mini muzium dan hiasan persekitaran yang sangat menarik untuk dikunjungi. Bukan itu sahaja, ianya juga dijadikan lokasi penggambaran filem tempatan. Jika berkesempatan ke negeri Perak, jadikan Victoria Bridge sebagai salah satu itinari perjalanan, pasti anda terpegun melihat keindahan jambatan bersejarah ini. Apa lagi, moh le kome!!

Sumber:
Arkib Negara

PERCUTIAN DI

Dusun Rimbun Agro Farmstay

PERCUTIAN DI DUSUN RIMBUN AGRO FARMSTAY

Karya:

1Yusrina Hayati Nik Muhammad Naziman, 1Nadia Farleena Mohd Aznan, 1Nor Haryanti Md Nor & 2Nurul Syuhada Baharuddin

1Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.

2Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia.

Percutian yang dirancang pada 14 dan 15 Mei 2022 bersamaan dengan 12 dan 13 Syawal 1443H dianggap sesuatu yang bermakna apabila percutian ini merangkap pertemuan seperti beraya dikampung halaman. Lokasi yang dipilih adalah Dusun Rimbun Agro Farmstay (DRAF), Kuala Krai, Kelantan. Bertolak dari Pasir Mas ke Kuala Krai mengambil masa kira-kira 1 jam 30 minit dan keadaan jalan raya agak sibuk memandangkan 15 Mei 2022 adalah Cuti Wesak dan bersambung dengan cuti hujung minggu pada hari Jumaat dan Sabtu.

Bagi memenuhi tujuan percutian untuk mengeratkan hubungan sesama keluarga, berhari raya dan juga menikmati suasana sebenar keadaan dikampung, DRAF dipilih kerana lokasinya yang strategik ditengah-tengah



lalan yang memudahkan keluarga datang dari Kota Bharu, Kelantan dan Raub, Pahang.

Dusun Rimbun AGRO Farmstay adalah merupakan sebahagian daripada ahli Kelab Sahabat Pitstop Malaysia (KSPM) dan

Route Pitstop Friendship Official (RPFO). Berlokasi di dalam dusun buah-buahan merupakan tarikan utama kepada para pengunjung untuk bermalam di dusun ini. Dusun ini terletak 1.5km daripada jalan utama. Jalan masuk menuju ke dusun ini agak mencabar kerana



faktor permukaan bentuk muka bumi serta keadaan jalan yang tidak berturap dan dikelilingi oleh kebun getah dan kebun

menghantar pengunjung masuk ke dusun ini.

Persepsi pertama apabila sampai di dusun ini, dusun yang redup dan mempunyai elemen-elemen Islamik dimana disepanjang

perjalanan masuk ke dusun ini ditemani dengan papan tanda ayat-ayat zikrullah. Manakala, dusun ini dilengkapi oleh deretan chalet, kolam

persendirian, dusun, kolam memancing, dan kandang kambing. Kolam memancing ini dipenuhi oleh ikan air tawar dan pengunjung bebas untuk memancing di sini. Jika berkebetulan dengan musim buah-buahan

pengunjung boleh mencuba buah-buahan serta sayur-sayuran secara percuma ketika menginap di sini.

ini dipilih supaya anak-anak ini fokus kepada alam sekitar dan bermain secara semulajadi tanpa gajet. Fasilitas seperti kolam renang, padang yang luas, kolam ikan untuk memancing, 'jungle tracking' di dalam dusun serta melawat kandang kambing menjadikan anak-anak tidak bosan apabila berada di dusun ini. Dengan aktiviti yang ada, masa anak-anak dipenuhi dengan semaksimum mungkin kerana jarang mendapat waktu bersama ahli keluarga yang lain kerana kekangan waktu dan jarak berjauhan. Jadi mereka tidak melepaskan peluang untuk menghabiskan masa bersama sebaiknya.

Pada waktu malam, aktiviti BBQ diadakan untuk memeriahkan lagi suasana percutian ini. Di sambung dengan permainan 'indoor', sembahyang berjemaah dan juga menonton bola bersama-sama merupakan salah satu kenangan ketika berada di dusun ini. Pakej yang dipilih disertakan bersama dengan sewaan khemah. Kanak-kanak dapat merasai pengalaman tidur di dalam khemah pada waktu malam bersama ahli keluarga yang lain. Tidak lengkap jika suasana hari raya tidak disertakan bersama dengan mainan bunga api pada waktu malam. Suasana gelap di malam hari ceria dengan mainan bunga api.

Keadaan rumah chalet



buah-buahan. Namun, itu tidak menjadi halangan untuk masuk ke dusun. Jika tidak mempunyai kenderaan

Dusun Rimbung AGRO Farmstay adalah pilihan yang tepat untuk melakukan aktiviti lasak serta merasai suasana sebenar berada di kampung. Percutian ini dapat melatih anak-anak

untuk meninggalkan gajet sekaligus mencipta tema percutian "No Gadget No Phone Holiday". Tema



4WD, staf dusun sedia membantu untuk



amatlah memuaskan serta selesa. Selain itu, chalet ini adalah dilengkapi perabot yang lengkap, jadi tidak risau jika para ibu ingin memasak menyediakan juadah. Kemudahan lain turut disediakan seperti basikal untuk 'jungle tracking', alat memancing, arang untuk BBQ, dan lain-lain lagi. Persekitaran chalet bersih tanpa dicemari oleh sampah kerana sentiasa ada pihak pengurusan yang memantau keadaan sekeliling chalet. Dusun ini juga dilengkapi

dengan CCTV untuk tujuan keselamatan.

Percutian "No gadget, no phone" tercapai apabila kanak-kanak bebas bermain dengan alam semula jadi, bebas meneroka, mengenali alam semulajadi serta bermain air kolam dari pagi hingga ke petang, penuh aktiviti menyebabkan mereka lupa gajet mereka. Manakala bagi pihak pengurusan DRAF, mereka telah merancang untuk menambahkan lagi elemen kampung yang lain seperti penternakan ayam kampung dan perkhidmatan kepada hari keluarga pada masa akan datang. Tidak lupa, tarikan lain yang boleh digunakan seperti air terjun yang berdekatan dengan kawasan kampung ini.

Lain padang, lain belalang. Lain orang, lainlah caranya. Masa itu emas. Maka hargailah sebaiknya. Begitulah juga masa kita bersama keluarga. Rencanakan percutian anda agar dapat menikmati setiap detik bersama keluarga tercinta. Banyak lokasi dan tempat menarik di dalam negara malah mungkin hampir dengan kawasan kediaman kita yang belum kita teroka. Ayuh, cuti-cuti di dalam negara!

Rujukan

Portal rasmi Dusun Rimbun AGRO Farmstay, <https://www.facebook.com/dusunrimbunagro/>

Nota: Gambar-gambar sekitar lokasi di Dusun Rimbun AGRO Farmstay- koleksi peribadi penulis.

Idioms

about

FOOD

a bad apple/egg - a bad influence/someone who brings trouble

a couch potato - an idle person

a hard nut to crack - a difficult person to understand/a difficult problem to solve

a piece of cake - easy

a smart cookie - a clever person

big cheese - an important person

bread and butter - the necessities

doesn't cut the mustard - doesn't meet the required standard

food for thought - worth considering

gone pear-shaped - gone unexpectedly wrong

in a nutshell - simply put

in a pickle - in trouble/mess

like chalk and cheese - opposites

like two peas in a pod - very similar

not my cup of tea - not the type of thing I usually enjoy

selling like hot cakes - selling quickly and in large quantities

the apple of my eye - the person I adore

the cream of the crop - the best

the icing on the cake - something positive that happens in an already very good situation but sometimes something quite bad that happens in an already very bad situation

to be handed something on a (silver) platter - to acquire something easily, usually without any effort on the receiver's part

to bring home the bacon - to earn the income



source: <https://www.spellzone.com>

Kupasan Filem INSTANT FAMILY

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Hafiza Mohammed, Hani Sakina Mohamad Yusuf dan Noor Malinjasari Ali

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Filem *Instant Family* ini merupakan filem yang berkisarkan tentang kekeluargaan. Filem ini adalah berdasarkan kepada kisah benar melalui pengalaman Sean Anders yang mengambil tiga orang anak angkat. Filem ini telah diterbitkan pada 2018. Filem ini bermula apabila pasangan suami dan isteri yang tiada anak, bercadang untuk mengambil anak angkat. Pada mulanya Pete (lakonan Mark Wahlberg) dan Ellie (lakonan Rose Byrne) ingin mengambil Lizzie (lakonan Isabela Merced) sebagai anak angkat, namun mereka terkejut apabila mendapat tahu bahawa Lizzie mempunyai 2 orang adik lagi yang berumur 10 tahun dan 6 tahun. Ibu mereka di dalam tahanan kerana terlibat dengan penagihan dadah. Pelbagai konflik dan adegan berlaku dalam keluarga ini sehinggalah pada saat anak-anak ini yang perlu dikembalikan kepada ibu kandung mereka. Saat yang ditunggu oleh Lizzie untuk bersama kembali dengan ibu kandungnya hancur apabila ibunya tidak muncul untuk mengambil mereka adik-beradik. Di akhir filem ini, mahkamah

memutuskan hak penjagaan kepada keluarga angkatnya.

Filem ini mempunyai beberapa mesej yang dapat memberi impak kepada penonton. Impak yang paling ketara boleh dilihat adalah kebahagiaan keluarga tidak semestinya diperolehi dari keluarga sendiri malah boleh diperolehi dari orang lain juga. Ini bermakna, kebahagiaan itu boleh dicari. Antara mesej yang boleh didapati dari filem ini termasuklah:

1. Keikhlasan dan tolak ansur sangat penting dalam sesuatu perhubungan.
2. Komunikasi amat penting dalam mengurangkan jurang perselisihan dan mengeratkan hubungan antara satu dengan lain.
3. Kita perlu menghargai apa yang kita miliki iaitu kebahagiaan





keluarga kerana setiap yang kita perolehi hanyalah pinjaman semata.

Filem ini sesuai ditonton oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana mesej yang disampaikan berkaitan dengan kehidupan realiti kita. Namun, perlulah diingatkan filem yang berkisar kekeluargaan ini banyak menjurus kepada kehidupan barat dan bukan semua budaya tersebut boleh diambil dan dikeduk oleh kita kerana budaya kita dan barat berbeza.

Kasih sayang yang ditunjukkan dalam filem ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada penonton. Contohnya jalan cerita yang meruntun jiwa kita dengan kasih sayang yang ditunjukkan oleh keluarga angkat yang sememangnya tiada kena mengena dengan mereka. Ketabahan dan kesabaran menghadapi dugaan hidup sememangnya berlaku di dunia nyata apabila ada di kalangan ibu atau bapa yang terjebak dengan dadah. Kesimpulannya, kita perlulah menghargai apa yang kita miliki dan sayangi kerana nikmat yang diberikan itu hanyalah sementara. Selain itu, komunikasi memainkan peranan penting dalam sesuatu perhubungan kerana komunikasi dapat mengelakkan tanggapan negatif atau salah faham berlaku.

Rujukan

Instant family (2018). Sumber diperolehi dari <https://www.imdb.com/title/tt7401588/>.



Rekreasi

BUMBUNG RAJA, HULU DUNGUN, TERENGGANU

¹Nik Noor Afizah Azlan, ²Faizatul Akmam Amirrudin, ³Mazlan Mat

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Selangor

³Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Terengganu

(Correspondent email: nikno561@uitm.edu.my)

Kawasan Rekreasi
Bumbung Raja
terletak di
Kampung Pasir Raja, Hulu
Dungun, Terengganu.
Tempat perkemahan dan
perkhemahan yang
sangat menarik disamping
keindahan dan kejernihan
air sungai yang mampu
memukau pengunjung
yang datang.

Kami sekeluarga berpengalaman berkelah di kawasan rekreasi ini tetapi kami menyewa tapak perkhemahan di kawasan persendirian penduduk di situ berhampiran kawasan rekreasi awam ini.

Sangat sesuai untuk keluarga berkumpul dan bersantai. Kami ke sana bersama tiga keluarga. Pada hari pertama kami sekeluarga bersama keluarga adik dari Jerteh, Terengganu manakala pada hari kedua barulah keluarga ketiga dari Kemaman tiba.

Kami memulakan perjalanan dari Kampung Balai Besar ke Kampung Pasir Raja ini lebih kurang pada pukul 6:00 petang. Tempoh perjalanan asal adalah lebih kurang 1jam 18 minit sahaja namun perjalanan kami mengambil masa hampir 2 jam kerana perlu melalui jalan kampung yang sempit dan keadaan jalan yang tidak di selenggara dengan baik. Tambahan pula semasa dalam perjalanan tersebut, hujan turun dengan lebatnya. Kami tiba di kawasan perkhemahan tersebut lebih kurang pukul 8:00 malam.

Kami disambut oleh tuan tanah yang dikenali dengan nama Pok Lang. Pok Lang



membantu kami memasang khemah dan menyiapkan persediaan keperluan perkhemahan kami. Pok Lang baik orangnya, ramah dan ringan tulang. Pok Lang menyediakan kemudahan tandas, ruang solat dan dapur di rumah pondok berhampiran dengan tempat perkhemahan kami. Kemudahan yang disediakan sangat bersih dan selesa.

Selesai semua urusan memasang khemah, kami menjamu selera dengan makanan yang dibeli semasa dalam perjalanan. Tiada aktiviti yang dapat dilaksanakan pada malam tersebut kerana hujan lebat.

Keesokannya, seawal pukul 7:00 pagi, anak-anak sudah turun ke sungai untuk bermandi-manda. Air sungai yang bersih dan sejuk sangat menenangkan. Sambil anak-anak mandi-manda, kami yang dewasa ini menyediakan sarapan pagi dan tengah hari.

Anak-anak mandi-manda seharian dan hanya naik ke darat untuk makan, solat dan rehat seketika. Kemudian kembali beraksi di dalam sungai dengan aktiviti-aktiviti mereka.

Selepas asar, hujan mula turun tapi anak-anak masih terus mandi-manda di sungai. Pada awalnya kami bimbang jika berlaku "kepala air" tetapi Pok Lang yang sekali sekala datang ke pondok beliau memaklumkan yang kejadian "kepala air" tidak berlaku di sungai ini kerana sungai tersebut adalah sungai utama. "Kepala air" biasanya berlaku di anak-anak sungai. Meskipun begitu, kami tetap memantau anak-anak yang sedang mandi-manda demi keselamatan mereka.

Hujan turun sepanjang malam tetapi ia tidak membataskan kami untuk berbeku malam itu. Pengalaman yang menyeronokkan dan

berharga untuk anak-anak. Malam itu kami diselimuti oleh bayu sungai dan malam yang sejuk.

Kami berangkat pulang ke kediaman masing-masing setelah selesai makan tengah hari pada hari ketiga. Kepulangan kami diiringi hujan yang lebat juga. Meskipun begitu, kami tetap gembira dan bersyukur kerana Allah masih memberi peluang kepada kami menikmati keindahan flora dan fauna ciptaan-Nya yang tidak dapat kami terjemahkan dengan kata-kata. Hanya gambar yang mampu berbicara. Nikmatilah koleksi gambar perkhemahan kami.

Jemputlah ke Kawasan Rekreasi Bumbung Raja bersama keluarga.





INSPIRASI YANG TAK PERNAH MATI

SIRI 2

Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

BERITA DUKA SEBUAH KEMATIAN

Aden yang menderita masalah usus diberitakan meninggal dunia ketika di dalam perjalanan ke hospital sebelum azan Isyak, pada penghujung Disember 2013, lapan tahun yang lalu. Menurut Eggie, beliau ada menziarahi Aden petang sebelum pemergiannya. Ketika itu, Aden ada menyatakan kepada beliau bahawa dia merasakan hari itu merupakan hari kematiannya dan beberapa jam selepas pulang, kejadian itu benar- benar berlaku. Tiga bulan sebelum itu juga, Aden ada berkongsi tentang mimpi yang beliau meninggal dunia. Di akhir-akhir hayat, Allah sudah mengilhamkan beliau mengenai kematian dan janji Allah itu kadang kala sulit untuk ditekuni kerana kudrat kita yang sangat terbatas. Namun Allah jualah sebaik-baik perancang. Dan sesungguhnya rancangan Allah adalah yang terbaik.



CERITA TENTANG SERIBU KEBAIKAN

Selain daripada keluarga terdekat, Eggie juga merupakan insan yang benar-benar terkesan dengan pemergian Aden. Mana mungkin tidak, mereka bersahabat selama 20 tahun dan bersama membangun jalan dakwah menerusi muzik selama 15 tahun. Mereka begitu akrab, bertemu dan berpisah kerana Allah. Muzik menyatukan mereka dan sehingga Aden pernah mencipta sebuah lagu sebagai permohonan maaf kepada Eggie setelah mereka ada perselisihan faham menerusi lagu "Pertengkaran Kecil". Jiwa seorang pemuzik, ucapan maaf pun bisa dibikin sebagai satu karya.

Setelah hampir dua bulan pemergian beliau, puluhan sahabat seperjuangan telah mengusahakan sebuah konsert penghargaan buat Aden di mana segala pulangan dari usaha itu diserahkan sepenuhnya kepada keluarga beliau. Malahan anak-anak angkat Aden seramai lima orang juga diberikan biasiswa untuk meneruskan persekolahan. Bidadari kecil beliau iaitu anak perempuan kesayangannya, Raziqa Zimael kini berusia 13 atau 14 tahun sedang berjuang sebagai seorang hafizah. Aden sememangnya seorang ayah yang sangat mementingkan pelajaran kerana beliau juga berusaha keras ketika membiayai sendiri pengajian di peringkat ijazah kerana keluarganya tidak mampu. Konsert itu menyaksikan pelbagai warna dan rasa di atas pemergian Aden. Mereka yang hadir cukup terkesan dengan pemergian beliau dan sudah merindukan karya-karya yang indah itu. Doa yang panjang dibacakan di hujung konsert untuk kesejahteraan arwah. Semoga beroleh ketenangan di alam sana.



Ibu kepada Aden juga menyatakan bahawa anaknya adalah seorang yang mempunyai impian dan visi ke depan di dalam hidup. Oleh itu, beliau sangat sabar dan kuat berusaha di dalam apa jua pekerjaan. Alangkah beruntungnya apabila redha seorang ibu telah diperolehi ketika meninggal dunia. Aden sosok yang prihatin terhadap keluarga dan sekeliling. Beberapa perkara juga sempat diuruskan oleh Aden untuk persekolahan anak-anak yang sangat disayangi dan beliau sangat mengimpikan anak-anak untuk belajar di Islamic boarding school. Ketika sakit pun, tiada keluhan yang diucapkan kerana beliau yakin sakit itu penghapus dosa. Segalanya akan indah jika disyukuri, itulah di antara kata-kata semangat yang diungkapkan Aden ketika berjuang melawan sakit.



Eggie juga mengatakan Aden sedang dalam pembikinan lagu-lagu untuk remaja kerana beliau begitu mengambil berat mengenai anak-anak remaja. Karya tersebut ingin dihasilkan bagi memberi inspirasi kepada para remaja untuk terus berada di landasan yang benar dan menjadikan agama sebagai tunjang kehidupan. Ketika mula muncul dahulu, mereka sendiri masih remaja, Edcoustic menerusi Aden menghasilkan karya berkisarkan tanggungjawab dan jalan yang perlu didepani anak muda seperti menerusi lagu “Masa Muda” dan “Menjadi Diriku”.

Peminat jauh dan dekat juga banyak menyatakan luahan rasa mereka menerusi komen-komen yang ditulis di pelbagai platform. Ramai juga yang menulis di entri blog masing-masing tentang bagaimana Edcoustic menerusi sosok Aden memberikan inspirasi dan kebaikan kepada mereka. Bagaimana berterima kasihnya mereka kepada Aden untuk karya-karya yang telah dihasilkan. Tidak kurang juga kerinduan yang diungkapkan untuk Aden. Ratusan malahan ribuan doa yang dititipkan sehingga ke hari ini, walaupun beliau sudah pun pergi hampir 10 tahun.

Sesungguhnya orang yang perjalanan hidupnya ditelusuri dengan jujur dan ikhlas akan terus dikenang biarpun ia tiada lagi di dunia ini. Lagu-lagu mereka diciptakan dengan melodi yang ringan dan lirik yang ringkas tapi mendalam dan bermakna. Bagi Edcoustic sendiri bukan menjadi terkenal yang ditumpukan tetapi ingin memberi inspirasi kepada orang ramai dan memberikan kebaikan kerana itu adalah sebaik-baik manusia. Aden masih tetap diingat sehingga ke hari ini dan karya beliau menjadi khazanah sepanjang zaman.

Hai Sahabat,
Akhirnya aku tiba di sini
Negeri yang sangat kau sukai
Yang menginspirasi karya-karyamu
Walau dirimu tak lagi membersamaiku di sini
Tapi karyamu akan selalu mengiringiku
Dalam perjalanan panjang kita
Untuk menggapai ridhaNya..

Ungkapan di atas dinukilkan Eggie di dalam lirik video pada tahun 2016 yang dirakam di Jepun untuk lagu “Tak Ada Beban Tanpa Pundak”. Aden sangat menyukai Jepun dan

mengimpikan untuk ke sana. Namun, tidak ada rezeki. Maka, ketika Eggie berkesempatan ke sana, beliau mengungkapkan isi hatinya untuk sahabat seajutanya itu. Kerinduan yang tidak pernah padam.

KARYA ITU TETAP HIDUP DAN BERMANFAAT

Selepas pemergian Aden, Edcoustic tetap 'hidup' dan Eggie yang menganggap Aden sebagai sahabat sejati dan abang, masih meneruskan karya-karya almarhum untuk dinikmati generasi kini. Lagu-lagu evergreen Edcoustic didendangkan kembali menerusi pembikinan lirik video dan cover (dinyanyikan kembali) secara rasmi menerusi platform digital seperti Youtube dan media sosial yang lain. Ratusan video tidak rasmi dimuatnaik oleh penggemar Edcoustic dalam pelbagai bentuk pembaharuan seperti lirik video, remake video dan sebagainya. Malahan pada Ramadhan 1442H yang lepas, terdapat satu video cover terkini lagu Muhasabah Cinta yang dinyanyikan oleh puluhan orang yang berbeza untuk setiap baris dan bait lagu tersebut biarpun setelah hampir 13 tahun lagu itu diterbitkan. Masih ada lagi youtuber yang memuatnaik album penuh Edcoustic di saluran mereka



Secara peribadi, penulis sangat jarang mengangkat artis atau selebriti sebagai contoh figura, namun berlainan pula dengan Edcoustic kerana mesej dakwah dan kebaikan yang mereka bawa sampai ke hati. Masakan tidak sampai, mereka juga ikhlas berkarya. Penulisan ini juga terbit kerana terinspirasi dengan kehebatan karya mereka.

Jika berkesempatan, cubalah lewati Youtube dan dengarkan beberapa karya pilihan daripada Edcoustic yang mampu menjadi inspirasi untuk kita semua dalam melayari sebuah kehidupan; "Tegar", "Di Persimpangan Aku Berdiri", "7 Syurga", "Even In My Dream", "Tak Ada Beban Tanpa Pundak", "Duhai Pendampingku" dan banyak lagi. Semoga beliau beroleh husnul khotimah dan segala karya beliau menjadi jariah di alam sana dan tidak mati bersama jasad bahkan akan tetap menjadi ilham dan semangat untuk semua. Selamat jalan, Kang Aden (1979-2013).

Rujukan

<https://adenlife.wordpress.com/>
<https://www.youtube.com>

PENDEKAR & SRIKANDI MERDEKA PLOGGING

Noorazlina Ahmad & Nik Fakrulhazri Nik Hassan
UiTM Cawangan Terengganu



Alhamdulillah, program ini telahpun berjaya dilaksanakan pada 30 Ogos 2022 yang lalu. Bersempena dengan sambutan kemerdekaan disambut pada keesokkannya iaitu 31 Ogos 2022, program pembersihan pantai ini adalah simbolik kepada sambutan awal meraikan kemerdekaan. Program ini bertemakan hari kemerdekaan Malaysia dan ketika program berlangsung, peserta lelaki digalakkan untuk memakai tanjak, manakala peserta wanita menyalurkan tudung bercorak bendera atau berkain batik Terengganu yang melambangkan pendekar dan srikandi. Usaha ini adalah sebagai salah satu cara mempromosikan kebudayaan masyarakat melayu dan mengangkat martabat batik Terengganu dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Aktiviti kesukarelawan yang melibatkan kakitangan UiTM dengan kerjasama Geng plastik Ija (NGO), Kumpulan SIG 3rd Hand, Majlis Perbandaran Dungun, Pejabat Tanah dan Daerah Dungun, kakitangan Politeknik Dungun, kakitangan Kolej Vokasional Dungun, Persatuan Sejarah Daerah Dungun, kakitangan PERKESO dan masyarakat setempat Dungun, pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Batu 7, Sekolah Kebangsaan

Batu 48 dan Sekolah Kebangsaan Balai Besar.

OBJEKTIF PROGRAM

Menyokong aktiviti pembersihan pantai, memupuk budaya cakna dan semangat cintakan alam sekitar;
Mendidik masyarakat kepentingan menjaga kebersihan pantai bagi memastikan hidupan di laut tidak terjejas;
Menjalin kerjasama di peringkat negeri antara UiTM Cawangan Terengganu dan NGO, Institusi Pendidikan Tinggi lain, pihak berkuasa tempatan dan juga komuniti setempat dalam aktiviti pembersihan pantai; dan
Membantu universiti mencapai petunjuk prestasi (melaksanakan program berbentuk CSR) bagi tahun 2022.

Program ini mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak dan penglibatan peserta yang ramai dan melebihi dari jangkaan sebenar. Penglibatan sukarelawan GPI bukan sahaja terhad daripada daerah Dungun, malah sukarelawan GPI dari Kemaman dan Marang juga turut sama berhimpun menjalankan aktiviti berkenaan.

Bagi memastikan pemandangan yang cantik dan bersih, sampah yang telah berjaya dikumpulkan akan dibawa terus ke pusat pelupusan sampah menggunakan lori MPD dan PDTD.

ATURCARA PROGRAM

- 5.00 petang : Ketibaan dan pendaftaran peserta
Nyanyian lagu Negaraku
- 5.15 petang : Taklimat ringkas daripada Pengerusi GPI
Aktiviti pembersihan dijalankan
- 6.30 petang : Sesi menimbang sampah dan barangan kitar semula
: Sesi bergambar bersama peserta
: Bersurai

PENCAPAIAN

Program pembersihan pantai ini mencatatkan penglibatan jumlah peserta Pendekar dan Srikandi Merdeka Plogging seramai 405 orang yang membersihkan pantai Teluk Bidara, Dungun pada petang 28hb Jun 2022 dengan meriahnya sambil mengenakan tanjak dan bertudung bendera/ kain batik Terengganu.

Berat sampah yang berjaya dikumpul adalah sebanyak 936kg sampah serta 25.3kg barang kitar semula berbentuk plastik berjaya dikumpul dan dijual kepada syarikat kitar semula di Dungun. Sejumlah RM75.00 berjaya dikumpulkan dari hasil penjualan botol plastik berkenaan dan disalurkan kepada GPI.

Pelaksanaan program Pendekar dan Srikandi Merdeka Plogging ini, dijangka mampu menyebarkan aura positif dalam kerja-kerja sukarelawan kepada peserta dan masyarakat setempat. Ianya juga secara tidak langsung mampu mempromosikan negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang bersih dan bebas sampah satu hari nanti.

HOW TO TEACH YOUR CHILDREN TO PACK THEIR BACKPACKS FOR TRAVEL? AN EASY GUIDE



By:

Nur Syikri bin Harun¹

Fathiyah binti Ismail²


¹Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Terengganu

²Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu

Before travelling, whether domestic or foreign, we need to do some preparation. One of the aspects that needs to be prepared is what should be stuffed into our backpacks. Well! It's a challenge.

Having children travelling with you may pose some other challenges. For parents who need to pack their children's luggage, it would be tiring if they do it all alone. Asking for your children's helping hand would be great; however, you need to pay attention to what's being packed by your children. This is because some important stuffs may be overlooked or left unnoticed by your children. Say, if they're about to take part in sports or other events that require them to cover or protect their feet, forgetting to bring along sports shoes and pairs of socks would spell a disaster, which wouldn't be an option.

Hence, to avoid missing or neglecting important items that can spoil your holidays, and the children's too, you need to educate them to use either a top-down or bottom-up reference using parts of their body envisioning what they should wear. Basically, your children's reference would either be from head to toe or vice versa.



In the meantime, preparing a checklist for items your children should bring along for travel would be a great tip too. Telling them how many days and nights would give them an idea how many pairs of clothes they should consider to wear, especially for long holidays.

On top of that, you can also tell them to bring along important documents, such as identification cards and other valid travel documents. You can remind them, but, still, it's better if you take charge to carry them yourself. Though, reminding them to keep their important documents along should be constantly done every time before they travel just to give them ideas that travelling doesn't mean solely 'carrying their bodies from home to a destination',

but they must be responsible in other aspects too, for example, ascertaining their identity and nationality, especially when it comes to travelling overseas to avoid any border-control issues.

In the meantime, asking your children to use a luggage scale would be a good idea too. This is to ensure that your children won't simply 'put everything' in their luggage to avoid overpacking for the trip. For instance, you can recommend them to pack multipurpose shoes and do laundry to re-wear clothes. You can also advise them to coordinate what items to bring for travel and what items to let go. As their parents, you also need to educate them about the thin line between needs and wants. This is because there would be occasions

when your children want to pack everything deemed important to them, which's not necessarily essential for travel. There have been cases where children brought fireworks and strike-anywhere matches without the knowledge of their parents, which are among prohibited items that may cost them an amount of money, depending on rules and regulations enforced by airports for public safety and convenience. However, hugging stuffed animals during the flight or colouring books may be needed to entertain your children and keep them busy for long layovers, which are allowed to bring along.

As your children are packing their own luggage, you'll be able to save time and have some opportunities to

manage other things, such as preparing home-cooked meals for en-route mealtimes, providing necessary items and itinerary for special events or activities, keeping your wallet laden with credit cards and an amount of cash for exchange (if necessary), bringing along your devices and chargers, checking your travel-insurance coverage, bringing along visas and passports, and packing health essentials like prescribed medicines and travel medicine kit for healthy travel.

In conclusion, travelling together with family is great, but packing your luggage with your children would create a happy moment altogether before creating moments of joy and keeping a smile on face during the trip. However, you need to keep an eye on your children as they're packing their luggage so that there wouldn't be items paid no heed to or overpacking, of which one of the cases may ensue if no one pays attention to – in this case, the parents.

REFERENCES:

- Echolls, T. (2017). Islamic headwear for men.
<https://classroom.synonym.com/islamic-headwear-for-men-12086135.html>
- Frost, S. (n.d.). What am I not allowed to take on an airplane? <https://traveltips.usatoday.com/am-not-allowed-airplane-21997.html>
- Louise, C. (2008). Packing for a healthy vacation.
<https://www.webmd.com/a-to-z-guides/features/packing-for-healthy-vacation>
- Stoppler, M. C. (n.d.). Travel medicine kit.
https://www.medicinenet.com/travel_medicine_kit/views.htm
- Tel, C. M. (2021). 9 tips to finally stop overpacking.
<https://www.smartertravel.com/overpacking/>
- Wikipedia. (2022). Travel document. https://en.wikipedia.org/wiki/Travel_document

JEJAK PENGALAMAN PENASIHAT PROJEK PELAJAR OPEM VERSI ODL

Oleh:

1Nurmuslimah Kamilah Abdullah, 2Dr. Zatul Iffah Mohd Fuza & 1Zuraini Jusoh

1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

2Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: nurmuslimah@uitm.edu.my

Bermula Mac 2020, negara dikejutkan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaksa sistem pembelajaran dijalankan secara Online Distance Learning (ODL). Walaupun pembelajaran secara dalam talian bukan sesuatu yang asing dalam sistem pembelajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM), di mana penggunaan i-Learn yang ditambahbaik ke UFuture telah agak lama dilaksanakan, namun pandemik yang memaksa penggunaan ODL secara total ini adalah sangat mencabar.

Pada semester Mac 2022 ini, pengalaman warga UiTM dalam sistem pembelajaran ODL semakin matang. Bukan bermakna segalanya terbaik dan sempurna, namun ianya lebih berstruktur dan meyakinkan. Bukan juga bermakna mengharapkan ODL akan terus menjadi medan utama pengajaran dan pembelajaran. Jauh di sudut hati, ada pensyarah yang mengharapkan pembelajaran secara fizikal di bilik-bilik kuliah, di dewan-dewan syarahan akan menjadi kaedah utama dalam pengajaran dan pembelajaran, di samping meletakkan sistem ODL sebagai elemen yang mewakili antara sepuluh hingga tiga puluh peratus sahaja daripada keseluruhan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Operations Management (OPEM) merupakan salah satu cabang disiplin yang menjadi pilihan pelajar dalam menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Muda di UiTM. Sehingga ke ODL 5.0 yang sedang berlangsung kini, penulis ingin menzahirkan pengalaman yang dilalui sepanjang menjadi penasihat projek pelajar OPEM. Bagi kursus Service Operations Management (OPM555), sehingga ODL 5.0, sebanyak 9 webinar telah berlangsung sehingga Mac 2022. Webinar ini mensyaratkan pelajar yang mengambil kursus OPM555 daripada UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam, dan UiTM Cawangan Kedah Kampus Merbok untuk berkolaborasi dalam menjayakan webinar yang menjemput ramai pengamal industri.

Bermula daripada semester Oktober 2021, selain kolaborasi antara kampus, OPM555 turut berkolaborasi dengan kursus Professional Etiquette for Hoteliers (HTH558) dalam penganjuran webinar. Penasihat bersama dalam kolaborasi ini adalah Dr. Zatul Iffah Mohd Fuza. Ianya sesuatu yang sangat positif, memandangkan selain daripada penjimatan kos, pelajar perlu membuat perancangan yang lebih teliti dan proaktif. Apabila perkara ini berlaku, pensyarah penasihat kepada projek ini, terpaksa meletakkan usaha dan tumpuan

yang berganda dalam memastikan pelajar dapat merancang, melaksanakan dan menjayakan webinar yang menjadi keperluan kursus.

Selain daripada webinar yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kursus, sebagai penasihat Operations Management Society (OPEMS), UiTM Cawangan Terengganu, webinar versi ODL turut dilaksanakan oleh kelab ini. Penasihat bersama OPEMS adalah Cik Zuraini Jusoh. Sekurang-kurangnya 5 webinar telah dianjurkan oleh OPEMS daripada Februari 2021 sehingga Mei 2022 di samping pelbagai aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan dengan webinar. Yang terkini dilaksanakan adalah Program Kolaborasi OPEMS, UiTM Cawangan Terengganu dan Himpunan Mahasiswa Jurusan Manajemen UNISSULA iaitu Kajian Ramadan 2022 pada 18 April 2022 dan Program Pemantapan Format Penulisan Surat UiTM pada 14 Mei 2022.

Walaupun terdapat cabaran, masalah dan kekangan dalam pelaksanaan projek sepanjang ODL, nilai tambah yang diperolehi oleh para pelajar melalui pengalaman sebagai penganjur boleh disimpulkan sebagai sangat bermanfaat dan berjaya. Pengalaman berkolaborasi dengan pelajar berlainan kampus dan dengan pelajar daripada Sultan Agung Islamic University Indonesia (UNISSULA) adalah sesuatu yang dapat dibanggakan. Selain daripada itu aktiviti merancang, berkomunikasi, berunding, menguruskan jemputan, membuat tindakan pencegahan, mengambil tindakan pembetulan dan pelbagai lagi ilmu dan tacit knowledge telah diperolehi oleh pelajar sepanjang menganjurkan projek versi ODL. Sebagai contoh, para pelajar berjaya melaksanakan live streaming melalui Google Meet dan Microsoft Teams ke YouTube OPEMSUiTMTERENGGANU. Walaupun pelajar tidak mendapat latihan secara berstruktur tentang perkara ini, namun, mereka berjaya melaksanakannya. Para senior OPEMS mengambil inisiatif mengajar para junior tentang penggunaan OBS bagi tujuan live streaming.

Perlu diakui, tidak semuanya bermula dengan tepat dan seperti yang diharapkan. Namun alhamdulillah, dalam proses pembelajaran oleh para pelajar ini, mereka menunjukkan terdapat nilai tambah. Nilai tambah yang boleh dilihat antara seorang pelajar dengan seorang pelajar yang lain adalah berbeza. Pendekatan oleh penasihat perlulah berdinamik kerana isu ignorance semakin jelas berlaku dalam kalangan pelajar apabila perlu mengendalikan sesuatu projek dalam kumpulan yang besar. Seolah-olah tiada inisiatif daripada mereka, mereka melepaskan tanggungjawab kepada ahli kumpulan yang lain untuk mengambil inisiatif atau tindakan di atas sesuatu tugas atau isu. Ini antara cabaran yang semakin membarah dalam sistem ODL yang menyebabkan beban diletakkan kepada satu pihak dan bukan digalas bersama. Walaupun masalah ini bukan berlaku dalam setiap projek yang dijalankan, namun ianya akan memberi kesan negatif kepada tahap motivasi ahli jawatankuasa yang terlibat.

Sebagai penutup, pencapaian keseluruhan pelajar OPEM UiTMCT dalam melaksana projek versi ODL adalah sangat membanggakan. Walaupun berlaku kesilapan dan kekurangan dalam beberapa aspek, kata kuncinya adalah learning process. Learning process itu berlaku, dan ia membawa kepada pelbagai nilai tambah kepada pelajar yang terlibat. Semoga ianya bermanfaat!

Coretan Karista DI UITM TERENGGANU

Karya:

Hani Sakina Mohamad Yusof

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: hanisakina@uitm.edu.my

Pergi ke pasar membeli terung
Membawa bersama semangat yang jitu
Bersama-sama kami bertarung
Mendapatkan kemenangan nombor satu

Berlari ke hutan mencari buluh
Semangat waja di usung bersama
Berhari-hari bermandi peluh
Sanggup berkorban jiwa dan masa

Pohon kemboja semarak berkuntum
Pantai terbentang tersergam indah
Orangnya cantik manis tersenyum
Pelbagai hidangan dijadikan juadah

Teluk Gadung di Sura Hujung
Seronok di pantai sehingga ketawa
UiTM seMalaysia datang berkunjung
Mesra kenangan menggamit jiwa



Foto kuah lodeh kredit kepada Hana Hana (<https://cookpad.com/my/recipes/12807865>)

RESIPI KUAH LODEH VERSI MEK KELATE

Oleh:

1Nadia Farleena Mohd Aznan, 1Nor Haryanti Md Nor, 1Yusrina Hayati Nik Muhammad Naziman

& 2Nurul Syuhada Baharuddin

1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

2Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

Menjelang perayaan, kuah lodeh pasti tidak ketinggalan sebagai salah satu juadah ikonik perayaan di Malaysia yang dihidangkan untuk para tetamu. Kuah lodeh juga dikenali dengan nama lontong walaupun hakikatnya kuah lodeh dan lontong adalah berbeza. Namun ia seringkali dihidangkan bersama dan menjadi pelengkap kepada satu menu hidangan.

Kuah lodeh adalah satu masakan yang dimasak menggunakan santan serta sayur-sayuran seperti kobis, lobak merah, sengkuang, kacang panjang dan fucuk. Tidak ketinggalan juga bahannya termasuk tempe dan suun. Selain di Malaysia, ia juga amat popular di Indonesia.

Lontong pula sering dikaitkan dengan makanan seberang iaitu negara jiran Indonesia. Ia diperbuat daripada beras yang dikukus di dalam daun pisang. Rupanya mirip nasi himpit atau ketupat nasi namun, aroma daun pisang yang terhasil menjadikannya lebih harum dan unik.

Gandingan lontong bersama kuah lodeh ditambah pula sambal sotong pasti dapat membangkitkan selera. Kepada peminat tegar hidangan lontong dan kuah lodeh, kami ingin berkongsi resipi kuah lodeh versi orang Kelantan yang mungkin mampu menambat hati anda. Selamat mencuba!

Masa Penyediaan : 60 minit

Masa Memasak : 45 minit

Hidangan : 15 - 20 orang

Bahan-bahan

5 ulas bawang merah – dikisar
 1 ulas bawang putih – dikisar
 4 sudu besar udang geragau (baring) – dikisar
 2 inci kunyit hidup – dikisar
 3 batang serai – dititik
 2cm lengkuas – dititik
 450-gram udang segar – dibuang kulit (jika suka)
 1000ml santan segar
 750ml air (boleh dikurangkan/dilebihkan mengikut citarasa)
 2 kiub pati ayam
 2 genggam suun – direndam lembut
 7 keping fucuk – direndam lembut dan dipotong 2 inci
 3 batang lobak merah – dipotong 1.5 inci
 11 batang kacang panjang – dipotong 1.5 inci
 1 biji sengkuang – dipotong panjang
 3 batang cili merah – dihiris
 5 biji ubi kentang – dipotong panjang dan digoreng
 5 ketul tauhu – dipotong kiub dan digoreng
 3 bungkus tempe – dipotong kiub dan digoreng
 Garam – secukup rasa
 Gula – secukup rasa

Kuah Lodeh perlu dihidangkan dengan bahan-bahan lain seperti:

Lontong /Nasi himpit/Ketupat nasi – direbus

Sambal ikan bilis

Telur – direbus (pilihan)

Ikan bilis – digoreng (pilihan)

Cara Penyediaan

Gorengkan tauhu, tempe dan ubi kentang terlebih dahulu.

Kisarkan bawang merah, bawang putih, udang baring dan kunyit.

Renehkan bahan kisar di dalam periuk bersama serai dan lengkuas sehingga mendidih.

Kemudian masukkan air serta lobak merah, kacang panjang, sengkuang, lada merah dan udang segar. Tunggu sehingga sayuran lembut.

Seterusnya masukkan santan, kacau perlahan-lahan supaya santan tidak berketul dan tambahkan lagi air jika kuah masih pekat.

Kacau sehingga kuah menggelegak dan siap untuk dihidangkan bersama nasi himpit serta sambal ikan bilis.



Foto Lontong kredit kepada (Instagram.com/meiyuni_antika)

KARNIVAL JUALAN KARISTA 2022



Hani Sakina Mohamad Yusof & Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
Emel: hanisakina@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Karnival Sukan Staf (KARISTA) 2022 edisi kali ini telah berlangsung pada 24 hingga 30 Ogos 2022 (Rabu-Selasa) yang lalu dan telah menyaksikan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) sebagai tuan rumah acara. Seramai 1,200 atlet dan pegawai daripada 14 cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berkumpul di negeri persisir pantai ini. Bagi memeriahkan lagi acara sukan tersebut, Karnival Jualan KARISTA turut diadakan di perkarangan Stadium Gemilang dan berhampiran Kolej Tenggol. Karnival jualan ini diadakan dengan kerjasama di antara MASMED UiTMCT dan Koperasi Kakitangan UiTM Berhad. Kerjasama kali pertama ini telah dapat dilaksanakan dengan baik hasil perancangan yang teratur. MASMED telah diberikan tanggungjawab untuk mengumpul para peniaga dan seterusnya menyediakan keperluan produk serta perkhidmatan yang bersesuaian sepanjang karnival berlangsung. Kami juga mengambil kesempatan membuka booth atau gerai jualan di karnival tersebut.

Sebanyak lapan (8) gerai jualan dibuka dengan berkonsepkan kanopi dan dua (2) peniaga berkonsepkan food truck hadir memeriahkan. Jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti makanan berat, makanan ringan, air, jualan pakaian sukan, perkhidmatan telekomunikasi iaitu UMobile dan produk berasaskan optik. Manakala, food truck yang di bawa masuk ke karnival menyediakan pelbagai jenis minuman kopi dan jualan makanan ringan yang lain. Terdapat juga pameran dan jualan kereta daripada Proton yang membawa beberapa model kenderaan jenama mereka.

Sebenarnya, masih terdapat ramai peniaga yang menyatakan hasrat untuk menyertai karnival ini. Namun, pihak MASMED tidak dapat memenuhi semua permintaan memandangkan bilangan ruang

yang terhad. Di pihak penganjur, kami sentiasa memastikan kebajikan dan kesejahteraan peniaga dengan mengambil kira jumlah bilangan peniaga yang bersesuaian dengan keperluan acara. Kami tidak mahu bilangan peniaga yang terlalu ramai meningkatkan persaingan sesama sendiri. Justeru, bilangan peniaga ditetapkan berdasarkan sasaran pengunjung. Turut diberi perhatian adalah jenis produk dan perkhidmatan yang disediakan agar peniaga dapat memaksimumkan jualan dan merasakan penyertaan mereka dalam karnival kali ini berbaloi. Peniaga diberikan ruang untuk berniaga dari pagi hingga malam. Harga jualan yang ditawarkan juga berpatutan dan sesuai dengan pasaran semasa tanpa mengambil kesempatan akan kehadiran peserta dari luar Terengganu.

Pada 24 Ogos 2022 (Rabu) jam 2:30 petang, satu taklimat keselamatan dan peraturan di dalam kampus telah diadakan. Penganjur bersama pihak keselamatan UiTMCT bertanggungjawab untuk menerangkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang karnival berlangsung. Kesemua peniaga yang hadir memberikan komitmen dalam memastikan karnival ini berjalan dengan lancar.

Walaupun pada awalnya sambutan agak perlahan, namun setelah acara dan perlawanan KARISTA mulai rancak, sambutan pengunjung terhadap gerai jualan amat memberangsangkan. Rata-rata peniaga berpuas hati dengan hasil jualan sepanjang karnival tersebut bahkan mereka menyatakan hasrat untuk menyertai karnival lain pada masa akan datang. Setelah selesai karnival, berdasarkan tinjauan yang dibuat pada petang hari terakhir karnival, para peniaga menunjukkan etika kebersihan yang amat baik. Tiada sampah sarap atau sisa jualan ditinggalkan. Semuanya dibersihkan dan disusun seperti mana permulaan karnival. Penganjur sangat berbesar hati dengan keadaan ini dan berharap perkara sebegini diamalkan dan berterusan dalam penganjuran mana-mana karnival yang akan datang.

Selain berterima kasih kepada para peniaga, penganjur juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada para pembeli yang memeriahkan karnival ini. Tanpa pembeli, pasti suram dan hambarlah karnival ini. Terima kasih kerana sudi berbelanja dan menghidupkan ekonomi para peniaga kecil ini. InsyaAllah, kita bersua lagi pada masa akan datang.



MAJLIS 'SULAMAN KASIH SANJUNGAN BUDI' FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Noorazlina Ahmad & Azlina Shamsudin
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
Emel: azlin226@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Malaysia 2020 - 2021, terdapat beberapa orang pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) yang telah bersara. Dalam tempoh berkenaan, pensyarah yang bersara hanya diraikan secara dalam talian atau maya sahaja. Kini, ketetapan untuk berkumpul dan menganjurkan majlis telah dibenarkan maka, bagi tahun 2022, Jawatankuasa BizClub FPP berbesar hati mengadakan Majlis Sulaman Kasih Sanjungan Budi untuk merai dan menghargai jasa pensyarah FPP yang telah bersara.

Majlis Sulaman Kasih Sanjungan Budi telah berlangsung pada 18 Julai, 2022 di Dewan Bidara, Hotel UiTM Dungun dengan bertemakan 'Arabic'. Majlis Sulaman Kasih Sanjungan Budi FPP adalah sebuah majlis yang dirancang bagi merapatkan silaturrahim dalam kalangan ahli fakulti. Semua pensyarah FPP yang telah bersara sepanjang tempoh PKP telah diundang. Turut dirai adalah mereka yang bersara pada awal tahun 2022 hingga Mei, 2022.

Majlis ini disambut meriah oleh warga FPP. Antara objektif penganjuran majlis ini adalah untuk mengekalkan ukhwah di antara pensyarah FPP yang telah bersara dan pensyarah FPP yang masih berkhidmat, memberi peluang kepada pensyarah untuk bertukar-tukar nasihat dan panduan serta berkongsi pengalaman pesara untuk dijadikan panduan dalam menambahbaik mutu perkhidmatan pensyarah di masa akan datang.

Majlis ini telah dihadiri oleh sebilangan besar pensyarah FPP serta 2 orang pensyarah pesara yang diraikan pada tahun ini iaitu Puan Nor Jana Salim dan Puan Azian Abd Ghani. Mereka yang dirai telah berkongsi pengalaman dan kata-kata nasihat semasa memberi ucapan. Majlis juga disajikan dengan tayangan montaj kenang-kenangan Puan Nor Jana dan Puan Azian sepanjang mereka berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.

Suasana majlis begitu meriah di bawah kendalian Puan Fathiyah Ismail sebagai pengacara majlis. Celoteh beliau mengendalikan majlis menyebabkan warga FPP tidak kering gusi dan merasa terhibur. Permainan-permainan yang ringkas turut diadakan bagi memeriahkan majlis dan semua yang hadir dapat melibatkan diri. Sesi cabutan bertuah dan pemenang kategori pakaian mengikut tema (lelaki dan wanita) turut disediakan oleh penganjur.

Majlis telah berlangsung dengan jayanya dan semua yang hadir merasa gembira kerana dapat bertemu rakan-rakan yang telah lama tidak bersua muka. Tambahan pula, sudah sekian lama FPP tidak dapat menganjurkan majlis sedemikian. Di kesempatan ini, sukacita Bizclub merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga majlis ini menjadi kesinambungan bagi ukhwah yang terjalin sesama pensyarah FPP meskipun telah tamat perkhidmatan dengan UiTM. Panjang umur kita jumpa lagi dalam majlis anjuran Bizclub yang akan datang.

FPP awesome!!!!...



Seloka

DIKIR TIMUR FPP

¹Nik Noor Afizah Azlan dan ²Faizatul Akmam Amirrudin

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Selangor

Emel: nikno561@uitm.edu.my

Dikir Timor FPP diberi namo
Bermulo segalo kenangan bersamo
Salam sejahtero pembuko bicaro
Buat kenangan di hari tuo

Comey manis, beraluh oghenyo
Sedap suaro ramai dok seko
Salwani namo tuan badannyo
Tok jogho kito itu lah dio

Asalnyo dio nak tarik diri
Tapi diajok wak teman kak fety
Main kompang belajar sendiri
Along tukang karut terus dio jadi

Cikgu disiplin behi maroh
Habis oghe dia jerkoh
Sebab sayang bukan nok baloh
Kak Fety kompang boleh faedoh

Oghe jauh dari Kuala Tganu
Mari sokmo dop pernah putus
Main kompang supo nok tembuh
Dr. Shuk kito oghe jughuh

Bab jangok bui ko dio
Floor manager pun itulah dio
Main kompang pun dio biso
Terus Del jadi sek kito

Ketung ketang bunyi kompang
Kejap jadi, kejap ke padang
Bunyi gapo dok tahu starang
Jenuh Shol nok ikut orang

Main tamborin sambil dudok
Sebab nok berdiri dio dok rok
Beraluh molek dio katok
Nena kito alah parok

Oghe halus duduk depan
Buat gayo ke kiri ke kanan
Mujur dio dop buat kesilapan
Hani Sakina oghe harapan

Mok datin namo timangan
Sekali menurun tokleh lawan
Bab joget takdok tandingan
Mek Adda comey itulah penangan

Mulut bising toksey kaloh
Suka menjawab supo nok baloh
Tarian sokmo buat salah
Ina Ahmad sokmo kena maroh

Kejap ikut kejap dok
Sokmo Fini kena terok
Sebab ikut Ina gerok
Dengan dia sekali hok gelok

Kak Siha oghe serba boleh
Dikir, koir dia dok memilih
Mari sokmo untuk berlatih
Tetap usoho dengan gigih

Kak Cemi jenis sempoi gilo
Dialah hok mari oghe pertama
Ikut jah oghe suruh gapo
Mugo dio pun kena joget samo



Dia dop mari banyak hari
Sekali mari ajar koreografi
Mujur tarian jadi rapi
Kak Has boleh jadi juri

Mek Zu sibuk sebab KP
Tapi komitmen tetap diberi
Bab dikir dio berahi
Boleh buat dio happy

Diam-diam ubi berisi
Ikut jah gapo oghe bui
Kak Laila memang sempoi sekali
Suara dio sedap sengoti

Dio nok semua perfect
Saloh sikit dio ngepek
Kak Fida molek jadi prefect
Biar oghe takut sket

Suaro dio sedap jugok
Tambah pulok behi masok
Bihun goreng dan juga keropok
Tini buat oghe kenyang terlajok

Sapo dok kenal Encik Jijo
Oghe kito, oghe lamo
Asalnyo dio lah tok jogho
Tapi tukar sebab ado kijo

Encik Zaimi kembali mengajar
Advance sokmo tok dey nak kejar
Masuk dikir tak yah ajar
Hebat skalo bersemangat waja

Respond lambat itu biaso
Mugo memang gitu oghenyo
Bab makan seroh ke dio
Dr. Z kito dok banyak cagho

Takdok gong dok berlagu
Bendo penting hok kena tahu
Bukan mudoh nok ikut lagu
Sebab tu Amir jong keno tunggu

Sekian sajo kali ini
Harap boleh jupo lagi
Terkasar bahaso harap dimaafi
Sekadar ingin menghibur hati



PROGRAM TASMI' TAHFIZ AL-QURAN (TTA) KALI KE-6

1Fatin Aina Syafiah Rodzri, 1Wan Anisabanum Salleh (Dr.) & 2Siti Sumiati (Dr.)

1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia

2Fakulti Ekonomi, Universitas Islam Sultan Agung, Indonesia

Emel: wananisa@uitm.edu.my (Corresponding Author)



PROGRAM TASMI' TAHFIZ AL-QURAN (TTA) KALI KE-6
SEIRING KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN KEPIMPINAN 2020/2021

				
FATIN AINA SYAFIAH BINTI RODZRI	NUR HAFIZAH BINTI KHUZAIMI	NANI ATUR ROSYIDAH	WAN NUR HAFIZAH BINTI WAN RUZLANUDIN	MUHAMMAD FATHIM BIN WAHANI
• KETUA PROGRAM TASMI' TAHFIZ AL-QURAN (TTA) KALI KE-6 • DEWAN FINANCE STUDENT ASSOCIATION (FISA) • EXCO KECERLANGAN DAN PERKEMBANGAN DALAM FISA • ANUGERAH BOKAN SEMESTER MAC 2021	• PEMERIKSA FINANCE STUDENT ASSOCIATION (FISA) • ANUGERAH BOKAN SEMESTER MAC 2021 • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • TEMPAT PERTAMA STAGIUM AGAMA • TEMPAT PERTAMA STAGIUM AGAMA	• KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE	• KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE	• KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE • KEMAHIRAN KELAS TRIBUTE

TARIKH: 30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2021 MASA: 9:00 PAGI - 5:00 PETANG PLATFORM: GOOGLE MEET DAN YOUTUBE

ANDALAN: YOUNG ENTREPRENEUR ASSOCIATION (YEA)
KEBANGSAAN: SOLAR PLUS TUNGGU
KEBANGSAAN: SOLAR PLUS TUNGGU
KEBANGSAAN: SOLAR PLUS TUNGGU

ELFRA

Pada 30 Oktober 2021 sehingga 1 November 2021 yang lalu, Finance Student Association (FiSA) UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah mengadakan sebuah program yang dinamakan sebagai Program Tasmii' Tahfiz Al-Quran (TTA) Kali Ke-6. Program berbentuk kerohanian ini telah dianjurkan sebanyak 5 tahun berturut-turut dan pada tahun 2021 buat julung kalinya, FiSA menganjurkan Program TTA di peringkat antarabangsa dengan kolaborasi bersama Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA), Indonesia. Selain itu, FiSA juga turut berpeluang berkolaborasi bersama Sekolah Rendah Islam Al-Amin Dungun (SRIAAD), Sani Express Sdn. Bhd., Nadzam



Holdings dan Elfra Group. Program TTA Kali Ke-6 ini telah mendapat sambutan yang cukup memberansangkan dengan penyertaan daripada warga UiTM Cawangan Terengganu, wakil UNISSULA serta orang awam.

Matlamat utama program ini adalah untuk memperkembangkan sistem hafazan para peserta agar lebih teratur dan memberi peluang kepada para peserta memperbaiki bacaan surah hafazan mereka. Selain itu juga, program ini dapat memupuk semangat kerjasama antara pelajar (ahli jawatankuasa dan peserta).

Terdapat beberapa objektif yang perlu dicapai oleh pihak jawatankuasa atau impak yang bakal diterima dan direalisasikan hasil daripada penganjuran program TTA ini seperti:

1. Menyusun strategi tasmi' tahfiz dengan



mengikut kategori yang ditetapkan untuk memperolehi sijil penyertaan.

2. Memperbaiki sistem hafazan para peserta dengan tasmi' bersama para panel yang telah dilantik.
3. Menggunakan sistem i-Tasmi' Tahfiz dan mendapatkan khidmat nasihat dari penasihat pelajar tahfiz supaya para peserta meneruskan tasmi' dengan lebih teratur.
4. Bertukar-tukar idea dan pengalaman antara sesama peserta dan alumni walaupun dalam bidang/fakulti yang berbeza.
5. Mencapai kejayaan dalam bidang akademik atau kokurikulum seiring dengan menghafal al-Quran.

Program yang berlangsung selama 3 hari ini dimulai dengan Bengkel Kaedah Sistem i-Tasmi' serta penerangan mengenai cara penggunaan borang penilaian kepada fasilitator dan panel penilai. Bengkel selama 2 jam ini telah disampaikan oleh Puan Norazmah binti Mat Yusoff dan Dr. Wan Anisabanum binti Dato' Salleh.

Pada hari kedua pula, bermulanya sesi tasmi' di dalam kumpulan. Para peserta telah dibahagikan mengikut kumpulan masing-masing bersama 2 orang panel penilai dan seorang fasilitator.



Seterusnya pada hari ketiga iaitu hari terakhir telah berlangsungnya majlis perasmian dan pengumuman anugerah kepada para peserta tasmi' yang cemerlang melalui aplikasi Google Meet dan YouTube HEP UiTMCT. Majlis perasmian ini telah dirasmikan oleh Datuk Isham bin Ishak iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan turut dihadiri oleh Rektor UiTM Cawangan Terengganu, Timbalan Rektor, para pensyarah serta para pelajar.

Program TTA Kali Ke-6 ini telah membawa tuah kepada FISA dan UiTM Cawangan Terengganu apabila memenangi tempat ketiga bagi kategori Projek KTP Terbaik Keseluruhan Kampus dalam Anugerah Jaringan Industri pada Mei 2022 yang lalu.



ENT300: GENERAL GUIDELINES FOR OPERATIONAL PLAN

(Part 3)

Mohd Ariff Kamaludin, Nik Fazlin Hiryati Nik Jaafar,
Nik Fakrulhazri Nik Hassan, Norlaila Ibrahim,
(UiTM Cawangan Terengganu)
Dr Sakinah Mat Zin (UiTM Cawangan Kelantan)

- a. List of machineries and equipment. Number of machineries and equipment needed must be calculated using a formula in order to make sure it is enough to cover the production. The price of these machineries and equipment must not be made based on assumptions. A survey should be carried out to get the accurate pricing.

The supplier listed should be the company that the items are acquired from and not the producer. For example, the supplier of chiller is A&A Industrial Machineries and not Daikin.

Identify the mistakes made in Table 1?

Item	Price / unit (RM)	Unit required	Total cost (RM)	Supplier
Equipment	700	1 set	700	KK Bakery Supply & Distribution Store
Cash deposit machine	2000	1	2000	AXN Appliances Sdn. Bhd
Chiller	2,800	1	2800	A&A Industrial Machineries
Freezer	1400	1	1400	
Ice box	15	2	15	Atlas Group
TOTAL			8,915	

Table 1: List of Machineries and Equipment

These are the mistakes:

1. The items listed are not specific for instance, equipment. It is too general. Be specific in listing. Most probably, it could be book shelves that is used for administration purposes and should be placed in the administration plan.
2. The lists of suppliers are not complete. Complete address must be given and not only the name of the company.
3. The total cost of purchasing the ice box is incorrect because it must be multiplied by 2 units with the total cost of RM30.

Thus, the alternative solution to this problem is by preparing a checklist for machineries and equipment as suggested in Table 2.

Items*	Price/unit unit (RM)	Unit required	Total cost (RM)	Maintenance Cost (yearly) (RM)	Supplier	Picture
Mixer stand	2000	3	6000	100	KK Bakery Supply & Distribution Store, Jalan Melali, Banting	
Oven	4500	2	9000	80		
Trays & Bowls Set	300	3	900	-		
Utensil & Spatula set	100	5	500	-		
Cash deposit machine	2000	1	2000	20	AXN Appliances Sdn. Bhd, Persiaran Mahkota, Sepang	
Chiller	2800	1	2800	100	A&A Industrial Machineries, Taman Industri Utama, Banting	
Freezer	1400	1	1400	100		
Ice box	15	2	30	-	Atlas Group Supply, Jalan Meranti, Banting	
TOTAL			22,630	400		

*part of complete set of machineries and equipment needed

Table 2: Checklist for Machineries & Equipment

- Workers.** Use formula in identifying the number of workers needed. Make sure that all operation activities or task and responsibilities are taken into consideration so that operation process is smooth. Other than that, this is also to ensure optimal budget for operation. It is inefficient if workers capacity in relation to unit of machine and amount of raw material are not realistic. This will lead to over or under budget. Having an optimum number of workers is very important especially for the first year of operation.

Let say, calculation shows the enterprise needs seven (7) workers to produce or provide intended sales forecast and existing partners is five (5), as a result, two (2) additional workers are needed to hire another.

- c. **Schedule of remuneration.** If the total number of workers does not tally with the requirement calculated, this will cause miscalculation. Be aware with the current information on rules and regulations related to minimum salary as well as the latest rate of SOCSO and EPF.
- d. **Operation budget.** Putting figures in the wrong column is common. Thus, it is important to put the right items in the right column of the budget table with the right figures. For example, machineries and equipment are fixed asset and not monthly expenses. This mistake must be avoided because it may affect the overall financial plan.

"If you cannot do great things, do small things in a great way"
(Napoleon Hill)



Roseziahazni Abdul Ghani1,
A'tiqah Rashidah Abu Samah1,
Nurul Syuhada Baharuddin1 &
Zuraida Mohamad1
1Faculty of Business
Management, Terengganu
Campus,
Universiti Teknologi MARA,
Malaysia

Corresponding Author:
roseziah@uitm.edu.my



COST BENEFIT ANALYSIS (CBA) is a crucial method for assessing investments in projects or programs involving the public interest. CBA analysis aims to provide preliminary information (in terms of economic parameters) for decision makers in determining the possibility of non-monetary profit projects such as flood mitigation projects, considering the creation of an industrial park to spur economic growth and jobs, and turning a forest into a palm oil plantation. Despite having very little financial resources, the government must conduct many initiatives or projects. They must therefore be used more effectively, that is, in accordance with specified standards considering the social and economic objectives of society. Using CBA, the government guarantees that economic resources are used effectively by choosing ventures that adhere to efficiency standards, (Volden, 2019).

The CBA aims to assess the financial effects of project alternatives implementation on key stakeholders, including the government, locals, and the aforementioned agency or company, over a specified time period. The alternatives' strengths and weaknesses are estimated using CBA. Benefits and costs are expressed in monetary terms and adjusted for the time value of money.

Organizations frequently utilise CBA to measure the desirability of a particular policy. It is an assessment of the anticipated benefits and costs, taking into consideration the status quo and foregone alternatives. Aggregation involves comparing profits and costs across several entities and time periods, and benefits and costs must be identified and assessed. CBA aids in determining if a policy's advantages outweigh its costs and, if so, by how much in comparison to other alternatives, allowing one to rank the alternative policies according to their cost-benefit ratio

There are three (3) measurements that typically employed in CBA as the decision criteria. The measurements are Net Present Value (NPV), Benefit Cost Ratio (B/C Ratio) and Expected Internal Rate of Return (EIRR).

Net Present Value (NPV)

All the future costs and benefits of each project scenario based on each economic life

of project were converted into present values using discount rate at fixed discount rate. According to Zhuang, Liang, Lin, De Guzman (2007), public discount rate practises vary widely over the world, with developed countries employing lower rates (3 to 7 percent) than the developing countries surveyed (8-15 percent). This discount rate is used to represent the opportunity costs of using the public funds for the given project. Public projects that have a positive NPV (benefits that outweigh costs) will be deemed acceptable or desirable. Following is the formula used to measure the NPV.

$$NPV = \sum_{i=1}^n \frac{B_i}{(1+r)^i} - \sum_{i=1}^n \frac{C_i}{(1+r)^i}$$

Benefits Costs Ratio (B/C Ratio)

The B/C Ratio is a variant of the NPV. The present value of benefits is divided by the present value of costs. The project is undesirable if the B/C ratio is less than 1.0. It is a marginal project if it is exactly 1.0, but if it is greater than 1.0, its execution would seem justifiable. A project is deemed to bring value to society if the ratio exceeds 1, i.e., benefits outweigh costs. Following is the formula used to measure the B/C Ratio.

$$BC \text{ Ratio} = \frac{\sum_{i=1}^n \frac{B_i}{(1+r)^i}}{\sum_{i=1}^n \frac{C_i}{(1+r)^i}}$$

Expected Internal Rate of Return (EIRR)

An Expected Internal Rate of Return (EIRR) is used as the indicator of the efficiency of a project investment. EIRR is defined as the discount rate that equalises the present value of the flow of costs incurred in the project with that of benefits, resulting in a Net Present Value (NPV) of 0 (zero), or a B/C ratio of 1, which indicates the proportion of profit the investment will be repaid with. This criterion determines the interest rate internally, indicating the project's return on investment, in contrast to the other two criteria, which use a fixed discount rate. The project is considered favourable if the EIRR is higher than the projected average return on public funds. Following is the formula to measure EIRR.

$$\sum_{i=1}^n \frac{B_i}{(1+r)^i} = \sum_{i=1}^n \frac{C_i}{(1+r)^i}$$

Conclusion

Cost-benefit analysis (CBA) attempts to provide decision-makers with preliminary data (in terms of economic parameters) to help them assess the viability of non-financial profit initiatives, particularly when it comes to public works projects that are funded by the public. This economic information (B/C ratio, EIRR, and NPV) can quickly indicate how attractive a project is. Decision-makers can therefore use the results of CBA as the basis for making informed project implementation decisions.

Reference

- [1] Boardman, Anthony E. et al, Cost Benefits Analysis. Concepts and Practice, 5th Edition, (Cambridge University Press, 2018).
- [2] Volden, G. H. (2019). Assessing public projects' value for money: An empirical study of the usefulness of cost-benefit analyses in decision-making. *International Journal of Project Management*, 37(4), 549-564.
- [3] Zhuang, J., Liang, Z., Lin, T., & De Guzman, F. (2007). Theory and practice in the choice of social discount rate for cost-benefit analysis: a survey (No. 94). ERD working paper series.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com